



## **DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

### **PENGGAL KETIGA**

### **MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**SHAH ALAM, 03 APRIL 2015 ( JUMAAT )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 9.30 pagi**

### **YANG HADIR**

**Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
(Tuan Speaker)**

**Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
(Dato' Menteri Besar Selangor)**

**Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)**

**Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad,D.P.M.S. (Chempaka)**

**Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)**

**Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)**

**Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)**

**Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)**

**Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)**

**Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)**

**Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)**

**Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)**

**Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad(Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/l Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Puan Diana Binti Shuwardi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**  
Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Shahzrin bin Dzahari

**Pelapor Perbahasan**  
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

( Dewan disambung semula )

( Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat )

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir-Rahmanir-Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang kelima 3 April 2015 dimulakan dengan bacaan doa.

## I. DOA

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat:

- i. Kertas Mesyuarat Bil. 24 Tahun 2015
  - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JPBT bagi Dewan Negeri Selangor susulan daripada lawatan ke Majlis Perbandaran Kajang, MPKj.
- ii. Kertas Mesyuarat Bil. 25 Tahun 2015
  - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JPBT bagi Dewan Negeri Selangor susulan daripada lawatan ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya, MBPJ.
- iii. Kertas Mesyuarat Bil. 26 Tahun 2015
  - Maklum Balas Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkuasa Tempatan JPBT bagi Dewan Negeri Selangor berkenaan pindaan rancangan tebatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020.

## II. PERTANYAAN-PERTANYAAN:

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua. Sebelum saya meneruskan dengan pertanyaan, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut *Good Friday* dan selamat menyambut *Easter* kepada semua pengikut Kristian. Soalan seterusnya Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan nombor 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: PEMUTIHAN KILANG-KILANG HARAM**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan senarai kilang haram yang belum berjaya diputihkan mengikut PBT di Selangor?
- b) Adakah tindakan kerajaan negeri terhadap pemilik kilang haram yang masih tidak mematuhi peraturan ditetapkan?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Sungai Burong. Data berkaitan kilang haram di negeri Selangor berdasarkan laporan kemajuan pemutihan Kilang tanpa kebenaran di negeri Selangor adalah lot, jumlah lot yang adalah 3,086. Jumlah lot yang membuat permohonan adalah 1,275. Kelulusan telah diberikan adalah 1,000 lot dan terdapat 2,052 masih belum mengemukakan permohonan kepada kerajaan negeri ataupun Pejabat Daerah. Tindakan, tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan selepas tamat tempoh program ini pada 31 Disember 2015. Walaupun kilang tanpa kebenaran yang tidak berada di zon pemutihan ia akan dikenakan tindakan penguatkuasaan serta-merta, sekian.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Puan Speaker, soalan tambahan. Terdapat masih banyak lagi kilang-kilang haram yang belum lagi diputihkan dan Sungai Burong ingin tahu status kajian yang telah dibuat oleh kerajaan negeri mengenai penilaian bagi menangani masalah keengganan pemilik-pemilik tanah menyertai program pemutihan kilang haram tersebut dan apakah langkah-langkah yang telah diambil ke atas mereka.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Sungai Burong. Kajian telah dibuat, telah memberi beberapa cadangan. Salah satu adalah kita perlu mengkaji balik tentang insentif yang telah diberikan kepada mereka kerana program ini telah berlanjut selama lebih daripada 10 tahun dan tawaran daripada kerajaan negeri memang saya rasa munasabah kerajaan negeri memberikan diskaun sebanyak 50 peratus atas premium ataupun kelulusan telah dibagi. Tetapi hingga hari ini masih terdapat hampir 2 ribu lebih jadi kerajaan negeri telah memutuskan bahawa kita akan mengurangkan premium secara berperingkat supaya memberi satu amaran kepada mereka untuk mempercepatkan permohonan mereka. Itu yang kita akan lakukan.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kilang haram adalah merupakan ataupun penyumbang di antara penyumbang masalah kepada pencemaran dan berbagai masalah lain. Jadi, adakah pihak kerajaan mempunyai senarai kilang haram yang berada dalam sepanjang ataupun lembangan sungai di seluruh negeri Selangor yang merupakan kawasan tadahan air yang penting.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Tanjung Sepat. Tetapi saya rasa tidak adillah bahawa kalau kita katakan kilang haram, semua kilang haram akan menyumbang kepada pencemaran air tetapi mungkin sebahagian menyumbangkan kepada pencemaran air tetapi kilang yang mendapat lesen pun seperti apa yang kita lakukan semalam bahawa kita telah menutupkan sebuah kilang yang berlesen di tepi sungai kerana disyaki menyumbangkan pencemaran di sungai tersebut. Jadi, pada masa ini JAS dan juga LUAS sedang dalam usaha untuk mengumpul kilang-kilang di sepanjang lembangan supaya kita dapat *identify* kilang-kilang yang berpotensi untuk memberi pencemaran ke sungai dan kita akan melakukan tindakan ke atas mereka.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Puan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Speaker. Saya nak tahu, adakah kerajaan negeri telah siapkan satu garis panduan negeri kepada semua PBT untuk mengikut garis panduan tetap yang telah disediakan oleh UPEN atas, di mana kilang-kilang haram ini akan ikut garis panduan itu yang disediakan oleh negeri. Soalan saya ialah sebab di PBT-PBT mereka gunakan satu keadaan ataupun undang-undang yang tak berapa sama dengan apa yang dikatakan di dalam Dewan ini sebelum ini. Adakah garis panduan itu telah ditetapkan dan digunakan oleh semua PBT atas kilang haram di dalam negeri Selangor.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Seri Andalas. Kerajaan negeri telah, memang ada satu garis panduan untuk semua PBT supaya program yang dilaksanakan oleh kerajaan ini dapat diselaraskan. Saya tidak pasti apa yang dikatakan, isu apa yang dikatakan oleh Seri Andalas kalau ada isu yang spesifik

saya lebih boleh jelaskan kerana memang ada satu garis panduan yang untuk semua PBT.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Boleh berikan kepada Dewan tak kepada ADUN semua garis panduan itu sebab kita boleh ambil balik kepada PBT-PBT masing-masing.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan Tambahan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Ya, tak ada masalah.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Apa akan berlaku ke atas kilang-kilang yang masih belum memutihkan ataupun mengambil langkah-langkah yang telah disarankan apabila tarikh tamat pada 31 Disember 2015.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Dua aspek kita boleh ambil tindakan. Satu; daripada Kanun Tanah Negara, Pejabat Daerah boleh menggunakan apa yang diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara untuk memberi kompaun kepada mereka dan boleh menggunakan UK bagi PBT masing-masing atas bangunan mereka, bagi kompaun dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin cadangkan kepada Yang Berhormat EXCO kilang haram ini kita jangan gunakan ayat kilang haramlah, boleh kita gunakan kilang tanpa izin kerana dia juga menyumbangkan kepada kegiatan ekonomi. Haram tu tak berapa eloklah, tanpa izin, itu satu. Yang kedua; soalan saya ialah daripada jumlah, jumlah 3,000, 3,000 lebih yang kilang tanpa izin yang ada hanya seribu sahaja, 1,200 lebih yang mengutarakan permohonan. Saya nak tanya apakah kekangan yang dihadapi oleh mereka sehingga 1000 lebih sahaja yang membuat permohonan. Sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Sekinchan yang begitu prihatin. Nama yang kita gunakan sekarang adalah kilang tanpa kebenaran. Kekangan yang dihadapi oleh kebanyakan kilang ini adalah; satu; mereka merupakan pengusaha yang kecil, kilang yang kecil, sederhana. Memang dalam isu kewangan mereka, kalau mereka tak dapat kelulusan daripada kerajaan negeri walaupun diskuan 50 peratus tetapi masih mereka dapat kesusahan untuk dapat pinjaman daripada bank. Itu masalah yang biasalah, yang dihadapi oleh mereka. Tetapi saya rasa mereka perlu cubalah sedaya upaya untuk membuat permohonan kepada kerajaan negeri insentif ini mungkin akan dibatalkan selepas tahun ini.

**TUAN SPEAKER:**Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih, soalan saya nombor 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE**  
**(BALAKONG)**

**TAJUK: PENYELENGGARAAN RUMAH BERTINGKAT KOS RENDAH**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan perancangan Kerajaan untuk membantu penyelenggaraan rumah bertingkat kos rendah yang sering terabai terutamanya mereka yang gagal menujuhkan JMB.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Balakong. Berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 25 Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan Dan Pengurusan 2007) ataupun Akta 663, Pesuruhjaya Bangunan boleh melantik ejen pengurusan untuk melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan di pangaspuri yang bermasalah terutamanya yang gagal menujuhkan JMB. Dan setakat ini sebanyak 224 kawasan pangaspuri yang telah diambil alih oleh agen di atas usaha kerajaan negeri melalui Pesuruhjaya Bangunan. Dan selain daripada itu pihak kerajaan negeri melalui Lembaga Perumahan dan juga Pesuruhjaya Bangunan sentiasa turun ke bawah untuk membantu ataupun untuk lebih kurang untuk memujuk penduduk untuk menujuhkan JMB kerana kita memberikan insentif penujuhan JMB ini seperti boleh mendapat dimasukkan di bawah Skim Ceria iaitu untuk membaik pulih kemudahan-kemudahan dan juga mungkin menjelak semula di kawasan-kawasan tersebut. Selain daripada itu terdapat banyak kemudahan-kemudahan ataupun program-program yang diberikan kepada pihak JMB, pihak Pangaspuri yang ada JMB ataupun MC. Selain daripada itu adalah, selain daripada Skim Ceria kita ada juga Skim Seroja iaitu Skim Rondaan Keselamatan. Jadi, bermakna bahawa, usaha selain daripada usaha melantik agen tetapi kerajaan negeri juga memujuk ataupun menggalakkan pihak penduduk untuk menujuhkan JMB mereka sendiri, terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:**Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih. Saya nak bertanya kepada Y.B. EXCO adakah kerajaan bersedia untuk membantu rumah pangsa kos rendah yang menghadapi masalah dalam pembersihan awam. Contohnya, dengan adanya JMB ke tidak, mereka menghadapi masalah kutipan *maintenance fee* yang sangat

rendah, jadi, mereka memang tak mampu nak melantik kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan awam. Adakah pihak kerajaan merancang untuk membantu dari segi itu dan bilakah pihak kerajaan negeri Selangor akan mengimplementasikan Akta 757 tu, terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Soalan di situ sama ada kerajaan negeri akan membantu iaitu sama ada dari segi kewangan ataupun dari segi tindakan-tindakan yang lain, seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar semalam dan juga telah diputuskan *Retreat EXCO* bahawa *common property* ataupun harta bersama seperti mana jalan-jalan, kerajaan negeri akan mempertimbangkan. Ada satu kelulusan sebenarnya untuk rumah kos rendah kerajaan negeri akan menyelenggarakan jalan-jalan tersebut mungkin di bawah satu peruntukan yang khas. Yang ini saya, saya merasakan bahawa dapat membantu mereka, banyak dapat membantu mereka.

Dari segi pungutan, masalah utama pangsapuri ini bukannya mereka tidak mampu untuk bayar, sebab ada tempat yang mereka hanya perlu membayar RM5.00 ataupun RM10.00 sahaja sebulan tetapi adalah sikap kerana mereka tidak mahu bayar. Ada dua cara atau dua pendekatan, yang pertama; seperti mana saya umumkan semalam iaitu adalah dengan kita melakukan tindakan-tindakan penguatkuasaan di mana ada 571 kes yang telah dibawa ke mahkamah. Yang kedua; adalah dengan kita melakukan program-program kemasyarakatan di bawah satu kempen dinamakan Bersih, Ceria, Harmoni dengan harapan bahawa apabila kita dapat mewujudkan rasa kekitaan di kalangan penduduk-penduduk mereka akan merasakan bahawa ini kediaman mereka dan mereka akan bersama-sama menguruskan. Ada dua pendekatan; yang pertama adalah penguatkuasaan, yang kedua adalah dengan program-program kemasyarakatan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan Tambahan

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:**Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin merujuk kepada Skim Ceria ini yang saya difahamkan bahawa salah satu syarat adalah *flat* tersebut mesti ada JMB ataupun MC. Kalau tidak, dia mesti menubuh satu persatuan untuk kerana salah satu syarat adalah penduduk perlu menyumbang 20% di mana kerajaan negeri hanya akan memberi 80%. Jadi, saya rasa ini agak susah kerana sekiranya mereka tidak ingin menubuhkan JMB ataupun JMC, sama juga mereka tidak ingin untuk menubuhkan persatuan ataupun selepas pertubuhan itu, mereka tidak menjalankan ataupun dia tidak aktif. Jadi, adakah kerajaan negeri akan mempertimbangkan bahawa untuk mengecualikan *flat-flat* yang tidak mempunyai JMB, MC apabila melaksanakan Skim Ceria?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Setakat ini, dari segi permohonan JMB atau MC beberapa bulan yang lepas ataupun yang terkini, kita ada lebih kurang 150 yang sedang diproses dan juga sedang berjalan. Bermakna, itu sebab kita akan memberi keutamaan kepada yang ada JMB ataupun yang ada persatuan penduduk. Walau bagaimanapun, sekiranya ada tempat yang benar-benar memerlukan atau kerosakan-kerosakan serius yang boleh mengancam nyawa. Contohnya seperti kerosakan dari segi bumbung ataupun dari segi lif dan sebagainya bermakna bahawa pihak Lembaga Perumahan (kita) boleh turun dan bincang melibatkan ADUN sekali untuk menyelesaikan masalah tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Penjelasan. Penjelasan, Puan Speaker. Soalan saya adalah sama ada kerajaan negeri akan mengadakan satu polisi secara am untuk mengecualikan semua *flat-flat* kos rendah yang tidak ada JMB dan MC untuk membantu mereka dan memberi 100% sumbangan untuk Skim Ceria ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Dari segi sumbangan, walaupun kita minta 20% ataupun 20% daripada penduduk, tetapi kita beri *the most minimum* mereka (penduduk) boleh bayar RM5 saja sebulan. Janji ataupun dengan syarat mereka bayar. RM5 sebulan pun sudah cukup, sudah memadai. Sebab apa kita buat sedemikian? Kita pernah ada pengalaman di mana kita bantu atau kita baik pulih 100% dua tempat (Pandamaran (1) dan juga di Ampang (1), di Lembah Jaya (1)). Dan dalam kes sedemikian, apabila 100% ditanggung oleh kerajaan mereka tidak merasakan bahawa kemudahan itu milik mereka. Sebab kenapa kita minta penduduk bayar, kerajaan negeri boleh tanggung 100% dan sememangnya *rate* untuk membayar ataupun kadar bayarannya adalah teramat rendah. Saya tak ada dia punya *figure* sekarang. Tapi teramat rendah. *Reason* kenapa kita wajibkan sebab kita nak mereka rasa bahawa ini adalah mereka yang punya.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Saya difahamkan ada keadaan bukan mereka tidak ingin membayar, tetapi dia tak ada JMB ataupun MC. Jadi mereka tidak dapat membayar. Jadi, tidak dapat dilaksanakan Skim Ceria dan mereka terus *suffer*. Jadi, saya yang menuju kepada keadaan tersebut, tiada JMB, tiada MC, tiada persatuan yang ditubuhkan. Jadi, dalam keadaan tersebut bolehkah kerajaan negeri mengambil tindakan secara aktif untuk membantu mereka?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Dari segi kalau sedemikian, kita perlu ada satu polisi baru iaitu bukan JMB ataupun bukan MC ataupun bukannya persatuan penduduk, tetapi kerajaan negeri sendiri bersama dengan ADUN ataupun penyelaras sendiri yang akan mengusahakan ataupun menguruskan kutipan tersebut.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Bersama PBT. Bersama PBT.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Bersama COB.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Kerana COB dia akan ada senarai yang mana kos (*flat-flat* kos rendah) tanpa JMB dengan MC. Saya rasa mereka ada rekod sebenarnya. Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ada. Saya pun ada rekod itu. Ya lah. Bermakna bahawa boleh. Tapi yang penting penduduk kena bayar. Kita tak boleh *waive* (tak boleh kecualikan). Penduduk kena bayar sebab dalam banyak kes, kita memang turunkan sampai RM5 sebulan. Kalau dalam dari kos baik pulih, walaupun kita minta RM5 itu, empat tahun atau lima tahun baru selesai pembayarannya. Tapi, kenapa kita wajibkan? Sebab nak mereka supaya mereka rasa bahawa kemudahan itu mereka yang punya. Jadi, mereka yang akan jaga. Itu sebabnya.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya sama ada di dalam Selangor ini, ada PBT yang telah ambil alih. Sebab saya difahamkan MPAJ ada ambil alih pengendalian untuk *flat* kos rendah dan saya nampak ada tak satu kajian bahawa kita buat sedemikian, mereka yang tidak bayar *maintenance* tu kalau diambil alih oleh PBT, dia ada satu cara bahawa kita boleh caj dalam cukai pintunya (untuk *owner* itu) untuk bayar. Jadi, ada tak kita ada kajian ataupun boleh buat sedemikian?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Belum ada lagi kajian untuk kita menyerahkan kepada PBT. Yang sekarang ini, usaha kita adalah untuk memastikan bahawa JMB itu dapat ditubuhkan. Itu usaha kita yang betul-betul kita (yang Lembaga Perumahan dan COB) bekerja keras untuk menubuhkan JMB supaya mereka dapat *manage* sebab kita melihat perkara yang samalah. Kalau PBT mengambil alih, mereka tidak rasa bahawa itu komuniti mereka. Jadi, yang pentingnya dalam kempen kita yang “Bersih, Ceria, Harmoni” itu, untuk mewujudkan rasa/perasaan bahawa itu adalah kediaman mereka. Itu yang kita nak. Bukan orang lain yang ambil alih. Tapi kerajaan negeri bantu. Ada banyak program seperti FOKUS (Format Kurikulum Perumahan Berstrata) dan walaupun bukannya kerajaan negeri yang menguruskan kawasan tersebut, tetapi ada terlalu banyak program SEROJA dan sebagainya untuk kita *empower* (dengan izin) atau memperdayakan penduduk rumah kos rendah ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(N42 MERU)**

**TAJUK: LEBUH RAYA KIDEX**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah tema perjanjian awal tersebut?
- b) Apakah ada risiko saman atas pembatalan tersebut ke atas kerajaan Selangor?
- c) Apakah kekuatan kerajaan mempertahankan hak rakyat dalam isu ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya mohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk saya menjawab soalan daripada no.30 dan bersama-sama dengan Y.B. Kuang (no.80) dan Y.B. Damansara Utama (no.285) kerana ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat ini mengemukakan isu yang sama berhubung Lebuhraya KIDEX.

Seperti yang kita sedia maklum, isu Lebuhraya KIDEX ini telah berlanjutan sekian lama. Dan saya bersyukur ke hadrat Allah SWT dalam tempoh yang singkat apabila saya diberikan amanah setelah mendapat pandangan daripada Ahli Parlimen dan Ahli-Ahli Dewan Negeri kawasan yang berkenaan dan mendengar / mendapat maklum balas daripada beberapa pihak *state holders* di kawasan yang berkenaan, kita telah membuat keputusan untuk membatalkan pembangunan KIDEX ini.

Kredibiliti dan integriti seseorang pemimpin diukur di atas keupayaan membuat keputusan dan berani buat keputusan. Pemimpin tidak boleh diukur apabila dia tidak berani membuat keputusan dan senantiasa mengambil jalan selamat. Itu ukur seseorang pemimpin.

Dalam isu KIDEX ini, pada 17 Februari 2015 MMKN telah bersidang dan telah membuat keputusan untuk tidak mempertimbangkan dan membatalkan pembangunan Lebuhraya KIDEX. Dan keputusan ini adalah selaras dengan kegagalan pihak konsesi Projek Lebuhraya KIDEX untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan negeri:-

- a) Menyediakan penilaian Impak Lalu Lintas ataupun TIA yang bebas, Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA). Kajian perlu membuktikan manfaat yang ternyata kepada pihak pengguna dan penduduk di kawasan yang terlibat setelah mengambil kira kesan negatif yang timbul akibat pembinaan lebuh raya tersebut;
- b) Kita juga telah menetapkan supaya pihak konsesi mendedahkan kadar tol sepanjang tempoh konsesi termasuk fasa kenaikan tol yang ditetapkan dalam konsesi. Pihak konsesi perlu memberi anggaran rasmi jumlah tol yang akan dikutip dan kadar pulangan pelaburan atau *rate of return to investment*;
- c) Pihak konsesi perlu mendedahkan perjanjian konsesi sepenuhnya untuk mematuhi dasar kerajaan negeri yang mengamalkan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban.

Syarat-syarat ini telah pun dikemukakan kepada pihak LLM dan Kementerian Kerja Raya pada 29 Disember 2014 di mana mereka perlu mematuhi syarat-syarat kerajaan negeri pada atau sebelum 15 Februari 2015. Pada 19 Mac yang baru lalu, Menteri Kerja Raya telah datang bertemu dengan saya dan bertanya apakah kerajaan negeri bersedia menimbangkan semula pembangunan Lebuh Raya KIDEX. Jawapan saya sekali lagi tegas dan jelas ‘kerajaan negeri tidak akan mempertimbangkan pembangunan Lebuh Raya KIDEX’.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga telah menyatakan kepada Y.B. Menteri Kerja Raya bahawa sebarang pelaksanaan pembangunan projek di negeri Selangor perlu mematuhi peraturan Seksyen 20(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh memulakan / mengusahakan atau menjalankan apa-apa pemajuan selain menurut kebenaran merancang yang diberikan kepadanya. Seksyen 20(a) Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) juga mengehendaki setiap jabatan atau agensi kerajaan berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri terlebih dahulu berkenaan aktiviti pemajuan yang hendak dijalankannya. Ini adalah bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri mengambil maklum berkenaan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan dan mengelakkan kemungkinan pemajuan berkenaan terkeluar daripada perancangan dan seterusnya menyulitkan kerja-kerja penyelarasian pembangunan fizikal di kawasan tersebut.

Untuk makluman Y.B. Meru, kerajaan negeri juga mempunyai kedudukan yang kuat dari segi perundangan dengan mengguna pakai Seksyen 18(1) Akta 172 yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan sesuatu tanah atau bangunan di gunakan melainkan menurut Rancangan Tempatan.

Untuk menjawab Y.B. Damansara Utama, kerajaan negeri juga telah memutuskan pembangunan Lebuh Raya KIDEX tidak dimasukkan dalam Rancangan Tempatan Majlis Bandar Raya Petaling Jaya. Lanjutan daripada itu, kerajaan negeri telah mengarahkan supaya pembangunan Lebuh Raya KIDEX tidak dimasukkan di dalam Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor yang sedang digubal hari ini. Tindakan ini adalah jelas menunjukkan bahawa pembangunan Lebuh Raya KIDEX tidak dipertimbangkan dan dibatalkan pembangunannya oleh kerajaan negeri.

Berkaitan dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Meru tentang terma perjanjian yang telah ditandatangani sebelum ini, kerajaan negeri tidak pernah didedahkan tentang terma-terma Perjanjian Lebuh Raya KIDEX. Perjanjian adalah di antara kerajaan persekutuan iaitu Kementerian Kerja Raya dengan Syarikat Konsesi Lebuh Raya KIDEX Sdn. Bhd. Yang telah ditandatangani pada 15 November 2013 dan dokumen perjanjian diklasifikasikan sebagai ‘Sulit dan Terhad’. Kerajaan negeri telah meminta untuk perjanjian ini didedahkan kepada pihak awam, namun usaha tersebut tidak pernah diendahkan oleh kerajaan persekutuan.

Yang terakhir berkenaan dengan bantahan-bantahan yang telah diterima daripada penduduk seperti yang saya tegaskan tadi.

Saya sendiri telah turun bertemu dengan Ahli-Ahli Parlimen, Ahli- Ahli Dewan Negeri kawasan yang terlibat bersama-sama dengan Pertubuhan *Say No To KIDEX* dan antara bantahan yang dikemukakan ialah tiada kajian dan penerangan lengkap berhubung *justifikasi pembinaan projek dari sudut ekonomi dan sosial*. Yang kedua *level of service* juga tetap kekal di tahap F walaupun apabila lebuh raya siap dibina. Ketiga pencemaran bunyi masalah statik tentang sosio ekonomi dan isu keselamatan tidak diambil kira oleh pihak yang berwajib. Yang Keempat reka bentuk Lebuh raya dipersoalkan kerana tiada terus kepada jalan-jalan utama serta lebuh raya yang lain dan yang kelima secara perbandingan kos secara perbandingan kos pembinaan struktur bertingkat ataupun *elevators* tidak setimpal dengan anggaran *mobility* penduduk berbanding menggunakan *mood* pengangkutan rel. Jadi atas alasan-alasan yang berkenaan Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan pendekatan mengambil kira pandangan orang ramai dalam menentukan kelulusan sesebuah projek agar ia membawa manfaat menyeluruh. Selain daripada pembangunan ekonomi pentadbiran juga menitik berat sumber sosial dan manusiawi dalam setiap projek yang diluluskan. Dasar pembangunan yang berkualiti rakyat dipeduli akan menjadi teras dalam setiap pembangunan di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:**Soalan tambahan. Sungai Burong

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker, Sungai Burong menghargai atas kepedulian Y.A.B .Menteri Besar terhadap bantahan rakyat ataupun tindakan rakyat dalam melaksanakan projek KIDEX walau bagaimanapun Sungai Burong ingin bertanya oleh kerana sekiranya projek KIDEX

ini tidak dapat dilaksanakan ya. Tujuan projek KIDEX ini adalah untuk memberikan penyuraian kepada kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut ini. Adakah alternatif lain ya oleh kerajaan negeri untuk pasti bahawa masalah kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut ini dapat diselesaikan supaya dalam jangka panjang rakyat di kawasan berkenaan juga yang lain dapat menerima nikmat ataupun faedah daripada kerajaan itu daripada projek tersebut daripada membiarkan nanti masalah kesesakan berlanjutan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong. Saya telah berbincang panjang dengan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pada 19 Mac yang lalu di mana kerajaan negeri telah mencadangkan supaya satu usaha untuk membangunkan pelan induk sistem pengangkutan awam di negeri Selangor yang lebih *efficient* memberi kesejahteraan kepada rakyat antara isu yang saya bangkitkan ialah memohon supaya Kementerian dapat mendesak Kerajaan Persekutuan memberikan pelaburan yang lebih kepada SPAD Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat. Kerana bagi Kerajaan Negeri penyelesaian kepada penyuraikan trafik di negeri Selangor ini tidak semestinya dapat diselesaikan dengan pembinaan lebuh raya. Kita harus memikir *option* dan pilihan yang lain bagi mencapai maksud tersebut di atas khususnya membina banyak pengangkutan awam dan ini di bawah tanggung jawab Suruhanjaya Pengangkutan Darat aaa Pengangkutan Awam Darat iaitu SPAD. Dan saya berharap sasaran yang dibuat oleh SPAD menjelang 2030 itu dapat dipinda kerana mengikut sasaran SPAD menjelang tahun 2030 apa ini kadarnya ialah 40:60 iaitu 40 *public transportation* 60 *private transportation*. Kalau ini berlaku kesesakan akan terus berterusan kerana *ray shawapabila* 40 : 60 LLM akan memain peranan membina lebih banyak lebuh raya untuk komoditi 60 % yang telah disasarkan, maka Kerajaan Negeri mensasarkan ini dipinda kepada 60:40, 60 *public transportation* dan 40 *private transportation* dengan cara itu boleh kita kurangkan trafik di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan tambahan. Rawang soalan seterusnya.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker Soalan No. 31

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : SKIM SEWA BELI RUMAH KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan projek perumahan dan jumlah unit yang ditawarkan dalam skim sewa beli Kerajaan Negeri Selangor.

- b) Apakah syarat-syarat mereka yang ingin memohon?
- c) Agensi manakah yang bertanggungjawab untuk memantau dan meluluskan skim sewa beli perumahan?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum*, terima kasih kepada Yang Berhormat Rawang. Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Pembiayaan Perumahan Selangorku ataupun (DANA-SEL) iaitu Konsep Sewa dan Milik akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan sebagai permulaan ia akan dilaksanakan bagi projek perintis RKR Rimba Jaya berjumlah 104 unit dan RKR Sungai Sering berjumlah 116 unit. Dana yang diperuntukkan sebanyak 10 juta untuk peringkat permulaan. Setakat ini bilangan pemohon permohonan yang telah diluluskan adalah seperti berikut : RKR Rimba Jaya sebanyak 49 pemohon telah berjaya dan RKR Sungai sering sebanyak 21 pemohon yang lain-lain kita masih lagi memproses. Syarat-syarat kelayakan permohonan bagi skim ini adalah seperti berikut :

- i) Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas;
- ii) Pemohon hendaklah terdiri daripada senarai Peneroka Bandar yang berdaftar dengan LPHS. Senarai nama ini hendaklah disaring dan disahkan oleh pihak LPHS;
- iii) Tidak layak membuat pinjaman bank. Pemohon mempunyai pendapatan tidak tetap, tidak mempunyai penyata pendapatan, tidak direkodkan dalam CCRIS dan CTOS dan lain-lain;
- iv) Pendapatan kasar seisi rumah minimum RM1,000.00 sebulan;
- v) Pembelian hendaklah rumah pertama bagi kategori kediaman kos rendah untuk didiami dan bukan untuk disewa;
- vi) Berkeupayaan membayar sewa iaitu pembayaran bulanan tidak melebihi 40% dan pembayaran bulanan kesemua pinjaman tidak melebihi 65% daripada pendapatan kasar.

Walau bagaimanapun yang ini untuk peringkat yang pertama iaitu RKR Rimba Jaya dan RKR Sungai Sering di mana kita fokus kepada Peneroka Bandar. Sekarang ini cadangan supaya ia dibuka bukan hanya kepada Peneroka Bandar tetapi kepada rumah Selangorku dan juga kepada pembeli-pembeli yang memerlukan yang lain. Persoalan siapkan yang bertanggungjawab tentang yang bertanggungjawab agensi yang memantau dan meluluskan Skim DanaSel ini yang bertanggungjawab adalah Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor iaitu LPHS. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Soalan tambahan. Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya apakah kriteria yang Kerajaan gunakan pilih projek perumahan yang boleh dibuka untuk Skim Sewa Beli ini dan bilakah akan ada maksudnya tadi Yang Berhormat EXCO jelaskan akan adakan gaji akan dibuka kepada projek-projek yang lain khasnya saya rasa untuk PPR yang sedia ada yang kita sedia maklum penduduknya pembelinya menghadapi masalah di kawasan saya sendiri sebagai contohnya rumah dilelong walaupun saya telah banyak dibantu. Tapi tidak dapat diselesaikan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Asalnya dan ataupun Skim Dana Sel ini adalah untuk kita untuk menyelesaikan masalah di dua tempat yang di mana penduduk secara pukal mempunyai satu masalah atau ramai yang telah ditolak akan permohonan untuk mendapatkan pinjaman bank yang pertama adalah RKR Lembah Jaya Rimba Jaya dan juga yang kedua adalah RKR Sungai Sering jadi yang kedua-dua ini dulu yang kita fokus sebab kita nak selesai masalah di situ. Dan kalau kita ikut kepada jumlah sebanyak 10 juta ianya dapat membayai lebih kurang 280 unit. Sememangnya selepas itu kita akan pergi kepada tempat-tempat lain juga. Sekarang ni memang ada permohonan-permohonan contoh nya di Kampung Berembang, Flat Kampung Berembang juga mereka yang bermasalah. Jadi bermakna selepas ini kita akan kaji yang mana tempat di mana ada masalah yang besar untuk mendapatkan pinjaman. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing

**Y.B. TUAN RAJIV A/K RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker, adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan pembeli dengan syarat yang sama tapi membeli *sap sell* flat kos rendah sebagai rumah pertama mereka seperti di Petaling Jaya di mana flat kos rendah sudah sedia ada tapi ada kes di mana pembeli nak beli.. dia sebagai *second* flat. Tapi dia rumah pertama dan juga menepati semua syarat kewangan seperti yang dihujahkan tadi.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Yang itu belum lagi, tapi kita sekarang ini kita nak selesaikan masalah 2tempat ini dan ada beberapa tempat yang lain. Jadi bermakna selepas kita selesai yang itu yang kemudian bermakna kita perlu dapat tambahan kewangan lah sebab kita ada 10 juta sekarang ini. Kalau kita ada tambahan kewangan dan kita boleh buka kepada semua ataupun kepada pembelian-pembelian yang lain.

**TUAN SPEAKER:**Bukit Melawati

**Y.B. TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH:** Tuan Speaker Soalan No. 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN JAKIRAN BIN JACOMAH  
(N10 BUKIT MALAWATI)**

**TAJUK : PEKERJA LADANG**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- Senaraikan bantuan kerajaan negeri kepada pekerja ladang di Selangor pada tahun 2014 mengikut PBT?
  - Berapakah peruntukan yang disediakan bagi meningkatkan kualiti kehidupan pekerja ladang pada tahun 2015?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang amat komited dalam menjaga hak dan kebajikan Pekerja Ladang di Negeri ini. Pelbagai program telah dianjurkan bagi memenuhi kehendak sekali gus meningkatkan motivasi dalam diri mereka program usaha sama dengan Badan Bukan Kerajaan(NGO). Bagi tahun 2014, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang telah banyak menganjurkan program-program khusus untuk membantu para pekerja ladang termasuk anak-anak mereka untuk sama-sama menikmati faedah dari pelbagai aspek termasuk pendidikan dan bantuan kewangan untuk meringankan bebanan mereka dalam mengharungi hidup sebagai golongan yang dianggap susah.

Program-program yang dianjurkan setakat ini adalah tidak mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Namun demikian, program yang dilaksanakan adalah mengikut daerah dan melibat seluruh warga pekerja ladang di Negeri Selangor.

Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang ditubuhkan khusus untuk memberi bantuan kewangan dalam aspek kebajikan dan pendidikan. Skim ini terbuka kepada seluruh anak-anak pekerja ladang di negeri Selangor yang terdiri daripada pelbagai bangsa. Program-program yang dianjurkan adalah khusus untuk menjaga kebajikan pekerja ladang dalam meringankan bebanan yang ditanggung dalam kehidupan seharian.

Antara program-program yang telah dilaksanakan di sepanjang tahun 2014 khusus bagi tujuan tersebut adalah seperti berikut:

- Sumbangan Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah**  
Pemberian wang RM300.00 kepada setiap anak pekerja ladang bagi setiap tahun berdasarkan permohonan yang diterima dapat mengurangkan perbelanjaan seisi keluarga.

**ii) Bantuan Yuran Pengajian (IPTA/IPTS) di Malaysia**

Bantuan Yuran Pengajian maksimum sebanyak RM5000.00 setiap pelajar bagi satu jurusan bagi mengurangkan bebanan yuran pengajian anak-anak kepada ibu bapa.

**iii) Program Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR)**

Penyampaian Anugerah adalah berdasarkan keputusan UPSR yang diperolei oleh pelajar terbabit. Ia dilaksanakan sebagai penghargaan kepada anak-anak pekerja ladang yang telah berjaya dan secara tidak langsung kepada ibu bapa yang pekerja ladang.

**iv) Program-program Motivasi UPSR untuk anak pekerja ladang**

Program ini dianjurkan sebagai satu langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan anak-anak di Negeri Selangor khususnya anak pekerja ladang mendapat pendidikan yang sempurna. Program berbentuk seminar ini dapat dilaksanakan khusus untuk membantu anak pekerja ladang yang akan mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) sebagai persediaan sebelum menghadapi peperiksaan dan teknik menjawab peperiksaan.

Di bawah Jawatankuasa Pekerja Ladang, kami memandang serius akan pendidikan anak-anak pekerja ladang terutamanya dalam bidang pelajaran bagi membantu mereka untuk lebih maju dan bersaing dengan pelajar di luar sana. Program sebegini secara tidak langsung dapat meningkatkan mutu pendidikan anak pekerja ladang. Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengekalkan bantuan-bantuan sedia ada yang dilaksanakan dan akan menambahbaik program-program tersebut dari masa kesemasa.

Selain daripada itu, melalui usahasama yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri bersama Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO), mutu pendidikan anak-anak pekerja ladang diharap dapat meningkatkan dari masa kesemasa melalui program-program yang telah dilaksanakan.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat boleh ringkaskan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Dalam pada itu, program kebijakan yang juga telah dilaksanakan adalah lawatan ke ladang-ladang dalam memastikan segala permasalahan dan isu-isu yang dibangkitkan dapat diketengahkan dan diselesaikan secara baik. Antara lawatan dan permasalahan dapat diselesaikan melalui Jawatankuasa tetap Pekerja ladang adalah seperti Ladang Bukit raja, ladang Inche Canon, Ladang Tumbok, Taman Permata Dengkil dan Ladang Bangi. Sempena lawatan yang dilaksanakan, turut disampaikan adalah hamper keperluan harian bagi meringankan bebanan pekerja ladang tersebut. Bagi Tahun 2014,

STANDCO Pekerja Ladang telah menganjurkan beberapa bentuk program khusus kepada Pekerja Ladang di Negeri Selangor. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Perayaan Pesta Ponggal, Thaipusam dan Deepavali Peringkat Negeri Selangor
- Program Bersama Warga Emas Bekas Pekerja Ladang Daerah Hulu Langat
- Program Mesra Rakyat Bersama Pekerja dan Bekas Pekerja Ladang di Kapar
- Program Bersama Pimpinan Badan-Badan Bukan Pekerja Ladang dan Bekas Pekerja Ladang di daerah seperti Kuala Langat Sepang, Sabak Bernam, Kuala Selangor dan Hulu Langat

Kerajaan Negeri dalam pada itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan dana sebanyak RM500 ribu di bawah peruntukan pembangunan pekerja ladang di mana peruntukan tersebut khusus dan tertumpu untuk membantu serta menjaga kebajikan pekerja ladang di seluruh Selangor. Manakala RM 1 juta pula diperuntukkan di bawah Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang bagi tujuan membantu anak-anak pekerja ladang untuk meningkatkan mutu dan taraf pendidikan mereka.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya no 33

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PEMBERSIHAN SUNGAI KELANG**

**33.** Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Sungai Kelang dibersihkan secara berkala dan apakah skop pembersihan?
- b) Adakah kerja pembersihan Sungai kelang termasuk menggali dasar sungai?
- c) Adakah keadaan kebersihan Sungai Kelang berhubung dengan kelakuan banjir di Klang?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker dan terima kasih kepada Pandamaran yang bertanya. Secara umumnya Sungai Klang yang bermula dari Hutan Simpan Ulu Gombak menganjur hingga ke muara Sungai Klang mempunyai kelebaran maksimum di muara lebih kurang 300 meter dan purata kelebaran adalah 50 meter hingga 100 eter. Secara keseluruhannya jajaran Sungai Klang

adalah melalui tiga daerah di Negeri Selangor iaitu daerah Gombak, Petaling dan Klang. Bagi mengekalkan kepentingan dan peranan Sungai Klang dari aspek pembangunan harta tanah bagi Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor sentiasa melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan perangkap sampah yang dipasang merentangi Sungai Klang secara berkala sepanjang tahun. Skop pembersihan dan penyelenggaraan termasuklah:

- 1) Memunggah dan mengumpul sampah dari perangkap sampah.
- 2) Mengangkat dan mengeluarkan sampah sarap ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan.
- 3) Membersihkan kawasan sekeliling perangkap sampah, dan seumpamanya.

Penggunaan bot turut diperlukan semasa kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan perangkap sampah di sepanjang Sungai Klang di jalankan. Kerja pembersihan Sungai Klang seperti perkara di atas tidak melibatkan kerja-kerja penggalian dasar sungai. Sebaliknya hanya menumpukan kepada kerja-kerja mengangkat keluar sisa pepejal yang terdapat di sepanjang jajaran aliran sungai tersebut. Sungai Klang adalah merupakan sungai yang mengalir secara terus ke laut. Peningkatan paras Sg. Klang di pengaruhi pasang surut air laut. Fenomena pertembungan air laut pasang tinggi dan hujan kawasan tadahan Sg. Klang memberi kesan utama dalam berlakunya banjir. Keadaan kebersihan Sg. Klang hanya memberi kesan kepada kualiti air Sg. Klang di mana jika tidak dikawal akan memberi kesan kepada pencemaran hidupan manusia dan kehidupan air.

**TUAN SPEAKER:**Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG:** Soalan tambahan. Y.B. EXCO saya ingin bertanya sama ada EXCO mempunyai angka tentang berapa tan sampah yang telah dikeluarkan pada tahun 2014 dan berapa kos pembersihan tersebut.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Pandamaran.Untuk perkara sebenarnya agak mendukacitakan kita kerana melihatkan kepada jumlah sampah yang sangat banyak secara kalau kita bagikan mengikut daerah, daerah Gombak saja secara bulanannya 26 tan. Kemudian Petaling 654 tan dan Klang 344 tan sebulan 1024 tan. Dan secara bulanannya keseluruhan kos kutipan tadi menjumlahkan kepada RM108,159.00 dan kos tahunan 1, 297,000.900 ringgit yang kuantiti kutipan sampahnya tahunan 12,288 tan jadi ini amat mendukacitakan kita dan kita mengharapkan supaya rakyat Selangor lebih mementingkan kebersihan supaya tidak mengeluarkan sampah-sampah ke longkang-longkang dan akhirnya akan terus masuk ke Sungai Kelang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:**Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan. Kita dapati Sungai Kelang semakin hari semakin cetek. Kenapa tidak pihak kerajaan membuat pendalaman Sungai Kelang secara berterusan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Kota Anggerik dari sudut mendalamkan Sungai Kelang itu telah pun dibincangkan dalam perancangan dan sekarang ini kita lebih fokus kepada pembuangan sampah-sampah kerana itu juga sebenarnya kalau kita cuba bayangkan dengan kos yang 1.3 juta yang disebutkan tadi satu kos yang sangat tinggi hanya untuk membersihkan sampah-sarap. Jadi kita juga sebenarnya dalam perancangan juga untuk melihat dari sudut mendalamkan Sungai Kelang tapi dia juga melibatkan kos dari sudut prioriti nya sekarang lebih kepada menyelesaikan permasalahan sampah.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua. Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Nombor 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK: MENANGANI MASALAH PENGANGGURAN DI SELANGOR**

34. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Dalam suasana pertumbuhan ekonomi yang lembap, peluang pekerjaan menguncup, sedangkan golongan pencari kerja bertambah di Selangor.
- b) Apakah langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi menghadapi suasana ini?
- c) Apakah usaha-usaha yang di ambil untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan terutama kepada golongan belia?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Dusun Tua dan Y.B. Tuan Speaker saya minta izin untuk mungkin terpaksa memberi sedikit butir-butir kepada jawapan yang ditanya oleh Dusun Tua.

a) Kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat termasuklah isu pengangguran. Antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan adalah seperti berikut;

- 1) Menawarkan bantuan dari segi teknikal kepada golongan belia yang berminat melalui kursus-kursus teknikal yang disediakan di Kolej INSPEN supaya elemen pendidikan yang diterapkan kepada mereka akan membantu golongan sasar ini dalam mencari pekerjaan yang bersesuaian dan seterusnya mengurangkan pengangguran di Negeri Selangor.
- 2) Pengenalan Skim Kredit Mikro, SKIMSEL yang disalurkan melalui Yayasan Qardhul Hasan yang bertujuan untuk membantu rakyat Selangor di kawasan luar bandar dan pendalaman serta pengenalan Skim Kredit Mikro Miskin Bandar (MIMBAR Selangor) bagi membantu rakyat miskin di Negeri Selangor yang tinggal di kawasan bandar.
- 3) Membuat kolaborasi bersama Selangor Human Resources Development Centre (SHRDC) dengan pelaksanaan program-program yang berimpak tinggi melalui kemahiran teknikal bertepatan dengan rancangan kerajaan Negeri Selangor untuk membina ekonomi generasi muda. Program-program tersebut termasuklah:
  - a) Workers Technical Transformation Program (WTTP) program-program berbentuk pakej latihan sehingga kerja dilaksanakan melalui pensijilan sijil kemahiran Malaysia SKM Tahap 2 dan Sustainable Energy Development Authority atau pun SEDA. Program ini dirancang bagi memberi peluang kepada lepasan sekolah yang tidak berpeluang memasuki IPT mengikuti program pembangunan karier melalui peluang latihan kemahiran dan vokasional dengan fokus dua bidang utama iaitu pembuatan dan solar.
  - b) Internship High Impact Talent (iHIT) dan Meister di bawah agenda pembangunan bakat dan kebolehan. iHIT disasarkan kepada pelajar tahun 3 dan akhir bagi pengajian diploma, ijazah sarjana muda dan ijazah sarjana di UNISEL dan KUIS dengan fokus kepada empat sektor utama iaitu ICT, industri halal, pembuatan dan semikonduktor. Kedua, Meister program ini yang kita modelkan di atas model Germen akan memberi fokus kepada pelajar INSPEN dalam program pilihan dalam industri pembuatan dan solar.
  - c) High Impact Talent Research Scientific Thinking Engineer (HIT RSE) dan Continuing Education (CE) di bawah agenda pengumpulan bakat atau pool of talent.
    - i) HIT RSE objektif ini adalah untuk membangunkan dan mengumpulkan bakat-bakat baru atau sedia ada bagi disalurkan kepada sektor-sektor berimpak tinggi dan bidang-bidang pelaburan

baru seperti industri minyak dan gas, mereka bentuk kasut, semikonduktor, elektrik dan elektronik dan pembangunan bidang teknologi maklumat dan komunikasi ICT dan perkakasan. Program ini juga akan memastikan bakat-bakat tersebut sentiasa relevan dengan peredaran industri dan pembuatan pada masa hadapan seperti ICT big data, *medical devices* dan *advance robotic*.

- ii) CE program ini berperanan untuk memacu pertumbuhan modal insan berkualiti tinggi melalui pembentukan semula kemahiran atau pun *re-skilling* dan peningkatan kemahiran *up skilling* tenaga kerja bagi penyokong pencapaian organisasi ke arah persekitaran yang kompeten inovatif dan melangkaui jangkaan

**TUAN SPEAKER:**Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK: PENCAPAIAN ONE STOP CENTRE UNTUK WANITA**

35. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri besar:

- a) penghuraian daripada EXCO Wanita dan Kesihatan tentang pencapaian *One Stop Centre* di pusat perubatan
- b) Perancangan Kerajaan Negeri tentang penambahan lokasi pemeriksaan mamogram mengikut daerah PBT untuk meningkatkan frekuensi pemeriksaan
- c) statistik 2013 -2014 bagi wanita yang mendapatkan khidmat pemeriksaan mamogram.

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kajang, Tuan Speaker. *One Stop Crisis Centre* atau pun OSCC dan lebih dikenali sebagai pusat khidmat krisis sehenti merupakan sebuah pusat perkhidmatan lengkap dan menyeluruh kepada mangsa penderaan perkosaan dan keganasan rumah tangga yang diletakkan di sebuah bilik khas di bawah Jabatan Kecemasan Hospital. Pusat khas yang ditubuhkan pada 1997 ini berfungsi untuk memberi rawatan kecemasan, pemeriksaan dan dokumentasi khidmat kaunseling, sokongan emosi dan penempatan sementara bagi membantu dalam menstabilkan semula emosi mangsa-

agar tidak mengalami trauma yang serius serta membolehkan mereka memperolehi ketenangan sebelum menyelesaikan masalah yang dihadapi. Peranan dan fungsi OSCC terus mendapat maklum balas yang baik daripada masyarakat dan enam buah hospital utama di negeri Selangor masih terus melaksanakan program OSCC iaitu antaranya ialah Hospital Ampang, Hospital Serdang, Hospital Selayang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Tengku Ampuan Rahimah Kelang serta Hospital Kajang. Menurut mesyuarat OSCC bilangan 1 Tahun 2015 yang terdiri daripada pengendali-pengendali OSCC daripada ke semua enam hospital ini telah melaporkan terdapat kira-kira 20 hingga 60 kes diterima setiap bulan mengikut hospital. OSCC juga menjalin kerjasama yang baik dengan pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia PDRM, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan khidmat guaman demi memastikan kebajikan dan keselamatan mangsa sentiasa menjadi keutamaan.

Soalan ( b ) dan ( c ) daripada Kajang, saya bersekakilan dengan soalan 47 daripada Taman Medan. Satu lagi program yang mendapat sambutan daripada masyarakat khususnya para wanita di Selangor adalah program skim kesihatan wanita ataupun MammoSel. Skim ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran wanita Selangor terhadap pembunuhan nombor satu wanita di samping memastikan sebarang tanda-tanda positif terhadapnya dapat dikesan di peringkat awal. Kerajaan sedang berusaha untuk menambah bilangan pusat pemeriksaan mammogram sedia ada bagi memastikan lebih ramai wanita Selangor dapat menyertainya. Ke arah penambahbaikan skim wanita kesihatan wanita mammoSel ini, pertemuan telah dijalankan bersama beberapa pihak pengendali kesihatan bertujuan untuk menambah baik perkhidmatan sedia ada sera menambahkan lokasi untuk pemeriksaan saringan percuma kanser payudara. Kita menjangkakan sekiranya terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri dipersetujui oleh pengendali perkhidmatan, beberapa pusat mamogram dapat memberikan perkhidmatan mereka dalam masa terdekat ini dapat memberikan kesan yang positif terhadap kejayaan program ini serta jumlah penyertaan daripada setiap daerah di seluruh negeri Selangor. Statistik 2013 sehingga 2014 bagi wanita yang mendapat khidmat mammogram. Pada 2013 adalah sejumlah 902 orang dan 2014 sejumlah 495 orang dan daripada bulan Jun 2010 sehingga Disember 2014 sejumlah sembilan belas ribu empat puluh wanita di negeri Selangor telah menerima manfaat daripada skim mammoSel ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:**Batu Tiga dulu.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya kepada pihak EXCO tentang *One Stop Crisis Centre* apakah kerajaan mempunyai cadangan untuk menambah lagi pusat-pusat krisis centre ini memandangkan jumlah yang ada hanya enam sahaja kerana kita dapat bahawa perlunya pusat-pusat sehenti ini diperbanyakkan memandangkan kes-kes berkaitan dengan wanita ini meningkat di Selangor. Jadi pada saya wajar dan apakah ada cadangan pada pihak EXCO.

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Buat masa ini kita belum bercadang untuk menambahkan kerana ia adalah di bawah pentadbiran hospital yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:**Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Tuan Speaker, EXCO telah membentangkan tentang mencegah kanser payu dara. Ijok ingin tanya apa langkah-langkah Negeri Selangor untuk mencegah kanser servik.

**Y.B. PUAN DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Ijok. Kerajaan negeri Selangor kita belum lagi bercadang untuk melaksanakan **pap smear** kepada penerima atau pun kepada wanita-wanita kerana ia melibatkan implikasi kewangan. *Insya-Allah* cadangan Ijok ini kita mungkin akan teliti dan kita akan cuba untuk melihat perkara ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD.** Saya ingat, saya ingat ini penting sebab kanser servik ialah pembunuhan nombor dua selepas kanser payu dara. Jadi saya ingat kewangan itu saya ingat rakyat Selangor tidak boleh terima, dari segi kewangan kita tak boleh memberi khidmat begitu.

**TUAN SPEAKER:**Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak tanya soalan itu kerana sekarang kanser servik ini mempunyai imunisasi. Apakah Kerajaan Negeri nak buatkan satu program untuk imunisasikan anak-anak terutamanya *pre school children* ya, bukan *pre school children* apa *teenagers* untuk *implement*, gadis-gadis untuk mendapatkan imunisasi. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Kajang. Program imunisasi untuk kanser serviks ini iaitu ada satu program daripada pihak Kementerian Kesihatan telah pun dilaksanakan di peringkat sekolah. Jadi pihak Kerajaan Negeri, kita menerima baik perkara tersebut dan kita menggalakkan agar anak-anak kita untuk mendapatkan imunisasi itu. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kuang, tidak hadir.

**Y.B. TUAN SHAHROM BIN MOHD. SHARIF:** Tuan

**TUAN SPEAKER:** Saya tak, saya tak benarkan Dengkil. Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan Ke 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK: SUKMA 2015**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah visi kontinjen Negeri Selangor terhadap Sukma 2015 yang akan datang?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Sungai Pelek atas soalan tersebut. Namun begitu daripada saya ingin minta kebenaran Dewan untuk menjawab soalan Sungai Pelek No.37 bersama dengan soalan Paya Jaras No.49 (c) sahaja ya sebab ia berkaitan dengan Sukma.

Pertamanya, Sukan Malaysia ataupun Sukma dianjurkan bermula dengan Program Dwi-tahunan. Namun begitu, pada tahun 2010 Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan untuk menganjurkan sukan ini setahun sekali. Justeru bermula tahun 2011 berlangsunglah Sukma pada tiap-tiap tahun. Namun begitu pada mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Sukma yang terakhir memutuskan bahawa penganjuran Sukma pada tahun 2015 telah dibatalkan penganjuran seterusnya akan diteruskan pada tahun 2016 iaitu pada edisi ke-18 di Negeri Sarawak, di Bumi Kenyalang. Namun begitu secara rekodnya bolehlah saya, bolehlah saya simpulkan bahawa Negeri Selangor telah mencatatkan keputusan yang sangat baik dalam edisi-edisi yang lepas. Secara kesimpulannya kita telah menduduki tangga kejuaraan sebanyak 8 kali, 6 kali telah dicatatkan berturut-turut dan rekod terburuk kita adalah kedudukan ke-5 pada tahun 1990. Hampir lebih 3 kali menduduki tangga ke-2. 2 kali di tempat ke-3 dan 1 kali di tangga ke-4. Justeru jika ditanya tentang visi kita, sudah pasti kita ingin meneruskan persepsi tanggapan serta kenyataan bahawa Selangor merupakan peneraju sukan di tanah air ataupun Selangor sebagai peneraju sukan di Malaysia.

Tuan Speaker, bagi soalan Paya Jaras, soalan (c), apakah sasaran yang berbentuk tentang misi? Justeru pihak Majlis Sukan Negeri Selangor mensasarkan untuk memperbaiki kedudukan pada edisi yang lepas iaitu pada kedudukan ke-4 pada untuk 2 tempat terbaik dalam Sukma Edisi 18 di Negeri Sarawak, Bumi Kenyalang. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tuan Speaker, soalan 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N17 HULU KELANG)**

**TAJUK : PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI SELANGOR 2009**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- Apakah status program ini?
  - Di atas perkiraan apakah program ini diumumkan akan menjana pertumbuhan ekonomi bernilai RM50 bilion dalam tempoh 2009-2011?
  - Apakah kerajaan mengaku bahawa program ini gagal dan berapakah perbelanjaan yang terlibat?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan Yang Berhormat Hulu Kelang yang ingin mohon penjelasan tentang Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor 2009. Seperti yang kita sedia maklum, Pakej Rangsang Ekonomi Negeri Selangor telah dilancarkan pada 10 Mac 2009 oleh Mantan Menteri Besar dan 6 bidang utama telah diwar-warkan untuk dilaksanakan dalam tempoh 2009 hingga 2011 iaitu pemuliharaan dan pembangunan Sungai Klang, pembangunan semula projek perumahan terbengkalai, pembaharuan aktiviti di bandar melalui pembangunan semula kawasan terbiar, peningkatan hasil tanaman padi, perluasan sistem pengangkutan dan penstrukturran semula industri air Selangor. Pada ketika ini Kerajaan Negeri sedang menyemak semula keberkesanan projek-projek yang digariskan memandangkan mengikut rekod yang ada tidak ada 1 garis panduan atau perbincangan yang teliti bagi menjayakan projek-projek yang berkenaan. Pada ketika ini kita sedang menumpukan usaha untuk memuktamadkan penstrukturran semula industri air Negeri Selangor yang banyak dibahaskan dalam sidang kali ini dan saya percaya dengan semangat kedua-dua pihak, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk berpegang kepada prinsip dan terma perjanjian utama, usaha ini akan dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAKOB BIN SAPARI:** GST dilaksanakan di awal bulan, soalan saya 39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

## **TAJUK: TAPAK PEMBUANGAN SAMPAH HARAM**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapa jumlah tapak pembuangan sampah haram di Selangor,sila senaraikan mengikut PBT?
- b) Apakah langkah-langkah untuk menghapuskan tapak-tapak haram ini?
- d) Berapa jumlah tapak tanah yang dirampas kerana jadi tempat pembangunan sampah haram?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih, terima kasih kepada Kota Anggerik, berpantun lagi. Didapati sebanyak 244 lokasi sampah haram di seluruh PBT Negeri Selangor yang telah dikenal pasti. Antara langkah-langkah yang akan dijalankan oleh PBT untuk menghapuskan tapak-tapak sampah haram ini adalah seperti :

1. Menjalankan pemantauan berjadual iaitu 3 kali seminggu di tempat-tempat yang berisiko dan telah dikenal pasti sebagai lokasi '*hot spot*', pembuangan sampah haram.
2. Mewujudkan anggota bagi menjalankan aktiviti intipan sampah haram bagi mengambil tindakan undang-undang kepada orang yang telah membuang sampah di tempat yang tidak dibenarkan di bawah Undang-Undang Kecil.
3. Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik sampah haram yang telah dikenal pasti.
4. Memasang papan tanda dilarang membuang sampah di lokasi pembuangan sampah haram yang telah dikenal pasti.
5. Mendapat, mendapatkan kerjasama daripada penduduk ataupun pemilik premis ataupun pemilik tanah berhampiran untuk menyalurkan maklumat segera kepada pihak berkuasa tempatan jika terdapat aktiviti pembuangan sampah di tempat-tempat yang tidak dibenarkan oleh pihak Majlis.

Jumlah tapak tanah yang telah dirampas yang disebabkan pembuangan sampah haram sejak tahun 2008 sehingga kini adalah sebanyak 2 buah. Manakala sebanyak 31 notis pemulihan tanah telah dikeluarkan.

**Y.B. TUAN DR. YAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAKOB BIN SAPARI:** Adakah kerajaan bersedia memberi insentif umpamanya RM3,000.00 kepada JKK kerana dapat menangkap siapa yang buang lori sampah haram ni? RM3,000.00 kepada JKK, satu lori. Beri insentif RM3,000.0 kepada siapa yang dapat tangkap lori-lori yang buang sampah kepada JKK?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Kota Anggerik. Pada setakat ini memang tak adalah tapi Kerajaan Negeri telah memang memberi peruntukan sebanyak RM10,000.00 untuk JKK untuk melaksanakan program dan sebagainya. Bolehlah guna peruntukan tersebut untuk mendapatkan orang yang membuang sampah.

**Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. DATUK SERI WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya, dikhabarkan bahawa Kerajaan Negeri akan membawa 1 arahan undang-undang berkaitan pengurusan sisa pepejal. Apakah status sekarang ini?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Kajang. Ini merupakan 1 isu yang penting kerana kebanyakan pembuangan sampah haram ini adalah daripada kontraktor yang bebas iaitu kontraktor tong gorok. Kontraktor ini tidak ada kawalan di bawah, tidak mempunyai apa-apa. Pada sekarang ini memang Kerajaan Negeri tak ada mempunyai apa-apa kawalan ke atas mereka. Dan JPJ pun tak ada kawalan atas mereka. Jadi mereka boleh membuang sampah di merata-merata tempat. Justeru itu Kerajaan Negeri melalui UPEN telah menggubal 1 enakmen dalam proses dan juga pihak Penasihat Undang-undang telah mengemukakan surat kepada pihak Peguam Negara supaya dapat *consent* daripada mereka untuk Kerajaan Negeri menggubal 1 undang-undang sisa pepejal di Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** EXCO yang jawab tadi. Tapi dalam tiap-tiap PBT bukan sahaja keseluruhan Negeri Selangor yang katakan 2 tempat sahaja dirampas. Masalah kita di dalam kawasan sekarang

pembuangan sampah haram ini terlalu banyak sekali di kawasan-kawasan tertentu. Apa tindakan-tindakan kerajaan atas sampah ini? Contohnya di Seri Andalas ada 200 'hot spot' sahaja pembuangan sampah haram. Ini di bawa bukan oleh saya tetapi oleh PBT sendiri beritahu dengan saya ada 200 lebih ada 'hot spot'. Apakah tindakan akan diambil oleh PBT-PBT atas pembuangan sampah haram ini?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Seri Andalas. Tapi mengikut yang saya ada MPK ada 4 lokasi yang jadi mungkin ada pertindihan tapi saya rasa beginilah, PBT memang ada masalah tentang anggota-anggota penguatkuasaan, memang terhad. Dan memang sekarang Kerajaan Negeri telah mengarahkan kepada semua PBT supaya menubuhkan 1 unit khas peronda untuk membuat rondaan di tempat-tempat lokasi yang dikenal pasti ataupun yang akan terima supaya penangkapan boleh dibuat dan juga lori sampah tersebut dapat ditahan dan sebagainya.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan No. 40.

**PERTANYAANPERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : KAWALAN KESELAMATAN DI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
- Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan keselamatan di PPR di Selangor terjamin?
  - Berapakah jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi membekalkan pengawal keselamatan di PPR pada tahun 2014?
  - Bagaimanakah proses lantikan, skop kerja syarikat kawalan keselamatan oleh Kerajaan Negeri?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih Kota Damansara. Untuk soalan pertama, apakah usaha Kerajaan Negeri bagi memastikan keselamatan di PPR di Selangor terjamin ialah dengan menjalankan pengurusan dan penyelenggaraan yang cekap dengan melantik kontrak-kontrak yang berwibawa iaitu kontraktor keselamatan bagi memastikan keselamatan harta benda awam

terjaga, kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan mekanikal dan elektrikal, seterusnya kontraktor bahagian struktur awam bagi menjalankan kerja-kerja terhadap kawasan awam seperti ‘mainhole’ dan kontraktor pembersihan dan pencucian bagi menjaga kebersihan kawasan guna sama.

Tentang kos perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi membekalkan pengawal keselamatan bagi PPR 2014. Pihak yang bertanggungjawab menyelenggarakan PPR Kg. Baru HICOM iaitu Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. telah mula menjalankan kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan keseluruhan bagi Kampung PPR Kg. Baru HICOM bermula 1 September 2014. Oleh itu jumlah perbelanjaan pengawal keselamatan bagi tempoh September 2014 hingga Disember 2014 adalah RM63,364.00. Jumlah kakitangan pengawal adalah 8 orang termasuk penyelia dan dibahagikan kepada 2 syif. Sementara di PPR Kota Damansara, jumlah pengawal keselamatan bagi 2014 adalah RM203,484.95. Jumlah kakitangan pengawal adalah 10 orang termasuk penyelia dan dibahagikan kepada 2 syif. Proses lantikan kontraktor keselamatan adalah berdasarkan panggilan sebut harga di mana iklan dikeluarkan bagi mana-mana kontraktor yang berminat untuk memasuki sebut harga.

Seterusnya pemilihan dibuat oleh jawatankuasa pemilihan kontraktor. Skop kerja pengawal keselamatan adalah untuk menjaga kawasan guna sama, harta awam dan harta pemilik.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Makluman yang kita perolehi daripada pengawal keselamatan, skop kerja yang ditugaskan adalah menjaga keselamatan bangunan sahaja. Sebab itu kejadian kehilangan harta benda kerap berlaku di PPR Seksyen 8, Kota Damansara. Mungkin ini...

**TUAN SPEAKER:** Soalan?

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Soalannya, apakah tindakan kerajaan bagi menangani masalah ini?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Pada mulanya, ataupun sekarang ini skopnya adalah tentang harta bersama atau seperti lif dan sebagainya. Belum lagi iaitu pengawal keselamatan iaitu untuk bertindak sebagai polis atau untuk menjaga keselamatan secara keseluruhan. Tetapi sekiranya ia diperlukan, kita boleh menambah skop tersebut. Sekarang ini kita dalam, dalam mengkaji tentang masalah-masalah yang ada bukan sahaja di Kota Damansara sahaja tetapi di Lembah Subang dan di HICOM. Jadi kita melihat tentang skop sama ada skopnya

perlu diperlebarkan atau tidaklah, diperluaskan atau tidak. Sekarang ini hanya kepada contohnya tempat di mana mereka perlu *clock in* itu adalah di tempat-tempat yang kritikal seperti di *lift motor room*, seperti di tempat-tempat yang, yang kita merasakan bahawa akan berlaku vendelisme atau kecurian di situ tetapi kalau untuk menjaga keseluruhan, untuk mengambil alih akan tugas seperti polis, untuk menjaga pihak polis menjaga keseluruhan bermakna kita perlu menambah skop dan ia merupakan bajet tambahanlah kalau, kalau hendak dilakukan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Telok Datuk.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Tuan Speaker, soalan saya No.41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB. TUAN LOH CHEE HENG  
(N52 TELUK DATUK)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN JALAN KLANG BANTING PORT DICKSON**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah wang dibelanjakan untuk menyelenggara Jalan Klang – Banting-Port Dickson sejak tahun 2014 hingga kini;
- b) Nyatakan dengan terperinci wang dibelanjakan untuk membaiki perabot keselamatan jalan, lampu-lampu jalan dan lampu trafik.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Teluk Datuk yang bertanya. Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan FT05, Sejak tahun 2014 sehingga kini sebanyak RM6.2 juta telah pun dibelanjakan dan sebanyak RM2,639,233.00 yang telah dibelanjakan untuk membaiki perabot keselamatan jalan, lampu-lampu jalan dan lampu trafik. Perincian perbelanjaan adalah seperti berikut :-

- a) Kerja membaiki perabot keselamatan jalan: RM707,000.00
- b) Kerja membaiki lampu jalan dan lampu isyarat: RM1,932,233.00

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Tuan Speaker, soalan nombor 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(N02 SABAK)**

**TAJUK: ANAK SYARIKAT YANG MEMBAYAR ZAKAT**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon YAB nyatakan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang membayar zakat kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan nyatakan jumlah pembayaran.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, Tuan Speaker, anak-anak syarikat yang membayar Zakat di Negeri Selangor. Satu adalah:-

Bil.	Anak Syarikat Kerajaan Negeri		Jumlah Zakat (RM)
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan anak-anak syarikat	6,740,528.00	6,740,528.00
i.	Woldwide Holding Berhad		
ii.	Selaman Sdn. Bhd.		
iii.	Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd.		
iv.	PKNS Engineering & Construction Bhd.		
v.	PKNS Infra Berhad		
vi.	Worldwide Landfills Sdn. Bhd.		
vii.	SACC Convention Centre		
viii.	De Palma Management Service Sdn. Bhd.		
2.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad dan anak-anak syarikat	756,593.00	756,593.00
i.	Central Spectrum (M) Sdn. Bhd.		
ii.	Konsortium Abbas Sdn. Bhd.		
iii.	Kumpulan Perangsang Selangor Berhad		
iv.	Hebat Abadi Sdn. Bhd.		
v.	KDEB Waste Management Sdn. Bhd.		
vi.	Hydrovest Sdn. Bhd.		
vii.	Viable Chip Sdn. Bhd.		
viii.	Perangsang Hotel and Properties Sdn. Bhd.		
ix.	Kumpulan Hartanah Selangor Berhad		
x.	Cash Band Sdn. Bhd.		

	xi.	Brisdale International Hotel Sdn. Bhd.	
	xii	Titisan Modal Sdn. Bhd.	
3.	Permodalan Negeri Selangor Berhad		618,582.00
4.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor		200,000.00

Yang mana berjumlah keseluruhannya 8,315,703.00. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Soalan Tambahan saya masih adakah lagi anak-anak syarikat yang tidak membayar zakat yang masih belum tidak membayar zakat disebabkan kerana apa saja sebab atau pun kerana tidak cukup nisab dan sebagainya. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Setakat ini, senarai yang kita ada adalah yang saya sebutkan tadi cuma mungkin kita boleh menyemak semula Syarikat dan juga anak-anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri Selangor apakah mereka memang belum sampai kepada nisab yang perlu untuk mereka bayar zakat ataupun ada sebab-sebab lain. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BIN TI ISMAIL:** Tuan Speaker, soalan nombor 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(N41 BATU TIGA)**

**TAJUK: DASAR TENDER TERENDAH**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah projek yang telah diluluskan di bawah dasar ini di peringkat negeri dan setiap PBT?
- b) Berapakah bilangan projek peratusan yang berjaya dan gagal? Nyatakan sebab-sebab kegagalan?
- c) Berapakah kos penjimatan atau kerugian (dalam Ringgit) disebabkan oleh dasar ini di setiap PBT?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Yang Berhormat Batu Tiga. Dalam menjawab isu yang dibangkitkan oleh Batu Tiga ini saya kira penjelasan saya juga pada pagi ini dapat menjawab tohmahan yang dibuat oleh Pelabuhan Klang petang semalam yang kononnya pentadbiran baru hari ini *compromise* soal prinsip *value for money*. Saya kira Pelabuhan Klang boleh membuat tohmahan itu dan meyakinkan UMNO dan Barisan Nasional tetapi penjelasan saya pada pagi ini dapat menjawab dengan jelas dan terang bahawa tohmahan itu adalah tidak berasas sama sekali. Untuk makluman Yang Berhormat Batu Tiga, dasar tender terendah atau nama sebenarnya Dasar Harga Terendah setelah melepassi penilaian teknikal adalah dasar yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri bagi mencapai objektif *value for money* di dalam setiap ringgit yang dibelanjakan. Dalam tempoh 2011 hingga 2014 terdapat 322 projek yang telah dilaksanakan di peringkat negeri secara tender menggunakan dasar ini dan dengan nilai perolehan sebenar sebanyak 1.93 bilion ringgit berbanding anggaran jabatan sebanyak 2.36 bilion ringgit. Secara keseluruhan Kerajaan Negeri telah merekodkan perbezaan harga sebanyak 430 juta ringgit atau 18.25%. Dalam tempoh yang sama sebanyak 3,361 projek telah diurus secara tender di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan menggunakan dasar yang sama. Berdasarkan rekod perolehan yang dilaksanakan oleh PBT melibatkan anggaran jabatan berjumlah RM1.1 bilion dan nilai perolehan sebenar berjumlah RM871.8 juta. Ini bermaksud perolehan di peringkat PBT telah mencapai harga berjumlah 190 juta ringgit atau 18%.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri berpandangan data ini perlu diperhalusi semula kerana ianya *misleading* tidak memberikan gambaran yang sebenar. Memandangkan rekod-rekod sepanjang tempoh berkenaan menunjukkan terdapat kes di mana projek-projek terpaksa di tender semula akibat prestasi kerja kontraktor yang tidak memuaskan dan ada juga kes di mana kontraktor tidak masuk ke tapak pembangunan kerana menolak tender yang telah diperolehi. Oleh kerana tidak mampu menjalankan kerja-kerja yang berkenaan. Akhirnya tanggungan kepada Kerajaan Negeri itu jauh lebih besar daripada penjimatan yang didakwa berlaku seperti yang dinyatakan oleh Pelabuhan Klang semalam sebanyak 100 juta ringgit setiap tahun. Untuk tujuan rekod dasar harga terendah setelah melepassi penilaian teknikal ini telah digantikan dengan dasar penilaian perolehan secara sistem '*cut off*' mulai 1 Januari 2015. Saya nak tegaskan bahawa dasar baru ini masih tetap tender dan sebut harga terbuka yang membezakannya hanya kaedah pengiraan kepada sistem '*cut off*' dalam julat hingga negatif 20%.

Menerusi dasar baru ini, 10 harga yang berada di dalam julat tidak lebih rendah dari minus 20% *builders work adjusted mint* (BWAM) akan di senarai pendek untuk penilaian teknikal. Seterusnya mana-mana harga yang menghampiri minus 20% BWAM dan lulus penilaian teknikal akan di syor sebagai harga yang layak dipilih dan dipertimbangkan. Sebagai makluman sistem '*cut off*' ini yang diubahsuai pelaksanaannya di peringkat Negeri Selangor ini menggunakan pakai harga '*cut off*' iaitu harga yang terhampir dengan minus 15.99% dengan izin. BWAM sebagai

panduansahaja. Ini kerana Kerajaan Negeri berpandangan nilai projek yang diurus di peringkat negeri tidak sebesar nilai projek yang diurus di peringkat Persekutuan. Justeru, elemen *value for money* terus menjadi keutamaan kepada Pihak Kerajaan Negeri tanpa mengetepikan sedikit pun aspek kualiti serta integriti.

Saya nak memberi contoh, di mana penjimatan yang didakwa itu adalah *misleading* dan sebenarnya memberikan kesan yang lebih negatif kepada Kerajaan Negeri. Pelaksanaan dasar dan mekanisma baru dalam perolehan Kerajaan Negeri ini dibuat setelah mengambil kira permasalahan yang dihadapi oleh agensi pelaksana terutama dalam menangani projek yang gagal iaitu projek yang di kategori sebagai projek sakit. Saya nyatakan tadi terdapat 322 projek yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri. Semakan telah dilakukan terhadap 322 projek yang diurus di peringkat negeri dan mendapat 14 projek dengan nilai perolehan sebanyak 80 juta ringgit yang telah dikategorikan sebagai projek sakit dan terpaksa di tender semula. Berdasarkan tatacara pentadbiran kontrak Kerajaan, projek sakit didefinisikan sebagai projek yang mana kemajuan pelaksanaannya telah mengalami kelewatan melebihi dua bulan atau 20% daripada jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu dan kontraktor tidak berupaya memperbaiki prestasinya.

Oleh yang demikian, lantikan kontraktor baru perlu dibuat untuk menyiapkan baki kerja yang belum disempurnakan. Apabila ini berlaku kerja-kerja akan terus tertangguh dan proses ini terpaksa dimulakan semula. Di samping rekod ini terdapat juga sebanyak 4 projek dengan nilai perolehan berjumlah 21.4 juta ringgit yang berhadapan dengan isu penarikan diri kontraktor sebelum masuk ke tapak atas sebab harga bidaan yang terlalu rendah.

Jadi dalam dua kes ini sahaja, sudah mencatatkan nilai sebanyak 100 juta ringgit. Jadi di mana dakwaan bahawa Kerajaan Negeri dapat menjimatkan 100 juta ringgit dengan dasar yang diguna pakai sebelum ini. Analisa terhadap kesemua harga mendapati 9 kontraktor yang terlibat telah mengemukakan bidaan harga melebihi 20% lebih rendah dari anggaran jabatan dengan julat di antara minus 22% hingga minus 43.63%.

Jadi bila harga yang ditawarkan itu jauh lebih rendah daripada anggaran jabatan sehingga 43% mana mungkin kontraktor dapat menyiapkan projek tersebut dan mana mungkin projek itu dapat menjamin kualiti yang baik dan prinsip *value for money* dan akhirnya apabila proses tender itu terpaksa dimulakan semula ini akan memberikan kos yang lebih besar kepada Kerajaan Negeri dan juga PBT.

Akhirnya, Yang Berhormat Speaker, permasalahan yang sama dihadapi di peringkat PBT di mana 193 projek yang dikategorikan bermasalah sepanjang pelaksanaan dasar harga terendah setelah melepassi penilaian teknikal daripada jumlah tersebut 18 kes di mana kontraktor menarik diri sebelum memasuki tapak. 83 kes projek ditamatkan dan 92 kes di mana projek terpaksa di tender semula. Maka atas

insiden-insiden seperti ini Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menyemak semula dasar ini dan kita telah memperkenalkan seperti yang saya nyatakan tadi dasar penilaian perolehan secara sistem ‘cut off’ mulai 1 Januari dan dasar ini tetap mengambil prinsip *value for money* dan di buat secara terbuka. Terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Saya alu-alukan dasar Kerajaan untuk menggunakan sistem ‘cut off’ dan ini memang menjadi praktis. Jadi saya nak bertanya sama ada apakah Kerajaan bersedia kerana sistem harga terendah ini jugak ada juga kebaikan yang telah terbukti walaupun di rekod tadi ada beberapa apa ni-apa ni kegagalan. Jadi apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menerima kedua-dua kaedah ini dalam keadaan-keadaan tertentu. Maknanya pada waktu tertentu menggunakan sistem terendah, waktu yang tertentu menggunakan ‘cut off’. Dan yang ketiganya, apakah Kerajaan Negeri bersedia untuk meletakkan di dalam sebut harga sebagaimana sekarang ini menjadi praktis kepada pihak JKR meletakkan harga inginan maksudnya oleh kerana jabatan mempunyai pakar teknikal dan sebagainya jadi mereka boleh meletakkan harga inginan kepada tender tersebut jadi lebih memudahkan kepada kontraktor, pembina untuk meletakkan sama ada *plus or minus*. Ini pun satu lagi kaedah yang boleh mungkin dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Saya mohon penjelasan, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Yang Berhormat Permatang. Dasar baru ini bagi saya memang menggabungkan kedua-duanya terutama dia masih mengekalkan prinsip tender terbuka dan kita mengambil pembida yang terendah. 10 pembida yang terendah cuma apa yang membezakan ialah kita mengambil pengiraan yang saya sebutkan tadi kepada sistem ‘cut off’ ini kaedah pengiraan yang mana dalam lingkungan julat hingga minus 20%. Jadi kalau 10 pembida yang terendah itu, kalau julatnya sampai seperti saya katakan tadi minus 43% sudah tentulah dia tidak dapat melaksanakan projek ini dengan baik. Jadi kita, mengambil kira pandangan Yang Berhormat Permatang tadi. Kita telah gabungkan kedua-dua prinsip itu dan bagi Kerajaan Negeri ini adalah dasar yang dapat menyelesaikan masalah kes-kes yang tertunggak sebelum ini. Terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nanti, Tuan Speaker,mengenai meletakkan harga inginan. Ini satu praktis di JKR, maknanya dalam sebut harga tu diletakkan keinginan pihak Kerajaan meletakkan satu harga supaya kontraktor...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan saya ke dia?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Ok, yang itu saya akan semak amalan yang dilakukan oleh JKR sama ada diamalkan di peringkat Perbendaharaan Negeri untuk tender-tender yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan juga pihak PBT. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah menjawab. Saya meneliti satu persatu penjelasan yang diberikan dan saya dapati...

**TUAN SPEAKER:** Soalan.

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalannya sebelum saya tu saya terpaksa bagi sedikit *background*. Soalan yang saya kemukakan awal adalah disebabkan pada ketika itu soalan itu saya lakukan saya rasa wajar ya kajian ini dibuat semula supaya adanya satu sistem yang boleh menjimatkan sekali gus memberikan kualiti perkhidmatan yang baik. Jadi soalan saya, bila saya lihat penjelasan itu sebenarnya kegagalan projek hanya 0.05% daripada keseluruhan projek. Malah kita, Kerajaan Negeri telah pun menjimatkan sebanyak RM640 juta duit rakyat negeri Selangor dalam konteks apa ni dasar harga terendah jadi soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dengan kita mengekalkan dasar penjimatan dan sebagainya apakah objektif yang telah dicapai atas dasar penilaian perolehan secara sistem '*cut off*' ini dan apakah ianya memungkinkan projek-projek yang kita laksanakan baik di peringkat negeri dan PBT tidak gagal bila dasar ini dilaksanakan. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Tiga. Yang pertama saya nak jelaskan peratusan yang diberikan itu daripada jumlah projek tetapi nilai projek itu berbeza. Seperti yang saya beri contoh tadi di peringkat negeri projek yang sakit dan terpaksa di tender semula nilainya sudah walaupun ianya hanya melibatkan 18 projek ya tetapi nilainya melebihi 100 juta ringgit. Jadi di mana penjimatan yang didakwa berlaku 100 juta ringgit setahun sedangkan nilai 18 projek yang terpaksa dikendalikan semula ini sudah melebihi 100 juta ringgit. Yang keduanya objektif yang ingin dicapai oleh Kerajaan Negeri ialah sementara kita mahu mengamalkan prinsip tender terbuka, prinsip *value of money*, ketelusan dan kebertanggungjawaban. Kita juga mahu projek-projek ini tidak tertangguh dan tergendala seperti yang berlaku sebelum ini. Jadi mengikut insiden yang berlaku antara sebabnya harga tawaran ataupun pembidaan yang dibuat oleh syarikat berkenaan itu terlalu rendah menyebabkan mereka tidak mampu melaksanakan projek itu. Ada yang saya sebut bagi contoh tadi sehingga 43.63% lebih rendah daripada anggaran jabatan maka sudah tentulah dia tidak ada keupayaan. Jadi dengan sistem '*cut off*' ini kita masih mengamalkan tender terbuka. Kita mengambil 10 pembida yang terendah dan daripada situ kita buat pengiraan mengikut julat yang

telah ditetapkan. Jadi setelah itu, kita masuk lagi satu proses saringan iaitu proses teknikal dan *valuation* yang lain untuk memastikan mereka benar-benar dapat melaksanakan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Berbalik pada soalan Permatang tadi yang tambahan tentang harga inginan itu sebenarnya memang telah dimasukkan dalam anggaran jabatan yang saya nyatakan tadi supaya ianya dapat diselaraskan dengan julat yang telah ditetapkan. Terima kasih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sikit lagi penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Masa telah melebihi pukul 11, saya tak boleh benarkan soalan tambahan. Jadi saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### **III. USUL**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Usul Menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum saya memanggil Yang Berhormat Taman Medan, saya terpanggil untuk memberikan beberapa minit kepada Yang Berhormat Kota Damansara untuk memberi penjelasan atas permintaan Taman Medan kepada beliau untuk menarik balik *statement* semalam mengenai media. Silakan Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Tipu itu bukan diajukan kepada media tetapi maksud saya mesej GLC itu mengelirukan rakyat.

**TUAN SPEAKER:** Jadi beliau telah membuat penjelasan bahawa tipu bukan merujuk kepada sebarang media. Silakan Taman Medan, saya bagi 5 minit untuk habiskan lepas itu Kerajaan akan menggulung.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya akan bentangkan secara pantas. Seperti mana yang saya sebut semalam perkara ketiga yang ingin saya bangkitkan untuk perhatian pihak yang berkaitan adalah pembangunan tanah rizab Sg. Klang yang telah melalui beberapa fasa tapi telah tidak selesaikan masalah malah ada masalah-masalah baru seperti pembuangan sampah yang berterusan, pencemaran yang berlaku akibat kebakaran yang berterusan dan juga pembinaan ataupun bangunan ya struktur binaan struktur yang baru sedang berlaku. Jadi saya mohon pihak yang berkaitan untuk mengambil tindakan segera sama ada menutup akses kepada tapak tersebut ataupun memagar kawasan yang berkaitan. Keempat adalah berkaitan dengan nasihat Tuanku Sultan berkaitan dengan meningkatkan sistem penyampaian. Saya dengan ini saya memohon pihak EXCO berkaitan iaitu tentang pembinaan kuil haram yang semakin

meningkat bilangannya setiap tahun. Saya telah kemukakan perkara ini beberapa tahun yang lalu tapi telah ditangguhkan dan saya mendapat banyak aduan daripada awam dan bilangan kuil-kuil yang tanpa izin ini telah bertambah dan saya masih gagal mendapat temu janji untuk siasatan tapak daripada pejabat EXCO yang berkaitan. Jadi mohon disegerakan.

Seterusnya saya juga, ataupun Taman Medan menyambut baik pengisytiharan Tuanku Sultan berkaitan dengan bola sepak sebagai sukan rakyat. Taman Medan berkongsi kegembiraan ini kerana terdapat ramai belia di dalam kawasan Taman Medan yang memilih bola sepak sebagai sukan kegemaran mereka dan juga salah satu *career path* ataupun menjadi pemain bola sepak seterusnya sebagai pemain bola sepak profesional. Untuk menjayakan saranan Duli Tuanku ini, maka perlulah ada prasarana yang menyokong untuk dikembangkan sukan bola sepak ini. Oleh itu, Taman Medan mohon supaya di naik taraf ataupun di baik pulih padang-padang sedia ada yang tidak boleh digunakan untuk sukan bola sepak disebabkan oleh keadaannya yang begitu daif dan juga diwujudkan akademi supaya boleh di kenal pasti calon-calon ataupun pemain-pemain yang berpotensi yang boleh digilap bakatnya daripada kecil dan akhirnya boleh melahirkan Selangor boleh melahirkan a *pool of players* dengan izin.

Seterusnya Taman Medan juga ingin perhatian daripada pihak Kerajaan Negeri berkaitan dengan persiapan kita berdepan dengan jika berlakunya sesuatu wabak. Kita lihat apabila kes denggi yang meningkat begitu mendadak pada tahun 2015, kita dapat hospital-hospital tidak cukup katil untuk menempatkan pesakit-pesakit yang menghidap denggi. Jadi mungkin ya pihak EXCO yang berkaitan perlu fikirkan bagaimana kita akan menghadapi situasi wabak yang besar begini mungkin tidak denggi mungkin wabak yang lain supaya rakyat tidak rasa panik ya melihat keadaan hospital yang begitu penuh dengan pesakit terpaksa duduk di lantai dan dihantar pulang pula ada kes yang dihantar pulang dan ini menimbulkan rasa cemas dan panik. Begitu juga ya Taman Medan ingin menyarankan pihak Kerajaan Negeri juga merancang untuk masa hadapan bagaimana jika berlakunya situasi banjir besar sebab kita juga maklum keadaan cuaca yang berubah-ubah tidak mengikut musim dan rakan-rakan kita di Pantai Timur telah pun berdepan dengan situasi yang mereka tidak bersedia menghadapi bencana besar tersebut. Jadi sebagai sebuah negeri yang maju sudah tentulah ia perlu merancang supaya ada langkah-langkah yang telah diambil ya untuk mengatasi ataupun memberi amaran awal jika akan berlakunya bencana besar seperti yang berlaku di Pantai Timur.

Dan akhir sekali, Taman Medan juga ingin memastikan pembangunan belia di seluruh negeri Selangor ini disokong oleh pelantikan-pelantikan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri contohnya PeBT juga program-program di bawah Kerajaan Negeri secara terus dan juga disokong oleh ADUN di kawasan. Hanya Taman Medan ingin supaya pihak EXCO memastikan pelantikan PeBT ini memberi nilai tambah ya kepada segala program belia di peringkat DUN sebab apa yang Taman Medan

hadapi pada kali ini didapati PeBT yang dilantik tidak mengambil calon-calon yang disarankan oleh ADUN sendiri, itu tak apa saya boleh terima perkara tersebut tapi yang saya agak terkilan adalah lantikan-lantikan PeBT ini tidak duduk bersama-sama untuk membincangkan program-program belia, pendekatan terhadap belia di kawasan malahan program hanya di adakan untuk menghabiskan peruntukan dan sasaran mereka adalah pelajar-pelajar sekolah rendah. Jadi ini, betul-betul tidak menepati ya objektif penubuhan PeBT tersebut. Jadi dengan itu, Taman Medan menyokong Usul Titah Ucapan Tuanku Sultan dan mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang berbahas. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah sekarang saya persilakan pihak Kerajaan untuk memberikan apa-apa penjelasan di atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan menjunjung kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam Sidang DUN pada kali ini. Kajang, Yang Berhormat Kajang telah membangkitkan isu keberkesanan skim Mikrokredit yang diperkenalkan Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat. SkimSel telah membantu golongan wanita di Selangor terutamanya wanita di kawasan luar bandar dan seramai 11,463 orang telah pun menikmati program tersebut sehingga Februari 2015 bilangan pinjaman yang telah dikeluarkan oleh SkimSel adalah sebanyak 27,330 dengan jumlah RM99,138,550.00. Ini bermakna purata semua peminjam telah pun membuat dua kali pusingan pinjaman modal dengan jumlah purata pinjaman sebanyak RM8,600.00 dan sejumlah 98% adalah pinjaman apa ni membayar semula pinjaman tersebut. Sementara MiMBAR, skim Mikrokredit MiMBAR pula sehingga Februari 2015 sejumlah 5,136 orang telah menjadi peserta MiMBAR dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM10,915,528.00.

Tuan Speaker, Kajang, Hulu Klang dan Morib apa ni membawa isu tentang Hijrah Selangor. Program Hijrah Selangor merupakan program Mikrokredit bersepadu gagasan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor bagi menggabungkan skim-skim Mikrokredit sedia ada iaitu SkimSel, MiMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri semenjak 2010. Ini bermakna ia merupakan projek penyelidikan tindakan dengan tujuan utamanya adalah untuk mengeluarkan rakyat Selangor daripada belenggu kemiskinan dan melebarkan golongan kelas menengah di negeri Selangor. Hasrat ini diharap boleh tercapai melalui pendekatan pelaksanaan sistem penyaluran modal tambahan yang efisien kepada peniaga-peniaga kecil. HIJRAH yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Selangor pada 24 Mac yang lepas di Dewan Jubli Perak telah pun memberikan sejumlah 1,169 orang peserta cek pembiayaan masing-masing. Yayasan Darul Qudrulhasan Selangor merupakan agensi yang telah ditugaskan untuk mewujudkan satu sistem pengeluaran modal yang mudah, cepat dan tidak

membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil yang didapati sering menghadapi masalah kekurangan modal dan peluang mendapatkan modal tambahan atas pelbagai faktor.

Falsafah program Hijrah Selangor adalah berteraskan konsep pinjaman asas simpanan. Ini bermakna setiap nilai pinjaman yang diperolehi peserta di akhir tempoh pinjaman dan pembayaran semula peserta itu nanti mereka mempunyai sejumlah simpanan hasil dari tabungan yang disalurkan oleh mereka dalam setiap bayaran balik kepada program ini, ianya akan ditabungkan ke dalam tabung Hijrah Selangor untuk manfaat penjaja dan peniaga kecil secara individu maupun kelompok.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan sikit, Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO dari segi pelaksanaan TEKUN, skim di peringkat Kerajaan Pusat, apakah pendirian dan sikap EXCO dan Kerajaan. Mana yang diamanahkan untuk membangunkan program Hijrah ini adalah orang yang sama asaskan program TEKUN. Jadi kita nak satu penjelasan.

**Y.B.PUAN DR.DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Kelang. Orang yang diamanahkan untuk melaksanakan HIJRAH adalah orang yang sama dengan TEKUN tetapi oleh sebab TEKUN mungkin tidak membawa apa yang diinspirasikan oleh Penggerusi Yayasan Darul Qudrulhasan ini maka kita mengambil peluang ini diperingkat Negeri Selangor untuk melaksanakan di Negeri Selangor. Seterusnya....

**Y.B.TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Tambahan, nak tanya lagi apakah faktor-faktor yang boleh menjamin bahawa yang tidak dicapai ketika menjalankan TEKUN itu boleh dilaksanakan apabila program itu dihijrahkan kepada program HIJRAH.

**Y.B.PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Kelang, oleh sebab program HIJRAH ini masih lagi...hmm....masih lagi hijau, masih lagi baru, jadi persoalan daripada Hulu Kelang mungkin saya akan, saya tidak dapat menjawabnya pada ketika ini ya, tetapi saya mohon diberikan sedikit masa selepas daripada Sidang DUN nanti, terima kasih. Eemmm....dan saya sambung ya tentang HIJRAH Selangor ini, pihak pengurusan program bertindak meneroka peluang-peluang perniagaan susulan bagi kepentingan dan manfaat usahawan-usahawan HIJRAH Selangor melalui penubuhan Koperasi HIJRAH Selangor sedikit masa lagi. Selain daripada itu HIJRAH Selangor bukan sahaja memfokuskan kepada pemberian pinjaman semata-mata kepada rakyat Selangor tetapi program ini juga akan diperkembangkan dengan mengambil kira khidmat profesional dan sosial peserta serta keluarganya. Antaranya adalah latihan-latihan profesional untuk persediaan jati diri dan kemahiran keusahawanan selain khidmat untuk anak-anak peserta program HIJRAH ini seperti kursus kecemerlangan pembelajaran yang akan menjadi nilai tambah dalam diri peserta dan keluarga peserta HIJRAH. Malah HIJRAH

Selangor memberi peluang kepada peserta untuk mengembangkan jaringan perniagaan dan produk mereka dengan pelbagai peluang yang akan disediakan.

Saya bersetuju dengan saranan daripada Kajang agar satu kajian penilaian bagi menentukan keberkesanan program HIJRAH dijalankan dalam usaha mengeluarkan keluarga miskin daripada garis kemiskinan dengan indikator-indikator tertentu selain daripada aspek kewangan seperti pendapatan isi rumah. Indikator sosial seperti pemilikan aset, seperti rumah, kereta, premis perniagaan, kelengkapan peralatan dan lain-lain, tahap pendidikan anak-anak, nutrisi dan kesihatan keluarga juga perlu dijadikan kayu pengukur untuk melihat keberkesanan bantuan mikro kredit yang ditawarkan oleh kerajaan negeri. Saya menyambut baik cadangan daripada Morib yang memberi penegasan tentang prestasi kutipan balik program HIJRAH agar prestasinya melebihi 95%. *Insya-Allah* akan diambil kira, juga cadangan agar proses melibatkan pejabat Y.B. ADUN sememangnya dijalankan iaitu melalui taklimat program HIJRAH, kelulusan permohonan peserta oleh Y.B. ADUN dan juga penyerahan cek pembiayaan pada peserta akan diserahkan kepada ADUN menyerahkan kepada peserta di DUN masing-masing. Seterusnya tentang mempertingkatkan program wanita serta bantuan kepada ibu tunggal. Y.B. Kajang juga membangkitkan tentang perkara ini dan saya amat bersetuju dengan saranan tersebut malah melalui Pusat Wanita Berdaya Kerajaan Negeri telah merangka beberapa program-program pemberdayaan dalam usaha membantu golongan ibu tunggal serta wanita secara amnya agar lebih berdaya saing, berkepimpinan dan berdikari. Antara modul yang dikenal pasti akan dilaksanakan pada tahun ini adalah modul kepimpinan, kefahaman gender, ekonomi HAWA serta keselamatan dan kesihatan keluarga. Para wanita di setiap Pusat Wanita Berdaya akan diberikan ilmu dan latihan yang berkaitan bagi menambahbaik kualiti kehidupan mereka sekeluarga serta menjadi contoh teladan kepada masyarakat. Para wanita di setiap pusat Wanita Berdaya ini akan dibekalkan dengan latihan-latihan kemahiran bagi membolehkan mereka menghasilkan produk-produk perniagaan untuk dipasarkan bagi menjana pendapatan setiap daripada mereka. Diharapkan agar para wanita yang dilatih dipusat Wanita Berdaya di seluruh Negeri Selangor ini akhirnya bukan sahaja dapat menjadi pemimpin masyarakat diperingkat masing-masing tetapi juga mampu menambahkan pendapatan isi rumah dan menjana ekonomi keluarga melalui usaha sama penghasilan produk di Pusat Wanita Berdaya.

Serdang, Y.B.Serdang mencadangkan agar Pusat Wanita Berdaya ini tidak didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau SSM yang diperbincangkan hangat semalam ya..sememangnya ya.....Kerajaan Negeri belum bercadang untuk mengeluarkan arahan pendaftaran Pusat Wanita Berdaya ini dengan SSSM. Sebenarnya semalam adalah terdapat salah faham dan kekeliruan dikalangan beberapa penyelia PWB di dalam hal ini. Seterusnya ADUN Batu Tiga, Y.B. Batu Tiga menyentuh isu dasar 30% pembuat keputusan dalam kalangan wanita. Ingin saya tegaskan bahawa kerajaan negeri sentiasa komited dan berusaha ke arah mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% pembuat keputusan terdiri daripada

wanita. Diperingkat ketua-ketua Jabatan dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor peratusan meningkat iaitu pada tahun 2007 sebanyak 12% dan meningkat kepada 18% pada tahun 2008. Seterusnya meningkat 20% pada 2013 dan 25% pada 2014. Saya percaya dengan kredibiliti kepimpinan dan kelayakan para pegawai wanita yang kita ada kini disokong oleh kefahaman gender dikalangan para pegawai lelaki dan tiada diskriminasi gender di Peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor ini akan membantu.....

**TUAN SPEAKER:** Sementa, Damansara Utama minta mencelah....

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Meminta mencelah tentang PWB yang sebelum ini. Ada beberapa soalan nak minta penjelasan EXCO. Yang pertama apakah anggaran perbelanjaan PWB untuk tahun 2015. Yang kedua saya tidak nampak apa-apa KPI yang telah *set ....yes, it sounds very good* tapi berapa KPI yang saya nak daripada Exco ialah berapakah goal wanita yang akan bermanfaat daripada program PWB...*what is your goal for 2015.* Yang kedua, Y.B. EXCO sering kata nak *menincrease the income level.* Apakah target berapa orang akan *menincrease...increase* berapa banyak, so *what is the quantitative KPI yang you set for PWB before 2015.*

**Y.B.PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Damansara. Tentang anggaran bajet 2015 Pusat Wanita Berdaya adalah sejumlah tiga puluh ribu ringgit yang akan diperuntukkan kepada mereka dan tentang penambahan .....

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Perbelanjaan kerajaan negeri..jumlah....bukan setiap PWB.....

**Y.B.PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Saya ....perbelanjaan untuk PWB adalah sejumlah 2.....aa...*exactly* saya tidak ada datanya di sini ya...tetapi ianya adalah sekitar 2.18 juta ataupun 81 juta....minta maaf, yang itu saya akan berikan kepada Damansara Utama. Tentang KPI untuk PWB kita akan melaksanakan satu kursus kepada para penyelia PWB ini dan disitulah kita akan berikan kepada mereka SOP ataupun apakah yang akan mereka laksanakan dalam mereka apa ni melaksanakan program-program di pusat-pusat ini.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tapi ini bukan jawapan. Saya nak tanyakan KPI for PWB...maksudnya...*I think* ada dua YB yang kata *we begin with the ....so* apakah rancangan dan rancangan yang you ada apakah *goal so that you can have this rancangan right....berapa orang wanita akan bermanfaat, apakah target the increase of income that we are looking at.*

**Y.B.PUAN DR.DAROYAH BINTI ALWI:**Terima kasih Damansara Utama. *Target* untuk setiap untuk program PWB untuk seluruh negeri Selangor kita telah pun *mentargetkan agar setiap PWB dan di 56 DUN ini sekurang-kurangnya daripada*

dalam lebih kurang tiga ratus ribu orang wanita akan mendapat manfaat daripada untuk penggal ini daripada 2015 sehingga 2018 yang mana setiap program ini akan kita melibatkan wanita di kawasan dan setiap para petugas ataupun penyelia PWB ini akan ...sebagai KPI mereka, mereka akan memberi ataupun mendapatkan bilangan ya....mereka diberikan bilangan untuk setiap program yang mesti dihadiri oleh wanita tersebut. Tentang penambahan ataupun *increment of income level* ya untuk wanita ianya akan dicombinekan dengan program HIJRAH nanti. Jadi kita belum lagi melihat sasaran tersebut. Ok, terima kasih.

**Y.B.PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mohon mencelah sedikit, mohon penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga

**Y.B.PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Speaker dan EXCO saya ingin bertanya tentang soalan daripada Damansara iaitu kalau kita sasarkan hanya 300 wanita yang mendapat manfaat dengan perbelanjaan tiga ribu maknanya dengan perbelanjaan yang kita kemukakan hampir ROR setiap wanita yang kita belanjakan hampir seribu ringgit. Jadi saya nak tanya apakah ianya wajar disebabkan jumlah yang diperuntukkan terlalu tinggi. Itu tidak termasuk kos-kos penyelenggaraan utiliti dan sewa-sewa yang sepatut ditanggung oleh Pusat Wanita Budaya.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Sebenarnya kita mensasarkan 300,000 orang wanita daripada 2015 hingga 2018. Boleh saya teruskan ya. Seterusnya tentang perberdayaan wanita tentang 30%, tadi kita sebut bahawa kerajaan negeri sentiasa membantu dalam dasar ke arah mencapai sekurang-kurangnya 30% wanita di tempat membuat keputusan dan kerajaan negeri akan berterusan melaksanakan kempen-kempen kesedaran kefahaman gender serta menurunkan dasar ini kesemua peringkat sehingga kepada peringkat Ahli Majlis, JKK dan sebagainya.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mohon mencelah Speaker. Terima kasih. Saya dapati sebenarnya di peringkat Kerajaan Negeri Selangor telah pun membuat satu dasar berkaitan dengan kuota 30% wanita dalam Ahli Majlis pada tahun 2013 yang lalu. Tetapi apa yang saya dapati kuota itu tidak dapat dipenuhi kerana kalau dibilang jumlah keseluruhan ahli Majlis wanita yang telah dilantik ianya hanya 0.19%. Jadi soalan saya....minta maaf 19%. Jadi saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCObilakah sasaran 30% ini perlu ataupun akan ditetapkan dicapai dan satu lagi apakah mungkin ya kuota ini tidak boleh diisi oleh kaum lelaki jika ianya tidak ada nama-nama yang diberikan untuk wanita menduduki kuota Ahli-ahli Majlis itu.

**Y.B. PUAN DR.DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Untuk kuota Ahli Majlis kita telah pun mencapai kepada 21.74% kuota wanita diperingkat Majlis diseluruh PBT di Negeri Selangor. Dan yang paling tinggi memberikan kuota untuk

wanita adalah MPKJ iaitu sejumlah 7 orang, dan juga MDHS iaitu Majlis Daerah Hulu Selangor iaitu menepati 30% kuota yang diperuntukkan dan yang paling sedikit memberikan kuota untuk Ahli Majlis Wanita adalah MPK seramai 3 orang iaitu 13.4%. Dan *Insya-Allah* kita akan meneruskan ataupun mencapai ke arah itu kerana pelantikan Ahli Majlis adalah daripada ketiga-tiga parti jadi kita Kerajaan Negeri menunggu maknanya memberi peluang kepada ketiga-tiga parti untuk menghantar nama-nama wanita sebagai Ahli Majlis.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan. Adakah panduan 30% itu semata-mata kuantitatif dalam bidang-bidang tertentu dia adalah kualitatif? Maksudnya kalau peranan yang dimainkan oleh wanita dalam sesuatu jabatan, agensi dan sebagainya itu walaupun bilangannya seorang dua orang tapi kesan daripada *aktivisme pembangunan* dan sebagainya mencapai 30% dia sudah memenuhi kuota. Jadi soalan saya adakah dalam semua kes dia mesti kuantitatif bilangan ataupun kualitatif sudah memadai.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Kelang. Sebenarnya kita menjaga kedua-duanya iaitu kualitatif dan juga kuantitatif dan memang sentiasa ada ya wanita-wanita yang berkualiti untuk duduk di jawatan-jawatan tersebut.

Seterusnya ADUN Selat Klang, Kinrara dan Seri Serdang serta Taman Medan menyebut ya, menyentuh tentang isu denggi di Negeri Selangor. Situasi denggi di Negeri Selangor...

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Sorry, sorry, sebelum masuk denggi, satu soalan sahaja, soal kepimpinan. Adakah rancangan kerajaan negeri untuk membuat satu *more structured training* untuk pemimpin wanita? Adakah kita ada rancangan untuk buat kursus-kursus untuk pemimpin wanita supaya kita boleh *filled up the quota with the quality* pemimpin.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Damansara Utama. *Training-training* dan kursus-kursus kepimpinan untuk wanita ini kita akan masukkan di dalam program-program ataupun kursus-kursus di bawah Pusat Wanita Berdaya *one of the module* dengan izin. Terima kasih. So, saya boleh teruskan kepada isu denggi.

Yang Berhormat Selat Klang, Kinrara, Seri Serdang dan Taman Medan menyentuh tentang isu denggi di Selangor. Situasi denggi di negeri Selangor amat membimbangkan sepanjang tahun 2014 sehingga awal bulan ataupun 2015 dengan *trend* peningkatan kes-kes denggi yang dicatatkan secara konsisten terutama di daerah Petaling, Hulu Langat, Kelang dan Gombak. Pelbagai usaha dan inisiatif kerajaan negeri bersama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pejabat Kesihatan Daerah, serta kerjasama semua Pihak Berkua Tempatan dalam melakukan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi. Namun setelah Pelan Tindakan Terjah Dan

Musnah Aedes Negeri Selangor yang dilancarkan pada 3 November 2014 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, kerajaan negeri terus menggiatkan usaha kawalan dengan mensasarkan daerah yang tertinggi mencatatkan kes-kes denggi iaitu daerah Petaling. Oleh itu *Task Force Khas Terjah* dan Musnah Aedes Daerah Petaling telah dilancarkan pada 7 Februari 2015 dengan memberi tumpuan kawalan wabak denggi bersepada di *hotspot-hotspot* denggi di daerah Petaling. Antara fokus aktiviti kawalan adalah dengan memberikan tumpuan kepada membersihkan kawasan-kawasan *hotspot*, pembersihan kawasan pangaspuri kos rendah, pemeriksaan tapak binaan, pembersihan dan pemeriksaan longkang, pemeriksaan taman awam dan rekreasi.

Selain daripada itu, aktiviti pencegahan melalui pendidikan juga dijalankan dengan menyampaikan taklimat kesedaran denggi di sekolah-sekolah termasuk tadika, sekolah rendah, sekolah menengah oleh Pihak Berkuasa Tempatan juga Bahagian Promosi, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) mengadakan pameran pendidikan denggi dan juga menyertakan sedikit ingatan di dalam khutbah solat Jumaat. Aktiviti gotong-royong tetap diteruskan melalui Ahli-Ahli Majlis, JKK, ketua komuniti, Ketua Kampung Baru, persatuan-persatuan penduduk berserta taklimat pencegahan denggi kepada masyarakat sebagai langkah kesedaran dan pendidikan.

Untuk makluman Ahli Dewan sekalian, sejak *Task Force Terjah Dan Musnah Aedes Daerah Petaling* pada 7 Februari lalu, kes-kes denggi di daerah Petaling menunjukkan *trend* yang amat baik iaitu *trend* penurunan. Terima kasih kepada Kinrara yang mengambil maklum tentang kes ini, tentang penurunan kes denggi di daerah Petaling. Kalau boleh ingin saya sebutkan ya, untuk daerah Petaling pada 31 Januari, kes masih lagi tinggi iaitu 1,025, turun kepada 955 pada 7 Februari, 14 Februari 417, 21 Februari 883, 28 Februari 736, 7 Mac 778, 14 Mac 599, 21 Mac 547 dan yang terkini 28 Mac 433 daripada 1,025 telah turun separuh kes denggi di daerah Petaling. Walau bagaimanapun negeri Selangor masih mencatatkan kes denggi yang tertinggi di Malaysia. Oleh itu kerajaan negeri masih meneruskan usaha dan bekerja keras bagi membendung penularan wabak denggi ini. Yang paling mustahak adalah penglibatan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk Ahli-Ahli Dewan Negeri, Ketua-ketua Jabatan pelbagai agensi, Ahli-Ahli Majlis, Ketua Kampung, Ketua Komuniti, Ketua Kampung Baru, Persatuan Penduduk, NGO dan juga para sukarelawan. Mobilisasi, komitmen dan kesedaran ini lah yang diperlukan bagi memastikan bahaya dan wabak denggi ini dapat dibanteras bersama dan bukan hanya diletakkan di bahu kerajaan negeri sahaja dan kita menyeru agar pihak..

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan. Tentang aedes dan denggi, sejauh manakah program COMBI dilaksanakan dan apakah rekod prestasi dan pencapaiannya.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Kelang. COMBI adalah satu badan yang dilaksanakan di peringkat Persatuan Penduduk dan mereka sentiasa bersama, berapa COMBI-COMBI ini bersama dalam aktiviti-aktiviti gotong-royong dan COMBI ini juga memberi kesan yang baik dalam aktiviti-aktiviti ini tetapi di peringkat PBT juga telahpun melaksanakan beberapa program-program khas seperti SEDAR iaitu *Search and Destroy Action Rangers* dan juga beberapa program-program yang lain.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Adakah dokumentasinya? Sistem diwujudkan untuk memastikan program COMBI itu didokumentasikan. Di Hulu Kelang kita menggunakan piawaian ISO 9000 untuk mendokumenkan program-program COMBI. Adakah dilaksanakan di seluruh Selangor?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Hulu Kelang. Kita akan mendapatkan dokumentasi tersebut daripada PBT-PBT yang melaksanakan bersama dengan pihak COMBI. Buat masa sekarang kita tidak ada dokumentasi tersebut.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya tentang sistem dokumentasi yang ada sekarang di mana rangkaian data daripada Pejabat Kesihatan Daerah dengan PBT itu masih ada satu bentuk *lagging* ataupun kelewatan dari segi laporan. Ini telah pun mendatangkan sedikit masalah kepada PBT kerana PBT jarang dan selalunya tidak dapat mengambil tindakan yang cepat untuk mengenal pasti *hotspot* dengan tepat pada waktunya atau seawal yang mungkin. Jadi bagaimakah kerajaan dapat mengatasi masalah ini?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kampung Tunku. Tentang masalah ini kita telah pun memanggil dan berbincang dengan pihak PBT serta Jabatan Kesihatan ataupun Jabatan Kesihatan Daerah. Perkara ini telah pun kita selaraskan agar segala laporan tentang kes-kes denggi dapat diselaraskan dan dapat diambil tindakan segera oleh kedua-dua belah pihak tersebut. Speaker, saya teruskan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Speaker. Yang Berhormat EXCO, adakah perancangan Yang Berhormat EXCO menyahut cadangan Pelabuhan Kelang semalam di mana satu vaksin pencegah denggi dari Australia. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Seri Serdang. Buat masa ini kita belum bercadang dan kita mungkin akan mendapatkan khidmat daripada penyedia perkhidmatan tersebut untuk kita melihat adakah ia bersesuaian ataupun tidak dan adakah kita boleh mengaplikasikan untuk negeri Selangor ini kita akan melihat dahulu keberkesanan tersebut. Saya kira setakat itu daripada saya sekian, terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Mohon penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Terima kasih Puan Speaker, saya nak berbalik kepada tadi soalan awal yang pertama sekali daripada Yang Berhormat Hulu Kelang berkenaan dengan TEKUN. Jawapan daripada Yang Berhormat EXCO menyatakan TEKUN ini tidak mencapai aspirasi. Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Sejak penubuhan TEKUN telah membantu dan memberikan manfaat sehingga tahun 2014 seramai 33,500 rakyat negeri Selangor yang melibatkan pinjaman TEKUN hampir RM500 juta. Jadi ianya di negeri Selangor sendiri bukannya di seluruh negara. Jadi saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat apakah ia tidak mencapai aspirasi rakyat negeri Selangor? Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Dengkil. Saya mungkin perlukan lebih banyak informasi tentang TEKUN untuk menjawab soalan Dengkil. Jadi buat masa ini saya belum boleh menjawab dengan lebih *detail*.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Jadi Puan Speaker, setujulah TEKUN ini banyak membantu rakyat negeri Selangor sejak penubuhannya? Setuju ya.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, tak boleh bangkitkan isu yang tidak dibangkitkan dalam Perbahasan. Tadi minta penjelasan bukan yang sebelum ini Perbahasan. Boleh ya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF:** Tapi saya nak minta pandangan sebab dia ada TEKUN, ada SKIMCEL, ada MiMBAR, jadi sama-sama nak membantu rakyat negeri Selangor. Yang Berhormat setuju tak bahawa sanya ia juga banyak membantu rakyat negeri Selangor. Kalau tak nanti Yang Berhormat...

**TUAN SPEAKER:** Terpulang kepada Sementa nak bagi pandangan atau tidak. Kalau tak nak pun boleh. Sudah habis Sementa? Baiklah Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker, saya juga ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah membangkitkan beberapa perkara yang berkenaan dengan Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap yang telah dikawal selia iaitu sukan, generasi muda, kebudayaan dan pembangunan usahawan. Pertamanya

dalam Dewan ini kita telah melihat beberapa aspek yang sangat penting dibincangkan iaitu aspek tentang pembangunan yang berkualiti dan sudah pasti pembangunan yang berkualiti itu merujuk kepada pembangunan yang holistik dan pembangunan yang *sustainable* dengan izin dan ia akan memberi impak dan dampak besar kepada program-program pembangunan generasi muda mahupun keseimbangan di antara program fizikal dan program sosial seperti sukan, kebudayaan dan juga program-program pembangunan usahawan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasih sekalian, berkenaan dengan isu pembangunan generasi muda. Pertama, telah dibangkitkan oleh Sabak berkenaan dan juga Tanjung Sepat berkenaan dengan isu penghijrahan anak-anak muda dan juga golongan muda daripada luar bandar yang pergi ke kawasan bandar dan akhirnya menyebabkan sumber manusia ataupun modal insan di kawasan-kawasan luar bandar ini agak terhad dan mengehadkan juga isu-isu berkenaan dengan pembangunan di kawasan sekitarnya. Suka saya merujuk kepada *trend* yang berlaku di peringkat dunia mahupun di mana-mana dunia moden waktu ini sudah menjadi *trend* kepada anak-anak muda dan generasi muda sejak daripada zaman 70an lagi berikhtiar dan berhijrah ke luar bandar atas dua faktor. Pertamanya atas sebab ingin melanjutkan pelajaran dan keduanya mencari peluang-peluang pekerjaan dan ruang-ruang ekonomi yang lebih besar dan lebih luas. Justeru bagi saya ini merupakan cabaran penting kepada kita dan sebab itulah pihak kerajaan negeri telah menubuhkan apa yang dikatakan PEBT ataupun Penggerak Belia Tempatan dengan harapan agar PEBT ini menjadi pemangkin ataupun menjadi agen penggerak kepada komuniti di tempat-tempat tersebut termasuk dalam program-program ekonomi namun dukacita saya sebutkan di sini pada tahap waktu ini kita masih belum lagi mampu menggerakkan PEBT sebagai pemimpin-pemimpin yang mampu menggerakkan program ekonomi dan kita sedang dalam proses untuk melengkapkan sesuai dengan dasar Belia Negeri Selangor yang kita rancangkan.

Justeru bagi saya ini merupakan cabaran penting kepada kita dan sebab itulah Kerajaan Negeri telah menubuhkan apa yang dikatakan PBT atau Penggerak Di Tempatan dengan harapan agar PBT ini pemangkin ataupun menjadi agen penggerak kepada komuniti di tempat-tempat tersebut termasuk dalam program-program ekonomi. Namun dukacita saya sebutkan di sini di tahap waktu ini kita masih belum lagi mampu menggerakkan PBT sebagai pemimpin-pemimpin yang mampu untuk mengerakkan program ekonomi dan kita dalam proses untuk melengkapkan sesuai dengan dasar belia Negeri Selangor yang kita lancarkan. Justeru saya mengucapkan ribuan terima kasih atas teguran Taman Medan supaya PBT memberikan kerjasama yang baik kepada semua agensi. Saya tekankan kepada semua agensi tidak hanya kepada Ahli Dewan Negeri sebaliknya kepada Ketua Kampung kepada Ahli Majlis dan *Insya-Allah* apabila kita akan melantik PBT pada masa depan semua agensi-agensi yang berkenaan akan diambil kira untuk memastikan bagi memastikan PBT ini betul benar menjadi penggerak menjadi pemangkin dan menjadi orang yang memecahkan *momentum- momentum* yang

lebih besar khususnya kepada program-program di peringkat bawah dan di akar umbi. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian justeru pada pendekatan Jawatankuasa Tetap Belia sejak dari awal penggerak PBT ini kita telah menggalakkan PBT-PBT ini melaksanakan mengerakkan program-program di peringkat akar umbi tidak hanya menumpukan program-program besar di peringkat negeri dengan kehadiran besar tetapi gagal untuk mengerakkan belia-belia di peringkat komuniti. Dan *Insya-Allah* dengan adanya pendekatan yang lebih baik dengan adanya kerjasama dengan lebih baik dengan pelantikan yang kita buat selepas ini dengan pengisian kekosongan sebanyak 100 yang kita akan buat mulai beberapa hari lagi saya percaya pemerkasaan PBT sebagai agensi penggerak belia negeri dapat dilaksanakan dengan baik.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker nak minta sedikit penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Ada tak Yang Berhormat EXCO atau peringkat Kerajaan Negeri mencadangkan untuk menambahkan peruntukan PBT sebab sekarang mereka hanya ada peruntukan 70,000.00 sahaja untuk menganjurkan program sepanjang tahun.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Rawang. Ini soalan yang banyak sekali dikemukakan sejak daripada tahun 2009 hingga sekarang. Saya ingin tegas sekali lagi nilai 5,000.00 itu adalah nilai permulaan yang kita diberikan kepada Pengurus-pengurus PBT dan Ketua-ketua PBT dan selebihnya kita mengharapkan agar mereka berkongsi dan bekerjasama dengan Ahli Dewan Negeri dan juga dengan pihak-pihak Majlis-majlis Tempatan dan juga termasuk dengan Majlis-Majlis Tempatan. Jadi nilai 5,000.00 itu yang kita berikan memang nampak kecil tetapi kitalah satu-satunya negeri di Malaysia ini yang ada mempunyai jumlah peruntukan cukup jelas kepada anggota-anggota pemimpin-pemimpin belia kita tidak sebagaimana perancangan yang dibuat negeri lain. Pada ketika ini kita tidak berniat ingin menambah sebab daripada *track* yang kita dapat lihat sebahagian daripada kita PBT-PBT yang aktif yang maju yang mampu untuk diketengahkan di sebahagiannya menjadi Ketua Kampung dan sebahagiannya ketika ini menjadi ahli majlis yang menjadi Ahli Dewan Negeri belum lagi mungkin dalam tempoh 6 & 7 tahun akan datang mungkin ada PBT yang menjadi Ahli Dewan Negeri mampu menganjurkan program-program bukan hanya di peringkat daerah tetapi keupayaan dianjurkan di peringkat daerah itu hingga penganjuran-penganjuran program di peringkat antarabangsa atau di peringkat Nasional. Jadi sebab itu saya percaya nilai itu masih lagi boleh dan boleh dimanfaatkan oleh Ahli-Ahli Dewan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta penjelasan. Saya dapat feedback daripada PBT-PBT bahawa PBT ini agak *rigid* sikit sebab dia mewajibkan PBT untuk *join certain insert* program kena sain lepas itu balik so tiada impak yang besar untuk

*youth there has nothing so adakah rancangan Kerajaan Negeri bahawa kita make it more flexible most strategic untuk location masing-masing sebab for example in PJ the youth in PJ is very different than youth Sabak Bernam.*

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih ini juga perkara yang saya tekankan birokrasi bila penggunaan dana awam dan dana kerajaan isu birokrasi ini sedikit sebanyak kita kena ikuti tidak ada kompromi dalam beberapa perkara. Namun saya percaya program seperti sukan dan kebudayaan dan termasuk pembangunan generasi muda atau namanya dulu belia kita harus mengurangkan sedikit birokrasi-birokrasi. Sepanjang zaman saya dan Y.B. Sijangkang menjadi Pembantu EXCO sampailah beliau menjadi EXCO dan saya menjadi EXCO kita dari masa kesemasa mengurangkan birokrasi-birokrasi ini agar belia-belia atau generasi-generasi muda ini dapat lebih mudah melaksanakan program-program yang dianjurkan. Namun beberapa prosedur-prosedur asas kerajaan itu terpaksa kita ikuti kerana ia akan menilai integriti dan ketelusan yang selama ini kita perjuangkan. Ahli Yang Berhormat yang saya kasih sekalian jadi tentang program pembangunan generasi muda itu *Insya-Allah* 12hb ini kita akan lancarkan penjanaan beberapa konsep baru PBT bersamaan dengan pelaksanaan-pelaksanaan dasar pembangunan generasi muda di Selangor yang akan diberikan nilai tambah dan kesan baru dan lebih *trendy* (dengan izin) kepada generasi-generasi muda yang ada di peringkat Negeri Selangor. Keduanya (2) berkenaan dengan Program Keusahawanan perkara ini turut dibangkitkan oleh Paya Jaras, Kajang dan juga Bukit Gasing yang itu berkenaan tentang Paya Jaras dan Kajang mengusulkan kepada Dewan agar kita melaksanakan program-program pembangunan usahawan-usahawan ini berdasarkan tekankan kepada kategori-kategori yang tertentu. Paya Jaras merujuk kepada Program Pembangunan Usahawan Belia, Kajang juga menyarankan program-program usahawan IT untuk usahawan Ibu Tunggal. Jadi saya menegaskan sekali lagi ya program usahawan ini kita agak sukar bukan agak sukar tetapi boleh hanya menetapkan kepada beberapa kategori sahaja. Jadi program kita ini lebih baik menyeluruh sebaiknya mereka ini adalah mereka-mereka yang berminat dan ia merentasi berbagai-bagai kelompok dan golongan ada golongan belia ada golongan remaja dan yang sudah 60 tahun baru minat usahawan ada minat bidang sekolah. Justeru sebagai mana saya sebutkan jawapan No.10 yang lalu bahawa program kita ini bermula daripada peringkat sekolah iaitu daripada peringkat sekolah rendah lagi oleh PKNS dan sekolah menengah, Universiti yang banyak dimonopoli oleh PKNS dan selebihnya itu ditanggung oleh bapa anak syarikat Kerajaan Negeri seperti Perangsang dan Unit Perancang Ekonomi untuk menyambung program-program menggalakkan usahawan dalam bidang usahawan. Dan saya percaya dari pada masa ke semasa dengan kewujudan sekretariatkeusahawanan ini dengan melibatkan semua agensi-agensi yang berkaitan saya akan mampu untuk merangkumi semua golongan ini dan menyerap berbagai permohonan-permohonan termasuk daripada Ibu Tunggal termasuk daripada golongan belia dalam program-program usahawan di Selangor sebagai mana saya jelaskan dengan lebih jelas. Sg. Panjang dan Bukit Gasing

membangkitkan tentang penjaja *alhamdulilah* dalam tahun ini adalah sasaran kita untuk memberikan nilai tambah kepada penjaja-penjaja ini. Setakat ini saya sedang menunggu beberapa perancangan-perancangan yang telah dilaksanakan di antaranya kita akan mengumpulkan senarai semak dan data base senarai penjaja-penjaja ada di Negeri Selangor Darul Ehsan ini. Terutamanya di majlis-majlis daerah dan setiap 2 bulan atau 3 bulan saya akan bertemu setiap 2 bulan saya akan bertemu dengan pegawai-pegawai di peringkat Majlis-majlis Tempatan untuk rangka beberapa isu majlis akan saya cerakinkan sidang Dewan yang lepas penjaja-penjaja iaitu mereka yang berniaga di pasar malam, pasar pagi dan pasar tani. Yang kedua (2) Old Town, penjaja-penjaja yang berseeah yang sedikit sebanyak merencatkan mengganggu program-program di peringkat majlis-majlis tempatan. Justeru saya telah bekerjasama dengan Pihak Kerajaan Tempatan untuk memastikan setiap Pihak Kerajaan Tempatan akan menyediakan ruang-ruang niaga dan di antaranya Kuala Selangor telah memberi maklum balas dan *Insya-Allah* dalam masa terdekat kita akan merangka program-program penjanaan semula dan memperkasakan penjaja-penjaja ini dengan harapan mereka tidak berakhir hayat sebagai penjaja sebaliknya dengan generasi kedua ketiga keluarga mereka itu akan bergerak usahawan lebih maju dan ruangan penjaja ini menjadi latihan lebih awal kepada penjaja-penjaja untuk menggalakkan diri dalam bidang usahawan. Yang Berhormat saya kasihan sekalian ketiganya (3) berkenaan dengan kebudayaan dibangkitkan juga oleh

**Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL:** Sebelum itu mohon mencelah. Saya ingin bertanya kepada EXCO usahawan apakah peranan yang dimainkan dalam program HIJRAH di samping EXCO kebajikan dalam konteks membangunkan usahawan-usahawan baru.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih dalam sekretariat yang kita anjurkan ini yang kita tubuhkan itu mesyuarat sebulan sekali kita panggil juga HIJRAH sebagai salah satu ahli jawatankuasa semua agensi-agensi yang ada program penggalakan usahawan kita letakkan dalam satu sekretariat dan tidak ada pertindanan permohonan dan juga pertindanan program. Sebelum ini berlaku pertindanan sebagai contoh di bahagian pembangunan keusahawanan PKNS mengadakan mengadakan program pemborongan di China. Saya semak dalam tahun yang sama Unit Perancang Ekonomi juga mengadakan program yang hampir sama dan ini bagi saya mengurangkan daripadadari segi efisience ataupun kecekapan dan juga mencapai atau kita berjaya untuk menggalakkan dan melengkapkan permintaan-permintaan. Ahli Yang Berhormat sekalian

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon mencelah

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Ya

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tadi yang dikatakan berkenaan dengan penjaja saya baru pagi ini mendapat statistik daripada soalan bertulis yang mengatakan bahawa statistik penguatkuasaan ke atas penjaja dalam 2014 di MPPJ 236,000.00 kes. Penguatkuasaan tetapi kepada undang-undang kecil sampah hanya 75, itu yang saya bangkitkan dalam hujah saya. *Enforcement* penjaja pergi ke atas penjaja-penjaja ke atas *Enforcement* daripada kita cuba menyusun mereka dan *class* penjaja-penjaja ini ada 2,000 lebih *Enforcement* ke atas penjaja tetapi kepada isu yang rata-rata seluruh rakyat Negeri Selangor setuju penguatkuasaan sampah sarap ada 75 saya rasa kurang tepatnya.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Untuk penjaja itu saya amalkan program untuk berbincang untuk pengurusan sampah EXCO yang berkenaan akan menjawab. Saya tiada kuasa hendak masuk kawasan orang lain nanti marah. Isu kedua (2) dengan kebudayaan Kota Anggerik membangkitkan tentang agar dilaksanakan program pemantauan supaya tidak mengganggu *sensitiviti* terhadap program-program pelaksanaan program kota seni di Shah Alam dan juga di Petaling Jaya. Suka saya maklumkan di sini bahawa dalam mesyuarat yang telah kita anjurkan sebulan yang lalu selepas mendengar taklimat daripada kedua-dua Majlis Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Shah Alam. Kerajaan Negeri ataupun di pihak tetap pembangunan kebudayaan negeri telah bersetuju untuk di setiap majlis berkenaan menubuhkan majlis mesyuarat ataupun jawatankuasa kebudayaan majlis-majlis tempatan. Jadi keanggotaannya haruslah terdiri daripada Dato Bandar atau Di Pertua 2 orang majlis tempatan, 4 orang aktivis atau budayawan ataupun NGO-NGO kesenian dan kebudayaan. Yang keempatnya (4) daripada pegawai-pegawai pejabat jawatankuasa tetap pegawai Unit Perancang Ekonomi dan wakil daripada Pejabat Menteri Besar yang melibatkan dasar kebudayaan. Dan ini merupakan iltizam politik atau *politic will* iltizam kebudayaan telah dikemukakan sendiri yang Y.A.B. Menteri Besar. Namun sekali lagi saya ingatkan jawatankuasa ini bukan menjadi badan yang menghalang sebaliknya jawatankuasa ini lebih menjadi satu badan menyelaras dan membantu memudah cara kepada program-program penggalakan program kesenian di peringkat Negeri Selangor dan juga untuk membantu aktiviti-aktiviti realisasi kan menjadikan kota seni di peringkat MBSA dan di peringkat MBPJ *Insya-Allah*. Pada waktunya ini pun dari masa ke semasa sebenarnya nampak ahli jawatankuasa ini masih terus menerus berlangsung program-program kebudayaan yang sangat menarik dan sangat *baibering* (dengan izin) di peringkat majlis tempatan baru ini di MPPJ sebagai contoh sempena adakan persembahan yang dituruti oleh EXCO. Ada juga dalam pada yang sama ada *juga festival* tari yang melibatkan sekolah-sekolah menengah di Daerah Petaling penyertaan yang sangat baik. Juga di MBSA ada program-program di Taman Seni 7 yang berterusan setiap minggu yang sedikit banyak memberi nilai tambah kepada kerajaan negeri. Dan sikit

**TUAN SPEAKER:**Y.B. Batu Caves boleh berhenti sementara. Ahli yang Berhormat sekalian masa menunjukkan 12.00 tengah hari dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga 3.00 petang. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN TIMBALAN PEAKER:** Assalamualaikum selamat petang dewan sambung semula. Saya mempersilakan Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingin maklumkan kembali keanggotaan Ahli Jawatankuasa Kota Seni bagi Majlis Bandar Raya Petaling Jaya dan Majlis Bandar Raya Shah Alam yang terdiri daripada Dato' Bandar, dua (2) orang Ahli Majlis, empat (4) orang Aktivis atau pun Budayawan dan NGO berkaitan dengan seni dan budaya. Wakil daripada Pejabat Pegawai EXCO, wakil daripada Pejabat Unit Perancang Ekonomi dan juga wakil daripada Pejabat Menteri Besar supaya jabatan ini atau pun Jawatankuasa ini dapat menyelenggara dan memudah cara program-program yang akan berlangsung di Kota Seni di Negeri Selangor Darul Ehsan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihan, ada kritikan yang telah disampaikan atau pun teguran yang disampaikan oleh Paya Jaras berkenaan dengan ruangan di Selangor kini yang melibatkan lapan karya seni seperti puisi dan rencana-rencana kebudayaan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin memanggil kepada semua Ahli Yang Berhormat sekalian untuk melihat perkara ini dengan lebih positif. Malahan sebagai mana yang dikemukakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku ketika memberikan ucapan pembukaan sidang dewan kali ini, beliau menetapkan bahawa agar Negeri Selangor cemerlang dalam bidang sukan dalam masa yang sama merealisasikan inti parti dan harapan Menteri Besar untuk menujuhkan Kota Seni. Jadi maknanya kita tak boleh menutup ruangan kebudayaan dan kesenian semata-mata untuk memberikan ruangan untuk ruangan bola sepak dan juga ruangan untuk aktiviti sukan. Bagi saya bagi EXCO yang berkenaan sudah pasti yang mengawal selia kedua-dua jabatan ini saya mahukan keseimbangan dapat diwujudkan dan *Insya-Allah* ia akan memberikan nampak baru dan kesan baru, malahan saya ingin menarik perhatian 2 orang Sasterawan Negara telah dipilih oleh pihak Kerajaan selama ini juga datang daripada Negeri Selangor. Sebagai contoh pada tahun 2009 Dato' Dr. Anwar Riduan telah dipilih sebagai Sasterawan Negara dan beliau merupakan anak daripada Sabak Bernam, Negeri Selangor Darul Ehsan. Selepas itu daripada tahun 2011 ikut alamatnya Kuala Lumpur tapi saya percaya Gombak itu berada di Selangor iaitu Dr. Ahmad Kamal Abdullah pada tahun 2011 atau namanya Kamal, Kemala maafkan saya juga berasal daripada Gombak dan boleh dianggap sebagai warta daripada Selangor dan justeru itu bidang pembangunan seni dan kebudayaan juga tidak harus merupakan Sastera dan juga kesenian dan kita mengalu-alukan ruangan puisi dan cerpen dan *Insya-Allah* Jawatankuasa Pembangunan Belia dan Kebudayaan Negeri akan memberikan Anugerah Cerpen-cerpen yang baik. Artikel-artikel seni yang baik dan namakan sebagai Anugerah Sastera Selangor atau pun Anugerah Sastera kini yang akan

diputuskan oleh pihak Kerajaan Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian ...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh minta sedikit penjelasan. Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak bertanya mengenai perkembangan teater Shah Alam yang mana bangunan dah begitu lama. Bagaimanakah apa ini kedudukan bangunan ini dan dari segi penggunaannya oleh STANDCO Kebudayaan? Terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Permatang. Soalan yang dibangkitkan itu tak dibahaskan jadi tak boleh nak dijawab. Nak bagi tahu saya boleh katakan bahawa keputusan pihak Kerajaan Negeri ia akan diserahkan ke Perbadanan Adat Istiadat Madu dan Warisan dan *Insya-Allah* Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kebudayaan Negeri akan bekerjasama bersama EXCO yang berkenaan dan terutamanya kaitan dengan padat dan kebudayaan negeri Selangor ini sangat rapat sebagai contoh PADAT ada agensi-agensi yang berkenaan penarinya kumpulan mu dan juga Jabatan seperti MBSA dan PJ Petaling Jaya dan *Insya-Allah* kita sedang merangka beberapa program-program besar yang akan kita pentaskan dalam masa terdekat. Namun begitu beberapa kemudahan-kemudahan yang ada di sana hasil daripada lawatan yang telah dibuat amatlah daif atau pun tidak sama standard, tidak *at par* dengan izin dengan apa yang ada di Istana Budaya. *Insya-Allah* kita akan cuba menggunakan sebaik mungkin dengan apa yang ada samping menunggu sementara menunggu peruntukan yang jelas daripada pihak Kerajaan Negeri untuk menaik taraf dan menjadikan teater Shah Alam itu sebagai nama asalnya Royal Teater yang kemudian hilang disebabkan oleh taraf yang kurang berkualiti. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian saya merujuk pula kepada bidang sukan atau pun sukan. Teguran yang telah dikemukakan ..

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan ya? Tadi ada di sebutkan tentang teater, dalam perkembangan seni budaya yang ada sekarang, teater dan lakonan dan pembikinan filem dan video dokumentari itu sudah hampir-hampir sama dan selaras dalam bidang-bidang tertentu. Jadi soalan saya keperluan Finas badan-badan penapis filem atau pun video adalah satu perkara yang di anggap serius dan sudah pasti apabila filem-filem festival dilaksanakan pada tahun ini mereka memerlukan bantuan. Adakah di manakah pihak kerajaan akan membantu pihak filem festival untuk mendapatkan pelepasan atau pun apa bentuk yang berkaitan dengan penapisan di bawah FINAS.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat, saya sempat meneliti beberapa soalan. Pada tahun 2012 pihak Lembaga Penapisan Filem atau pun LPF telah mengideakan atau pun menghapuskan tapisan-tapisan filem. Namun kemudian diperkenalkan satu lagi polisi iaitu penapisan filem oleh Syarikat dan pembuat filem itu sendiri yang dipanggil sebagai *self-censorship*. Dan ia diberikan

ruangan kebanyakan penapisan-penapisan itu dibuat di peringkat pembuatannya lagi supaya ia tidak menghalang serta menggugat keharmonian serta isu-isu sensitif dalam negara kita. Namun begitu sayamemandangkan perkara ini dengan positif mengambil maklum semangat yang dikemukakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan ketika membuka sidang Dewan ini agar berlakunya perbincangan-perbincangan positif di antara pihak Kerajaan Negeri dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan termasuk dengan LPF jadi pihak kerajaan negeri *Insya-Allah* kita akan cuba untuk memastikan segala aturan-aturan ini dipatuhi dan menghasilkan kualiti-kualiti yang baik hasil daripada bantuan dan sokongan pihak kerajaan negeri.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta penjelasan, tentang Kota Seni *one of the YB* ada menyentuh Kota Seni di mana Petaling Jaya dan Shah Alam akan menjadi Kota Seni yang apa yang so apakah perancangan kerajaan negeri untuk membawa sedikit *tangible things what we can be seen as* Kota Seni seperti Petaling Jaya? What are you going to do in Petaling Jaya to make it a Kota Seni and when people go there and is a Kota Seni? What is inside?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Damansara Utama. Ada beberapa perkara-perkara yang kita bincangkan termasuk *retreat* terakhir atau pun dalam permukiman terakhir pihak EXCO Kerajaan Negeri Selangor yang baru-baru ini yang akan meletakkan jawatankuasa ini cuba menggalakkan mana-mana pembangunan di kawasan-kawasan berkenaan supaya meletakkan satu sudut kesenian dalam bahagian pembangunan-pembangunan yang sedia ada. Sebagai contoh

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Adakah kita akan ada lebih banyak galeri, teater *things like that can be seen*.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Yang Berhormat, saya, saya tak nak mengehadkan atau pun meletakkan pembangunan serta program kesenian aktiviti Kota Seni itu sebagai program. *Insya-Allah* saya percaya di Shah Alam sahaja kita dah kumpulkan banyak galeri-galeri swasta dan galeri-galeri individu yang ada di Petaling Jaya, sebab itu kita pilih Petaling Jaya.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tiada banyak, tiada banyak di Petaling Jaya. *The things is I have*, kita tak boleh nampak apakah dari Januari sampai sekarang. Apakah *initiative* dari Kerajaan di mana kita akan menubuhkan *that the people can be seen as a Kota Seni* di Petaling Jaya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Damansara Utama dah dijawab tadi. Tanya Batu Caves sama ada banyak lagi *point* untuk dia jelaskan dalam portfolio, nak lain semua soalan.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Saya jawab sedikit-sedikit. Kita akan membuat *sculpture* atau pun arca-arca awam untuk di kawasan-kawasan yang awam

diPetaling Jaya dan juga di Shah Alam. Ini semua kita akan buat dan tidak boleh selesaikan dalam tempoh dua bulan sebab proses pemilihan dan sebab kita tubuhkan jawatankuasa ini supaya dia dapat menyelaras dan mengatur selia program-program Kota Seni. Sebagaimana kita sedia maklum Kota Seni ini idea baru dan belum ada mana-mana Kota Seni yang ada di Malaysia dalam masa yang sama di Dunia. Beberapa Kota Seni seperti di Jom Jakarta, dia ada tradisinya yang berbeza. Seperti beli dia ada tradisi yang berbeza.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta celah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Saya ingin nak tanya Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan Kota Seni Kesenian berkaitan menubuhkan arca-arca. Adakah kemahiran kesenian dan sukan adalah penting? Sebagai contohnya bagi tarian singa, silat dan sebagainya, adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk menyediakan tempat latihan untuk mereka meningkatkan taraf kemahiran mereka di mana mencapai taraf antarabangsa? Terima kasih.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Teratai. Saya nak sebutkan tiga (3) elemen yang kita kenal pasti yang akan menjadi wajar serta watak Kota Seni ialah programnya adalah nilai jati diri iaitu nilai diri termasuk aktiviti kesenian kebudayaan tradisi dan juga kontemporari. Yang keduanya program pembangunan, pembangunan ini bererti program-program yang melati generasi muda sampailah generasi yang baru terhadap program-program kesenian dan kebudayaan yang kita akan buat daripada masa ke semasa. Dan yang ketiganya ketidaktertinggalan ekonomi saya tak nak anggap program-program Kota Seni ini hanya pembaziran, buang duit dan *spent* duit yang tidak memberi pulangan seni sebagaimana yang diulas.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta celah.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Saya rasa dah banyak sangat saya rasa tak ada masa.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Satu lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya fikir bagi YB EXCO habis dulu.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Sebab nak kita lawan ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya nak masuk pertamanya ada teguran dari Sabah berkenaan dengan aktiviti larian *marathon* yang dianjurkan dengan tidak menghormati itu azan dan sebagainya. Sepanjang daripada apa yang kita ikuti dan bawa tidak ada larian-larian yang dibuat ketika azan. Paling tidak selepas waktu

azan atau sebelum waktu azan. Namun begitu kita tertakluk beberapa peraturan daripada IAAF *International Association Athletic of Federation* yang meletakkan beberapa faktor keselamatan. Sebagai contoh maraton itu empat puluh dua kilometer. Kita harus melepaskan dalam satu jangka dan waktu yang tertentu. Namun begitu dalam beberapa pertandingan-pertandingan maraton dan beberapa *checkpoint-checkpoint* itu kita sediakan tempat untuk solat untuk pelari maraton. Tempat untuk solat untuk pelari-pelari maraton dan juga ruangan untuk solat di kawasan yang berkenaan sebelum larian itu dibuat atau selepas larian itu dibuat. Kalau empat puluh dua kilometer biasanya dia akan ambil masa maksimum lebih kurang empat atau lima jam bagi pelari-pelari semi amatuer atau semi profesional. Daripada semi profesional atau *full* maraton atau maraton penuh empat puluh lima kilometer kita akan ambil masa kurang dua atau pun tiga jam. Tempat untuk solat subuh namun begitu teguran untuk mengambil perhatian yang serius supaya keadaan lokaliti tempat itu tidaklah terlalu berdekatan dengan kawasan masjid dan surau yang mungkin akan menimbulkan kegelisahan di kalangan masyarakat dan komuniti yang berkenaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, dibangkitkan juga tentang sukan bola sepak, khususnya daripada Paya Jaras dan juga dari rakan saya dari Sungai Panjang berkenaan dengan bagaimana pasukan bola sepak negeri Selangor boleh kembali mencapai ke tahap kegemilangannya. Sebagaimana yang saya maklumkan selepas daripada pentadbiran dan pengurusan baru *alhamdulillah* pasukan bola sepak negeri Selangor boleh kembali mencapai tahap kegemilangannya. Sebagaimana yang saya maklumkan selepas daripada pentadbiran dan pengurusan baru *allahamdulillah* pasukan bola sepak negeri Selangor kembali mengejar pada tangga yang baik dan sekarang kedudukan kita di tangga ketiga *league* walaupun ramai pihak tidak begitu memberi harapan yang besar terhadap pencapaian negeri Selangor. Dalam masa yang sama sepatutnya kita harus menukar persepsi bahawa kita berasa rendah diri jika pemain-pemain berada di luar sana. Sebagai contoh perlawanan akhir Malaysia pada tahun 2014 pertemuan di antara JDT dan pasukan Pahang pemain-pemain yang berasal daripada negeri Selangor kalau itu dikumpulkan satu pasukan sebelas orang di dalam padang itu dan saya rasa salah satu aspek yang harus kita banggakan ialah mengeluarkan atletik-atletik yang baru dan program-program pembangunan yang agak mampat. Bagi contoh pasukan belia kita bawah 19 tahun pada waktu ini menang kesemua perlawanan dan menduduki tangga teratas dalam liga kebangsaan kita merupakan pasukan yang hebat. Pasukan bola sepak negeri Selangor hampir 40% terdiri daripada bawah 25 tahun dan sebahagian besarnya. Nik Azmi Faiz berumur 21 tahun, Azri hak berumur 24 tahun yang merupakan anak jati negeri Selangor yang mula menarik perhatian mampu menandingi pemain-pemain besar dan pemain-pemain hebat pada peringkat Nasional. Yang Berhormat sekalian *Insya-Allah* kalau dalam trek yang betul saya percaya kita akan mampu membuat program pembangunan tadi Taman Medan sebutkan daripada rekod yang kita ada dan kajian yang kita buat ada 60, lebih 60 akademi-akademi bolah sepak secara kecil-kecilan termasuk yang dianjurkan oleh

anak-anak syarikat Kerajaan negeri seperti PKNS, PNSB ada juga Soccer Kid Selayang, Soccer Kid Klang, Soccer Kid MBSA dan sebagainya. Kita sedang merangka dan saya melihat dua anak syarikat kita PNSB dan PKNS ini boleh menjadi hub yang akan membantu kalau ada peruntukan sekitar RM1 juta dengan yang paling penting adalah modul yang kita boleh bawa yang kita konsisten dan saya percaya kalau ia dilaksanakan secara tersusun dalam tempoh 3 atau 4 tahun, Selangor akan boleh dianggap sebagai pengeluar pemain-pemain boleh sepak yang berkualiti dan seterusnya membantu untuk program pembangunan bola sepak yang berkualiti dan seterusnya membantu untuk program pembangunan bola sepak di dalam Negara secara keseluruhannya.

Yang Terakhirnya, ini berkaitan dengan kita lawan, kita lawan. Saya nak sebutkan di sini, saya ingin menyebutkan sekali lagi sebagaimana yang dikeluarkan dalam beberapa media janganlah kita terlalu negatif dan terlalu sensitif terhadap beberapa tema dan slogan, malahan SUKMA ini akan berlangsung tahun hadapan. Kalau pihak MOM, pihak daripada pembangkang serta beberapa pengkritik mengatakan bahawa adanya elemen-elemen politik. Saya ingin bawakansatu slogan yang kita bawa pada tahun 2008, selepas menang 2008 saya merupakan ketua kontinjen bagi sukan Malaysia SUKMA Negeri Selangor. Masuk dalam bulan empat, bulan tiga telah diputuskan slogannya apa *Sukan Gemilang Selangor Terbilang*. Apa kaitannya, mungkin saudara-saudara lupa Barisan National pun mungkin lupa, masa tu Pak Lah umumkan tema Barisan Nasional adalah *Cemerlang Gemilang dan Terbilang*. Kalau termasuk Sekinchan, termasuk hujungnya temberang, tapi kerana tidak ada sensitiviti pada waktu itu, kita anggap kita persoalan biasa, saya teruskan, kita teruskan yang pentingnya bagi saya semangat lawan. Namun begitu kalau ada desakan yang berterusan kita bersedia untuk mengkaji. Ada orang cadangkan kita tukar “lawan tetap lawan, lawan sampai menang”. Ada orang cadanglah, tapi kita tengokkan nanti mungkin kita boleh tukar Selangor Lawan Sampai Menang, *Insya-Allah*. Saya terbuka pada perkara ini dan saya agak, agak terperanjat dengan maklum balas yang telah diberikan termasuk di pihak di luar sana begitu sensitif, kita lawan. Lepas ini kita tak boleh sebut Selangor lawan Pahang, tak boleh sebab lawan-lawan. Susah macam ini, padam je perkataan lawan daripada kamus daripada Dewan dan Pustaka kalau ia menjadi...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Yang Berhormat, minta mencelah sikit. Nak tanya kalau kita lawan Pahang tak boleh nak sebut apa, bagi cadangan. Kita lawan Pahang tak boleh nak sebut apa?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** ... saya tak tahu lah, kita lawan kita naik jet Pahang, contohnya lah. Kita beli bunga banyak macam kahwin anak Rosmah contoh... susah.

Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, jadi saya, saya bergurau. Jadi saya menganggap persoalan ini bukanlah persoalan asas yang penting adalah

pembangunan sukan dan sampai kepada Timbalan Menteri jawab, sampai menteri bagi respons. Sebelum ini EXCO yang berkenaan tulis surat kepada menteri, untuk jumpa dengan menteri, menteri tak layan. Bila sebut kita lawan dia boleh layan tentang slogan yang demikian. Sebelum ini tahun 2008, 2009 MSN membuat program Pusat Kecemerlangan Sukan. Selangor di antara kuasa besar dalam kolam renang, tetapi program kolam renang dialihkan di negeri Sarawak disebabkan Selangor dikendali oleh Pakatan Rakyat. Sebelum ini pasukan basikal kita merupakan pasukan basikal yang baik, malahan kita melahirkan atlet yang baik seperti Mohd Rizal Tisin sama *level* nya dengan atau lebih kurang tarafnya dengan Azizul Hasni Awang. Tapi pada waktu itu program pembangunan basikal dialih di negeri Terengganu Darul Iman walaupun mereka ada Anuar Manan dan juga Azizul Hasni Awang The Roket, Roket Man. Saya tiada masalah, kita buat sendiri apa yang kita ada tapi bila kita buat program bertemu dengan EXCO-EXCO sukan, baru-baru ini ada pertemuan dengan EXCO-EXCO sukan, EXCO sukan daripada negeri Selangor tidak dijemput oleh menteri. Tapi bila kita sebut kita lawan cepat-cepat naik malahan saya dapat makluman Majlis Sukan Negeri Selangor juga turut dihubungi oleh pihak Polis Diraja Malaysia. Tak kan lah saya nak bawa atlet-atlet itu pakai baju hitam pergi Sogo, bukan itu kerja saya. Kita nak tumpu program pembangunan sukan, jadi saya berharap jangan terlalu sensitif, kita tahu di antara *limitacy* dan halangan dan kekangan *insya-Allah* saya percaya kita tak akan terhanyut dengan slogan-slogan ini dan *insya-Allah*.

Saya nak ceritalah masa kita guna Selangor Gemilang Terbilang tu, tiba-tiba kita dapat nombor dua, tapi pada tahun 2013 bila Yang Berhormat Sijangkang jadi EXCO dia cadangkan tema pasukan SUKMA Negeri Selangor waktu itu ialah Kali Inilah, terbalik daripada Ini Kalilah, kita jadi juara. Jadi kali ini, kalau kita cakap kita lawan apa semua, tapi saya sedia bincang dan tiada masalah sebab masa masih panjang dan kita ikut kesesuaianlah. Kitapun tahu dan saya tak naklah .... atau pun menarik persoalan atlet ini terlalu jauh dalam bidang politik yang terlalu penuh atau pun *hundred percent* politik. Terima kasih Speaker, itu saja daripada saya. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Setia.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya ingin menggulung tentang beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat di sepanjang perbahasan menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Baginda ada menyebut bahawa Kerajaan Negeri Selangor perlumelabur dalam sektor pendidikan, latihan dan dengan izin *research and development* bagi menghadapi cabaran masa depan. Sebagaimana kita sedia maklum Kerajaan Negeri melulusi belanjawan 2015 yang telah dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar telah memperuntukkan sebanyak RM2 juta di dalam dana khas biasiswa, Selangor Ku sebanyak RM10 juta dan Tabung Sara Diri RM12 juta untuk

anak-anak Selangor di KUIZ dan UNISEL. Pada masa yang sama KUIZ juga menerima RM2 juta untuk program tahniz dan qiraat. Selain itu sebuah Jawatankuasa Penambahbaikan Universiti Selangor telah ditubuhkan dengan dianggotai pakar-pakar pendidikan bagi meneliti isu-isu yang dihadapi oleh UNISEL secara lebih khusus dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah UNISEL. Terma rujukan oleh Jawatankuasa Penambahbaikan ini adalah:

- i) Membuat penilaian prestasi pegawai-pegawai utama UNISEL;
- ii) Membuat penilaian program-program akademi UNISEL;
- iii) Membuat penilaian penyelidikan yang dijalankan oleh UNISEL;
- iv) Melihat strategi korporat pengurusan kewangan dan *government* UNISEL dan terakhir mengkaji kemudahan prasarana yang disediakan oleh UNISEL.

Keanggotaan Jawatankuasa Penambahbaikan ini adalah pertama:

- i) Dr. Shahril Mohd Zain, Fellow Penyelidik Kanan Institut Pengurusan dan Pemantauan Penyelidikan Universiti Malaya yang juga merupakan fellow Akademi Sains Malaysia dan bekas PMC UKM;
- ii) Prof. Dato' Ir. Dr. Hassan Basri, profesor kejuruteraan alam sekitar yang juga merupakan bekas PMC Hal Ehwal Akademi dan Antarabangsa Universiti Kebangsaan Malaysia;
- iii) Prof. Dato' Jamil Osman bekas Rektor Kolej Universiti Insaniah dan juga bekas Timbalan Rektor Akademi UIA;
- iv) Prof. Dato' Anwar Zaini Mohd Zain, Ketua Fakulti Jeffry Child School of Makson Universiti of Monach Malaysia Campus yang juga merupakan bekas Naib Canselor Universiti Malaya dan kelima
- v) Dato' Dr. Thor King Woon Ahli Panel Penasihat Institut Rakyat Fellow Penyelidikan Kanan Penang Institut, bekas EXCO Pendidikan Pulau Pinang dan Bekas Pensyarah UKM.

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya pergi secara *detail* kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh ahli-ahli dewan sepanjang perbahasan, saya ingin membetulkan jawapan saya kepada soalan mulut no. 21 dari Kuala Kubu Bharu. Sebenarnya jumlah peruntukan bantuan sekolah tahun 2014 untuk sebanyak RM58,000.00 adalah untuk DUN Kuala Kubu sahaja tetapi Yang Berhormat Kuala

Kubu bertanya tentang Parlimen Hulu Selangor secara keseluruhan dan jumlahnya ialah RM230,000.00. Batang Kali.....

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kuala Kubu minta, sila.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya, Y.B. EXCO saya rasa angka RM58,000.00 untuk Kuala Kubu Baharu itu juga salah. Kerajaan Selangor memperuntukkan lebih daripada itu kalau tak silap saya. Jadi sebab ini menarik perhatian media dan hari ini dua surat khabar dalam bahasa Cina sudah mengeluarkan apa yang dijawab oleh Y.B. EXCO, jadi ini adalah penting dan saya mengucap terima kasih, tapi angka ini masih lagi salah sebab saya tahu dekat DUN saya ada lima SJKC dan salah sebuah sudah dapat RM50,000.00, yang dua, yang lain tu semua lebih daripada RM10,000.00. Ok, terima kasih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Ini angka yang saya terima daripada pegawai dan saya akan semak dan sekiranya ada kesilapan saya akan bagi secara bertulis kepada Kuala Kubu Baharu. Batang Kali bertanyakan bantuan untuk hadiah pelajar masuk IPT atau pun HPIPT di kawasannya. Antara 2008 sehingga Disember 2014 kita telah menerima 639 permohonan dan 553 ataupun 86.5 peratus diluluskan. 86 lagi permohonan tidak diluluskan kerana tidak memenuhi syarat. Bagi tempoh yang sama 27,747 pelajar menerima HPIPT di seluruh negeri Selangor. Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah menaikkan kelayakan pendapatan keluarga untuk memohon HPIPT dari RM1,500.00 kepada RM3,000.00 pada tahun 2013 agar lebih ramai keluarga yang dilanda kenaikan kos sara hidup mendapat manfaat daripada dasar ini.

Yang Berhormat Batang Kali turut bertanya tentang TUNAS. Syarat pendaftaran bagi Skim TUNAS bagi pemilik Tadika di Selangor adalah semua Tadika sama ada di bawah kerajaan, swasta dan NGO yang berdaftar di bawah Majlis Permuafakatan Tadika Selangor (MPTS), telah tadika tersebut telah beroperasi selama tiga (3) tahun atau lebih serta mempunyai pelajar berumur 5 dan 6 tahun. Ketiga, tadika perlu melengkapkan borang pendaftaran tadika berserta dokumen lampiran iaitu salinan Sijil Pendaftaran Tadika dan salinan muka hadapan akaun atas nama tadika. Untuk makluman Batang Kali ada tadika di bawah Kerajaan Persekutuan yang mengetepikan sentimen politik dan berdaftar di bawah MPTS dan secara tidak langsung pelajar-pelajar mereka menerima manfaat daripada Skim TUNAS. Malangnya ada juga tadika-tadika yang berada di bawah Kerajaan Persekutuan yang tidak mengambil pendekatan sedemikian dan kesannya anak-anak yang ke tadika tersebut tidak boleh mendapat manfaat Skim TUNAS. Syarat kelayakan ibu bapa dan anak pula adalah, ibu dan atau bapa atau anak lahir atau menetap bermastautin di negeri Selangor lebih daripada lima (5) tahun. Ibu atau bapabekerja atau tidak bekerja, ibu atau bapa tunggal pendapatan seisi rumah RM2,500.00 ke

bawah, menghantar anak yang berumur lima (5) atau enam (6) tahun ke pra sekolah atau pun tadika di Selangor yang bernaung di bawah MPTS, pemohon perlu lengkapkan borang permohonan Skim TUNAS melalui Tadika Berdaftar MPTS, Rangkaian Mesra, Pusat Khidmat Masyarakat yang berdekatan ataupun secara *online* di e-tunas.org. Lampirkan salinan kad pengenalan ibu dan bapa, sijil lahir anak, slip gaji, pengesahan pendapatan, sijil kematian ataupun cerai jika berkaitan. Akuan bermastautin oleh JKK bagi yang bukan lahir di negeri Selangor.

Jumlah tadika berdaftar mengikut kategori bagi DUN Batang Kali dan Daerah Hulu Selangor adalah, pertama Tadika Swasta di DUN Batang Kali – 29, di daerah Hulu Selangor juga 29, Pra Sekolah JAIS di DUN Batang Kali – 2, di daerah Hulu Selangor ada 3 keseluruhannya. Di bawah kategori perpaduan yang merupakan sebuah agensi Kerajaan Pusat ada 10 di DUN Batang Kali dan 12 di seluruh daerah Hulu Selangor.

Jumlah penerima yang telah Berjaya sejak 2012 hingga 2015 di DUN Batang Kali dan daerah Hulu Selangor adalah di DUN Batang Kali – 54 sama dengan daerah Hulu Selangor tahun 2012, 2013 - 38 di DUN Batang Kali dan di daerah Hulu Selangor juga jumlah yang sama, 2014 - 285 di DUN Batang Kali dan 308 di daerah Hulu Selangor, dan 2015 – 370 di DUN Batang Kali dan 415 di daerah Hulu Selangor. Jumlah yang diterima pada tahun 2014 bagi DUN Batang Kali ialah sebanyak RM121,980.00 dan bagi daerah Hulu Selangor RM128,770.00.

Hulu Kelang ada membangkitkan soal pengiktirafan masyarakat Punjabi Sikh dengan pemberian cuti bagi Hari Vasaki, cuma tentang hal yang sedikit berlainan saya ada mengadakan pertemuan dengan *Punjabi Education Trust* di bawah klausa dewan dan mulai ini kita akan berikan geran sebanyak RM50,000.00 untuk Punjabi Education Trask bagi pengajaran kelas-kelas Bahasa Punjabi bagi SPM. Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian Kinrara pula seperti biasa membangkitkan isu pengiktirafan Sijil United Examination And ... UEC atau TONGKAU dengan izin. Sebelum ini Ketua Menteri Sarawak juga memaklumkan Kerajaan Negeri Sarawak meminta Kerajaan Persekutuan mahu Sijil UEC diiktiraf. Saya fikir kita tidak ada masalah untuk sekarang kita untuk berbincang dengan UNISEL untuk melihat bagaimana keadaan kaedah mengiktiraf UEC sebagai salah satu langkah kemasukan ke IPT tersebut. Sungai Panjang turut membangkitkan isu pendidikan dan beliau juga pernah berforum dengan saya di UNISEL tahun lepas malangnya beliau terkeliru antara KUIS dan UNISEL. Yang kita bagi RM60 juta itu ialah UNISEL, bukan KUIS. Jadi KUIS juga sebenarnya mencatatkan trend yang positif dalam kebolehpasaran graduan. Kalau kita lihat angka terkini *tress study* Kementerian Pendidikan akan antara 2010 yang mana 26.4% menganggur pada tahun 2010 hingga 2014. Sekarang telah turun ke 17.2% menganggur, untuk makluman juga hasil kajian *tress study* Kementerian Pendidikan bagi mahasiswa UNISEL yang terbaru sebanyak 82% mendapat pekerjaan selepas 6 bulan dan 16% menyambung pengajian. Lantas meletakkan kadar keseluruhan sama ada yang

bekerja atau menyambung belajar sebanyak 98%. Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor ataupun PPAS mempunyai 96 perpustakaan di seluruh Negeri Selangor iaitu satu perpustakaan itu ibu pejabat, 7 buah perpustakaan daerah, 6 perpustakaan cawangan, 8 perpustakaan pekan, 55 buah perpustakaan Desa Negeri dan 16 perpustakaan desa. Dan juga 3 unit perpustakaan bergerak yang menjalankan perkhidmatan ke 72 perhentian di luar Bandar di Seluruh Negeri Selangor. Mengikut pecahan perpustakaan Daerah Sabak Bernam mempunyai bilangan perpustakaan yang tertinggi melibatkan 26 perpustakaan, diikuti Daerah Kuala Selangor 14 perpustakaan. Perpustakaan di bawah PPAS memulakan konsep penjenamaan semula ataupun *rebranding* dengan izin. Pada tahun 2009 yang mana salah satu di antara 3 elemen yang terlibat ialah pembangunan infrastruktur perpustakaan. Melaluinya perpustakaan berusaha memberikan penekanan membaik pulih infrastruktur di samping juga dilengkapkan dengan perabut yang selesa, ruang solat, perkakasan IT, WiFi percuma, dekorasi dalam yang cantik dan ceria berkonsept Rumah Keduaku. Perpustakaan menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan membaik pulih kerosakan infrastruktur perpustakaan melalui bajet pengurusan bagi pemberian berskala kecil dan bajet pembangunan bagi kerja-kerja berskala besar. Pada tahun 2015 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM350,000.00 untuk peruntukan pembangunan perpustakaan desa dan baik pulih dan pemberian bangunan sebanyak RM370,000.00. Perpustakaan telah mengeluarkan tawaran bagi kerja-kerja pemulihan bangunan berskala besar yang melibatkan pertama Perpustakaan Desa Parit Baru Daerah Sabak Bernam, kedua Perpustakaan Desa Parit Mahang, Kuala Selangor, ketiga Perpustakaan Desa Jenjarum, Kuala Langat dan keempat Perpustakaan Desa Kuang, Daerah Petaling. Perpustakaan juga sentiasa memastikan pengguna perpustakaan selesa terutamanya dari sudut keselesaan dalaman. Justeru itu 44 unit Pendingin Hawa 2 Kuasa Kuda ataupun *Inverter* telah siap dipasang di Perpustakaan Daerah Gombak dan 48 unit Pendingin Hawa 2 Kuasa Kuda atau *Inverter* sedang dipasang di Perpustakaan Daerah Sungai Besar, Sabak Bernam. Perpustakaan juga dari masa kesemasa membuat kerja-kerja pemberian segera kerosakan prasarana dan infrastruktur yang diterima melalui aduan dan lawatan yang dijalankan. Pada tahun ini sahaja, pada tahun lepas sahaja sehingga Oktober 2014 sebanyak 104 kerja-kerja pemberian telah dilakukan dengan kos RM240,767.00. Kita juga sebagaimana yang telah dimaklumkan kita telah laksanakan *rebranding* di perpustakaan-perpustakaan di seluruh Negeri Selangor melibatkan 11 buah perpustakaan yang terdiri antaranya 3 daripada cawangan dan 6 perpustakaan desa. Di bawah DUN Sungai Panjang terdapat 5 buah perpustakaan desa iaitu Perpustakaan Desa Pasir Panjang, kedua Perpustakaan Desa Parit 8 Sungai Panjang dan ketiga Perpustakaan Desa Parit 14, Sungai Panjang, keempat Perpustakaan Desa Bagan Terap dan ketiga Perpustakaan Desa Binjai Jaya.

Bagi perpustakaan yang memerlukan penyelenggaraan dan pemberian struktur bangunan masih keadaan baik, pihak PPAS akan memohon peruntukan di bawah

**RMK11.** Manakala bagi bangunan lama struktur kayu PPAS sedang dalam proses mendapatkan tapak yang sesuai bagi tujuan pembinaan semula kerana terdapat isu bagi status tanah.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Minta penjelasan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Ya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO sebahagian daripada perpustakaan desa tidak dikawal selia terus pentadbirannya melalui PPAS tetapi sebaliknya dari Perpustakaan Negara. Adakah polisi yang berbeza dalam menangani perpustakaan desa contohnya di Hulu Kelang, di Kampung Kemensah satu. Jadi seolah-olah pengurusannya bebas tanpa pengendalian daripada PPAS. Tolong jelaskan.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Yang ini kita akan semak sebab memang ada perpustakaan yang berada di dalam bidang kuasa kita sepenuhnya dan ada yang kita buat secara bersama dengan Perpustakaan Negara dan memang ada masalah dari sudut peruntukan yang kita terima dan sebab itu banyak proses-proses penjenamaan yang dibuat oleh PPAS selama ini banyak memerlukan sokongan daripada anak-anak syarikat Kerajaan Negeri dan bukan daripada peruntukan kerajaan ataupun Kerajaan Persekutuan semata-mata. Saya menyambung semula bagi bangunan lama struktur kayu PPAS sedang dalam proses mendapatkan tapak yang sesuai bagi tujuan pembinaan semula kerana terdapat isu bagi status tanah dan menghalang proses pembaikan dilakukan. PPAS telah berbincang dan memohon kepada pihak Pejabat Tanah bagi tujuan tersebut. Namun begitu sebagaimana yang telah disebutkan sebagai organisasi tidak, yang berorientasikan perkhidmatan dan bukan menjana sebarang pendapatan dan keuntungan daripada perkhidmatan yang disediakan perpustakaan amat mengharapkan sokongan dan bantuan daripada segala pihak. Teratai ada membangkitkan tentang yuran IPT yang menerima kesan daripada GST. Sememangnya ada rungutan daripada mahasiswa mesti pun ada dinyatakan oleh Kerajaan Pusat bahawa perkhidmatan dan pendidikan dikecualikan daripada GST. Namun sebagaimana yang kita semua sedia maklum apabila ada diperkenalkan GST. Sektor-sektor yang kononnya dikecualikan atau menerima *zero rated* GST juga akan menerima kesan daripada dikenakan GST secara keseluruhan kepada ekonomi apatah lagi dalam situasi hari ini di mana bukan sahaja GST diperkenalkan tetapi juga PTPTN juga dikurangkan untuk IPTA dan IPTS di UNISEL, yuran pengajian, yuran semester dan yuran asrama bebas GST. Kita akan memantau kos pengajian di IPTA-IPTA Kerajaan Negeri terkawal pada tahun ini. Yang Berhormat Tuan Speaker saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan penghargaan kepada Yang Berhormat Sri Serdang yang sering prihatin tentang isu pendidikan. Tentang cadangan mengujudkan subjek pendidikan hindu untuk SJKT bagi menangani masalah gengsterisme itu bagi saya satu cadangan yang menarik. Saya

juga yakin penganut-penganut agama lain juga berminat agar agama mereka dapat diajar kepada anak-anak mereka. Pun begitu bagi saya langkah mungkin lebih realistik dan dekat yang boleh diambil adalah dengan mereformasikan mata pelajaran pendidikan moral yang terlalu menekankan penghafalan nilai-nilai murni dan bukannya pemahaman, penilaian dan penghayatannya. Tentang isu naik taraf KUIS ke Universiti penuh perkara ini sememangnya sedang diusahakan oleh kepimpinan KUIS dengan kerjasama penuh Kerajaan Negeri dan kerana kita mahu melihat KUIS untuk menjadi satu pusat kecemerlangan dalam pendidikan agama dan akademik yang berinovasi. Namun kita tidak akan sekali-kali mengorbankan kualiti KUIS dalam usaha kita untuk mencapai tahap tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Mohon penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Telah habis.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Sebelum ini baru.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dah habis ke, nak tambah lagi. Dah habis ke.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Boleh.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Dengkil boleh.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil tak apa.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Yang Berhormat saya ingin mintak penjelasan Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan UNISEL yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai kadar bekerja atau pun graduan-graduan berkualiti. Saya dapat maklumat daripada Kementerian Pengajian Tinggi yang mengatakan kadar bekerja graduan IPTS untuk UNISEL ini berada di dalam ranking yang ke-15 iaitu yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tunjuk 80% tetapi sebenarnya 73%

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker , Dengkil tidak bahas macam mana.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya soalannya, soalannya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** EXCO dah benarkan tadi, apalah Sekinchan ini, kacau, saya nak minta penjelasan sekarang ini UNISEL berada di ranking yang ke 15 dalam GE yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Yang nombor satu MSU, nombor dua WOU lepas itu ada nilai universiti.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil, soalan, soalannya.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Soalannya ialah saya nak dua-duanya saya nak, KUIS saya nak adil, KUIS pula berada didalam ranking yang kedua itu bagus dan tahniah saya ucapkan. Tetapi UNISEL ini berada di dalam ranking yang ke 15 dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Yang Berhormat EXCO dan juga Jawatankuasa STANDCO Pendidikan? Adakah nak menggunakan tema kita lawan untuk *improve the ranking* dengan izin, terima kasih.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Ini, saya ingat untuk berbahas Yang Berhormat Dengkil tetapi saya boleh jawab sedikit mungkin tema dia kita sama-sama lawanlah jadi yang bagi saya sebab itu kita bukan mengatakan universiti kita sudah sempurna tetapi nak saya katakan ialah statistik telah menyebut ada peningkatan yang baik dan sebab itu kita menyedari kelemahan-kelemahan yang ada di UNISEL. Kita telah buat Jawatankuasa Penambahbaikan antara lain ialah untuk memastikan kualiti itu dapat ditingkatkan, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker, terima kasih diucapkan kepada YB-YB yang telah menyentuh isu-isu yang berkenaan kepada warga Selangor yang kurang mampu dan seterusnya isu-isu berada di bawah seliaan STANDCO saya. Tuan Timbalan Speaker menyentuh perbahasan daripada Yang Berhormat Kajang, Yang Berhormat Batu Tiga, juga Yang Berhormat Hulu Kelang, rata-rata telah menyarankan pembaharuan dan atau perlunya perancangan yang khusus agar semua lapisan masyarakat yang kurang mampu mendapat manfaat secara menyeluruh dan program yang bercirikan untuk keluarkan mereka yang kurang mampu ini dari belenggu kemiskinan. Perlu dirancang secara holistik agar bantuan bermusim tidak diberi dan benar-benar beri bantuan yang dapat mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan. Tuan Timbalan Speaker seperti yang sedia maklum Kerajaan Selangor amat komited dalam membela nasib warga yang kurang mampu. Program teras yang kini di bawah Polio Kemiskinan ialah bantuan berupa baucar perayaan dan jom balik ke sekolah. Di mana program yang lebih merupakan bantuan bermusim namun kita adakah program yang lebih holistik di mana bantuan *blue print* membasmi kemiskinan di mana bantuan peralatan perniagaan diberi kepada peniaga-peniaga yang kurang mampu untuk memajukan perniagaan mereka. Program tajaan teknikal iaitu anak-anak muda kita yang tidak dapat melanjutkan pelajaran di universiti kerana markah yang kurang dalam SPM. Kita juga memberi peluang kepada anak-anak muda kita mendapat pelajaran di Kolej INSPENS dengan tajaan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor supaya mereka dapat mengguna, memajukan diri mereka dengan pendidikan yang mereka perolehi. Dalam pada itu, STANDCO Kerajaan Prihatin juga membantu keluarga yang kurang mampu bagi membaiki ataupun membina semula rumah yang daif bagi yang berkelayakan. Tuan Timbalan Speaker, selain program di bawah STANDCO Kemiskinan dan juga Kerajaan Prihatin, program-program Kerajaan Negeri iaitu merakyatkan ekonomi Negeri

Selangor, telah membawa banyak perubahan dalam kehidupan harian kepada mereka yang telah menerima bantuan-bantuan ini dalam mengharungi kos kehidupan yang kian meningkat. Program Hijrah, juga adalah suatu inisiatif terbaru oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, untuk membantu golongan yang kurang mampu dan ingin keluar dari belenggu kemiskinan, di mana Program Hijrah ini telah diterangkan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Sementa.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik, minta. Sila.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya dapati ramai masyarakat India yang miskin. Bila mereka pergi ke Jabatan Kebajikan dan tak ada bantuan, ke mana mereka nak mengadu.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih, kepada Kota Anggerik, yang begitu prihatin setiap kali isu berkenaan tentang melibatkan kaum India. Memang sebenarnya pada masa kini, tiada hala tuju kepada golongan, masyarakat kaum India. Yang selain daripada, kalau kita bandingkan dengan kaum Melayu atau Islam, yang mana mereka ada zakat, untuk minta bantuan. Kini kebanyakan mereka, apa yang kita nampak, mereka berbaris di Pejabat-pejabat Perkhidmatan DUN, Pejabat DUN, untuk mendapatkan bantuan yang sekadar untuk sementara. Memang kita ada rancangan sebelum ini iaitu bantuan melalui Wanita Ladang, untuk membantu segelintir masyarakat supaya mereka dapat mendapat bantuan Mikro Kredit. Namun kini dengan Hijrah, program Hijrah, saya percaya dengan penyatuan antara MIMBAR, SkimSel dan Program WALA, akan membawa manfaat secara menyeluruh tanpa mengira kaum dan etnik. Itu saja untuk tadi. Kembali kepada...

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Alam Shah, Kampung Tunku minta.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya tentang perkara berkaitan dengan Kerajaan Prihatin, iaitu salah satu Portfolio yang diwujudkan oleh Kerajaan sejak zaman Barisan Nasional untuk menjaga rakyat termiskin. Dan saya pernah tegur bahawa portfolio ini sebenarnya mempunyai pertindihan yang besar dengan Portfolio Kebajikan. Dan saya kira ia adalah sesuatu ketidakcekapan yang perlu ditangani dengan segera, supaya pertindihan ini dapat di serasikan. Dan supaya rakyat yang mendapat bantuan daripada Kerajaan, dia boleh diuruskan dalam cara yang lebih teratur dan bukannya melibatkan dua tiga orang EXCO dan sebagainya. Apakah pendapat dan juga pandangan ataupun cadangan yang akan dilakukan terhadap pendapat saya ini.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Kampung Tunku. Sebenarnya saranan begitu memang telah dibawa sebelum mantan Menteri Besar, isu ini pernah dibawa pada 2014 dan juga untuk sementara, saya rasa kita sedang, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sedang dalam kajian setiap portfolio yang kini masih kini lagi konflikantara sesuatu. Yang penting di sini, bukan sahaja Kerajaan Prihatin mahupun Kemiskinan juga, kalau kita banding balik, bantuan *Blue Print* Kemiskinan dan juga daripada kebajikan dan juga usahawan tadi, SkimSel. Juga ada pertindihan di situ. Saya percaya, saya biarkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk mengkaji dan juga selaraskan untuk kepada masa yang, *I means*, dengan izin, kini dengan lebih sesuai.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Nampaknya Kerajaan Prihatin dan Portfolio Yang Berhormat EXCO, terdapat banyak program, bantuan baucar, bantuan itu, bantuan ini dan sebagainya. Bagaimanakah dengan adanya GST ini, adakah baucar RM100.00 akan dinaikkan kepada RM106.00.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Hulu Kelang. Memang kita sedar, bantuan RM100.00 ini dengan GST yang akan datang. Tapi dalam pada itu, bajet kita, kita perlu bekerja dengan bajet. So, apa yang telah diluluskan pada 2014 untuk 2015, kitakekalkan RM100.00 lagi. Untuk 2016, biar kita berbincang dengan UPEN, dengan Dato' PWN, ada di sini, biar kita berbincang balik. Kembali kepada STANDCO Kerajaan Prihatin, sebenarnya kita tidak boleh nyatakan ia bertindih sebenarnya. Sebab Kerajaan Prihatin di bawah Portfolio Kerajaan Prihatin. Dia ada khusus, bantuan yang khusus, dia membina atau membaiki rumah-rumah yang daif kepada keluarga yang benar-benar miskin. Kalau bantuan dengan Kebajikan, Kebajikan adalah bantuan yang berupa yang lain. So, walaupun nampak sama, tapi sebenarnya ada perbezaan di situ. Kembali kepada penggulungan saya, Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Taman Medan telah menyuarakan isu-isu tentang kuil-kuil haram. Saya lebih suka guna kuil-kuil yang tanpa kebenaran. Seperti Sekinchan tadi kata, kalau kilang haram pun dia tak nak dengar, biar saya tak mahu dengar kuil haram. Biar kita panggil dengan nama kuil-kuil tanpa kebenaran. Memang saya sedar, khususnya di kawasan Petaling, terlalu banyak kuil dibina tanpa kawalan dan juga tanpa kebenaran. Kalau kita memang, Taman Medan ada tulis kepada Pejabat saya, kami cuba hubungi, memang ada cuba mengadakan satu perjumpaan pada 27 Mac, kalau tak silap saya, Yang Berhormat Taman Medan tak sempat juga, minta masa yang berbeza, di mana saya tak sempat. Bagaimanapun kita akan adakan satu mesyuarat dalam masa terdekat. Saya percaya Taman Medan refer, dengan izin, refer, lima kuil, yang tanpa kebenaran.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Sebenarnya bilangannya sudah bertambah jadi sepuluh. Beranak-anak.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih untuk *info* yang terbaru. Tapi yang saya masih ingat lagi, lima kuil yang tanpa kebenaran. Dalam kaji selidik saya sendiri, saya memang dapatku iku itu tak patut wujud di situ. Itu memang di akui. Tapi bagaimanapun, perlu disedar, perlu sedar, kita sudah ada, Kerajaan Negeri telah luluskan garis panduan, tatacara penguatkuasaan atas Rumah Ibadat Selain Islam dan juga tempat sembahyang untuk membuat penguatkuasaan. Memang tahun lalu kita telah luluskan dari MMKN. Kes-kes begini yang kuil baru bina ataupun kuil yang tidak boleh dibenarkan ataupun kuil yang tidak boleh dapat diluluskan, adalah tanggungjawab untuk PBT mahupun, ataupun Pejabat Tanah untuk membawa kes-kes ini kepada Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya difahamkan, satu laporan telah pun dikemukakan kepada pejabat EXCO. Bukan tahun ini, dua tahun yang lepas. Jadi perkara itu ditangguhkan tindakan disebabkan berlakunya Pilihan raya Umum pada ketika itu.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Taman Medan perlu sedar, saya kalau dua tahun yang lepas, saya tidak ada maklumat berkenaan isu tersebut, tapi namun kita ada Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam. Kita hampir mengadakan setiap bulan kini. Kita ada kekerapan itu, sudah boleh kata sangat bagus. Pejabat Tanah ataupun PBT, membawa setiap kali, di mana tempat-tempat rumah ibadat yang patut mengambil penguatkuasaan. Memang kita kalau lepas dikaji dengan semua Jabatan-jabatan teknikal dan juga seliaan, dipengerusikan bersama daripada Dato', Yang Berhormat Sungai Pinang, dan juga saya sendiri dan juga Yang Berhormat Elizabeth Wong. Bersama. Kita sebenarnya, bukan kita menghalang, kita bukan membantah secara membuta tuli, ya semua kalau kita ada, perlu penguatkuasaan, kita luluskan di situ. Perlu ada penguatkuasaan. Namun, mengikut garis panduan yang sedia ada, lepas kelulusan daripada, keputusan daripada Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam, perlu dibawa ke MMKN untuk mendapat kelulusan. Di MMKN pun, sekiranya sudah dapat kelulusan daripada SC, iaitu Hal Ehwal Selain Islam, jawatankuasa, memang kita akan luluskan untuk penguatkuasaan. Ada beberapa kes yang telah diluluskan untuk penguatkuasaan di Kajang dan juga di Sepang. Kerajaan Negeri memang bersedia, sudah bersedia untuk membuat penguatkuasaan ke atas tapak rumah ibadat ini yang tidak boleh dipertimbangkan lagi. Namun saya percaya, sebab itulah saya pohon agar, dan juga saranan daripada Yang Berhormat Bukit Gasing, supaya pewujudan Hindu *Endowment Board*, Lembaga Hindu Selangor, sangat penting. Supaya kita boleh melantik pegawai-pegawai khusus dalam penguatkuasaan ke atas rumah-rumah ibadat bukan Islam ini. Khususnya kuil. Maklumlah, kita semua sedar pada 2007, atas penguatkuasaan terhadap satu kuil tanpa kawalan yang membawa pembaharuan Kerajaan di Selangor. Kita semua sedia maklum. Tapi namun begitu, ada pihak

mengambil kesempatan dalam membina kuil-kuil secara tanpa kebenaran yang baru-baru ini memang berlaku di kawasan Taman Medan. Kita dapat yang baru dibina adalah di atas, di *car parking*. Dengan izin. Memang kita akui. Kes-kes sebegini, PBT boleh ambil tindakan secara secepat. Tapi apa yang kita nampak adalah, lepas mereka tunggu dan lihat, selepas semua telah pun hampir siap, baru PBT membawa kes.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya ingin mencadangkan, bukan sahaja garis panduan pembinaan rumah ibadat bukan Islam ini, diberi kepada PBT ataupun Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah, tapi juga dimaklumkan dan disebar luaskan kepada semua kuil-kuil yang ada penganut-penganut agama yang lain bahawa ini garis panduan yang baru. Sebab ini satu isu yang sensitif, seperti mana yang dibangkitkan Yang Berhormat EXCO, setelah berlaku perobohan, jadi apa tu, ada satu isu besarlah. Sehingga berubahnya Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya rasa itu mungkin halangan bagi Pihak Berkuasa Tempatan untuk bertindak sebab kuasa itu tidak diberi sepenuh kepada mereka, perlu melalui *RIBI* dan seterusnya MMKN, untuk membuat keputusan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Yang Berhormat Taman Templer. Memang disedari hal ini, oh, Taman Templer pula, Taman Medan. Memang disedari hal ini, baru-baru ini pada 29 Mac yang lalu di Dewan Jubli Perak, kita telah mengadakan Konvensyen Kuil-kuil Hindu Selangor. Memang mendapat sambutan yang begitu hangat. Memang kita telah memanggil semua Y.B.-Y.B. di kalangan kaum India, seluruh daripada Selangor, dan juga, bukan juga semua daripada Pakatan Rakyat telah dipanggil dan juga telah diberitahu akan tentang garis panduan dan juga kesusahan kesukaran yang kita alami dalam mengekalkan ataupun membiarkan kuil-kuil yang tanpa kawalan ini. Memang telah diberitahu. Dalam pada itu juga kes yang terbaru, saya percaya Yang Berhormat Damansara Utama masih lagi ingat. Kita telah membawa Persatuan Hindu Sanggam daripada ahli mereka, di Jalan Harapan, ia satu kuil yang memang yang tidak dapat diluluskan. Perlu dibuat, penguatkuasaan perlu dilakukan agar membenarkan jalan dibina. Sebab kita sudah pun bagi kelulusan kepada kuil yang sedia ada. Memang sekarang, bantuan daripada NGO-NGO luar, khususnya daripada Hindu Sanggam dan juga beberapa pihak. Dan juga daripada pihak kuil-kuil, kita telah menarik minat mereka. Mereka memang ada, kalau banding dengan sebelum ini, sekarang kita dapat sokongan daripada mereka. Mereka sedar, kebanyakannya kuil memang sedar. Namun seperti yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing, saya percaya perlu kes ini akan dibincangkan, Bukit Gasing telah menyarankan agar Kerajaan Negeri memberi pertimbangan untuk membawa Usul penubuhan Hindu *Endowment Board*, Lembaga Hindu Selangor, sekiranya undang-undang yang sedia ada tidak membenarkan kerajaan negeri untuk menu buhkannya. Adalah hasrat kerajaan negeri untuk membela dan menjaga hak-hak dan kepentingan semua agama mengikut perlombagaan. Dalam pada itu, saranan Bukit Gasing akan dibincangkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang akan datang. Agar

saranan beliau dapat dibincangkan secara lebih dalam sebelum membuat keputusan. Dalam pada itu, segala isu-isu yang kuil dan juga penubuhan ini, saya tertarik dengan titah dan pesanan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku bahawa meskipun rakyat Selangor berlainan agama, bangsa dan budaya namun semuanya adalah manusia yang memiliki kemuliaan sebagai insan. Tuanku juga titah bahawa baginda adalah sebagai payung menaungi seluruh rakyat Selangor dan memastikan tidak ada mana-mana kaum yang di diskriminasi atau di pinggir. Terima kasih tuan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Boleh saya tanya soalan kepada EXCO sebelum dia duduk. Ijok. Boleh?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dah duduk dah.. Boleh. Boleh.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih, Ijok ingin tanyalah sebagai kerajaan yang prihatin tentang pendidikan orang masyarakat yang kurang, yang kelas rendah saya nak tahu status Sekolah Tamil di Desa *Coalfield* itu dah tiga tahun dah.. Saya nak tahulah status sekarang?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tidak dibincangkan tidak dibahaskan namun Yang Berhormat Ijok telah menanyakan soalan yang sama pada sidang yang lalu dan saya telah berjanji akan membawa perkara ini dan juga saya tidak ada apa-apa dokumen dengan saya sekarang pada masa kini. Walau bagaimanapun, apa yang saya ketahui adalah sudah ada tender-tender yang telah dimasukkan dan pihak UPEN Sektoralsedang menyediakan *paper*, kertas untuk membawa kepada Mesyuarat MTES dalam masa yang terdekat untuk memutuskan siapa syarikat yang akan melaksanakan projek tersebut. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Auzubillahhimashaitonirrajim. Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Hiwabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Timbalan Speaker, saya mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membahaskan titah ucapan-titah ucapan Duli Yang Maha Mulia yang menyentuh berkaitan dengan *portfolio-portfolio* di bawah amanah yang diberikan kepada saya dan bertanyakan beberapa persoalan-persoalan yang dibangkitkan. Daripada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku, saya kira antara yang di sebutkan adalah berkaitan dengan *Maqasid Syariah* yang mana disebutkan oleh kebanyakan daripada ADUN Yang Berhormat-Yang Berhormat hatta Yang Berhormat daripada Seri Andalas juga menyebutkan tentang berkaitan mengamalkan *Maqasid Syariah* tetapi saya mengambil keputusan di sini saya tidak memberikan penerangan yang panjang kerana saya kira masa juga kita agak kesuntukan. Cuma saya ingin terus kepada beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat termasuklah Yang Berhormat

daripada Sabak Bernam, daripada Paya Jaras, daripada Kota Anggerik, Seri Serdang dan beberapa lagi kawasan-kawasan yang menyebutkan. Satu berkaitan dengan urusan pentadbiran masjid bagi memastikan anak kariah turut juga terlibat di dalam pembangunan aktiviti masjid yang diutarakan oleh Adun Sabak, ADUN-ADUN Sabak. Pada masa ini, di negeri Selangor mempunyai 410 buah masjid sama ada masjid daerah, masjid diraja ataupun masjid kariah serta 217 buah surau kebenaran mengadakan solat Jumaat dan 1,916 surau-surau dan buat masa ini hanya sekadar 17 buah masjid yang di urus tadbir melalui pelantikan pengurus ataupun penolong pengurus yang dilantik melalui skim jawatan tetap ataupun kontrak di bawah Majlis Agama Islam di negeri Selangor. Yang selainnya masih lagi diurus dengan penglibatan penuh daripada anak-anak kariah yang mana kita melihat bahawa kesatuan komitmen dan kesungguhan anak kariah memang sangat-sangat dituntut di dalam membangunkan aktiviti dan pengimaranan masjid. Walau bagaimanapun, ada perubahan pengurusan di semua Masjid Daerah dan Diraja bermula tahun Jun 2012 dengan pelantikan pengurus dan penolong pengurus yang dilantik melalui skim jawatan tetap ataupun kontrak yang saya sebutkan tadi ianya masih tidak lagi meminggirkan peranan ataupun fungsi anak kariah di dalam penubuhan Jawatankuasa Pengimaranan masjid yang dilantik oleh anak kariah. Sungguhpun MAIS telah memutuskan untuk melantik Imam sebagai pengurus dan penolong pengurus dengan skim perkhidmatan yang lebih baik namun ia hanya memfokus kepada masjid-masjid baru yang siap dibina ataupun masjid yang menghadapi masalah daripada aspek pengurusan terutamanya pengurusan kewangan dan juga pengurusan pentadbiran di masjid-masjid tersebut. Walaupun berulang kali diberikan nasihat dan peringatan untuk penambah baikkan tetapi masih lagi di dalam keadaan yang sama. Langkah dan keputusan yang dibuat ini adalah juga tidak meminggirkan fungsi dan peranan anak kariah yang tetap akan dilantik di dalam Jawatankuasa Pengimaranan masjid itu. Kemudian, berkaitan dengan pemberian tauliah ia juga dibangkitkan oleh ADUN Sabak.....

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan sekian. Tentang panduan pemilihan adakah ianya pemilihan ataupun pencalonan Ahli Jawatankuasa masjid dan surau ini kita nak sesatu yang jelas.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Mana yang saya katakan tadi ya. Walaupun kita tangguhkan pemilihan ataupun pencalonan Jawatankuasa masjid sehingga tahun hadapan, berani saya katakan lagi prosesnya adalah masih lagi berjalan seperti yang kita lakukan masa ini, cuma masjid-masjid yang bermasalah yang saya sebutkan daripada segi pengurusan pentadbiran, masalah kewangan, ini akan dilakukan secara lantikan imam sebagai pengurus dan juga penolong pengurus dengan skim perkhidmatan yang lebih baik lagi.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Mohon penjelasan sebab ada terdapat jawatankuasa masjid ni dilantik melalui pencalonan daripada surau-surau di bawah kariahnya. Bukan melalui pemilihan oleh ahli kariah di dalam, di bawah

masjid tersebut. So, apa kriteria yang membezakan antara satu masjid yang menggunakan kaedah pencalonan daripada surau-surau dan satu lagi melalui pemilihan oleh ahli kariah sendiri.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya tidak maklum berkaitan dengan pencalonan daripada ahli-ahli surau sebab apa yang menjadi amalan kita adalah pencalonan daripada ahli kariah masjid itu sendiri.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Ada sebuah masjid dalam zon saya yang menggunakan kaedah pencalonan daripada surau-surau di bawahnya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih atas maklumat tersebut Taman Medan. Saya mungkin ini kes-kes yang berbeza yang tersendiri saya akan lihat kepada perkara ini.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Sekali beri penjelasan. Ada, apakah dokumen pekeliling panduan *by law* dengan izin yang digunakan yang dia tidak keliru, kita ada enakmen dan dalam enakmen itu tidak ada peni tilan, cuma saya difahamkan ada *by law* tentang perkara ini. Sama ada kita nak jelas adakah dia merupakan pencalonan ataupun pemilihan yang di *endorse* oleh pihak atasan di dalam JAIS ataupun MAIS.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Untuk maklumat Hulu Kelang, sebenarnya kita ada kaedah-kaedah pelantikan pegawai masjid ataupun jawatankuasa kariah negeri Selangor 1995 dan kaedah-kaedah pegawai masjid dan jawatankuasa kariah negeri Selangor pindaan 1999, kaedah-kaedah pegawai-pegawai masjid dan jawatankuasa kariah negeri Selangor pindaan 2001. Jadi kita boleh merujuk kepada kaedah-kaedah ini. Okey. Saya teruskan. Berkaitan dengan pemberian tauliah, sebagai makluman, jumlah pemegang tauliah daripada tahun 2003 hingga 2014 adalah sejumlah 3,681 dan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor memberi ruang kepada mereka yang berkelulusan agama terutamanya memohon tauliah ini dan permohonan dibuka setiap masa dan temu duga secara telus dan dipermudahkan boleh dibuat mengikut keperluan pemohon dan permintaan daripada Sabak supaya diberikan tauliah secara automatik kepada mereka-mereka yang berkelayakan ataupun berkelulusan agama ini saya kira mungkin satu pendekatan baru tetapi kita melihat bahawa perlunya daripada segi permohonan dan juga temu duga itu satu perkara yang sangat penting supaya akhirnya kita melihat bahawa ketulusan berlaku di situ. Kemudian daripada...

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Penjelasan. Satu perkara yang telah dilakukan oleh kerajaan melalui EXCO Pendidikan pada penggal yang lalu adalah jejak ilmuwan satu proses untuk mengiktiraf memperakui menaikkan taraf dan menunjukkan mesra ilmu pengetahuan kerajaan negeri Selangor. Isu yang saya nak timbulkan saya menyokong penuh cadangan daripada Sabak, tidak bolehkah

kerajaan proaktif, memperakui, mengiktiraf dan menawarkan tauliah daripada mereka yang memohon tauliah. Jadi segi paradigma yang lain, pendekatan yang lain lebih mesra ilmu dan ilmuwan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih di atas pandangan tersebut. Cuma sehingga kini, apa yang menjadi amalan kita supaya proses itu berlaku sebab kita tidak nak tidak mahu dilihat seolah-olah kita tidak mempunyai satu garis panduan yang baik yang dilihat sebagai telus dan kita tidak mahu satu ketika nanti pula dijadikan satu bentuk kepentingan kepada individu tanpa melalui proses-proses ini. Saya terus kepada persoalan yang dibawa oleh Paya Jaras berkaitan dengan Surau At-Takwaniah Paya Jaras berkaitan dengan pengambilan Surau At-Takwaniah yang belum selesai lagi. Jadi, untuk makluman bahawa urusan pengambilalihan tanah ini bukan satu perkara yang mudah. Hari ini kita perlukan kemudian kita terus membuat permohonan kepada Pejabat Daerah tetapi melalui proses-proses yang mana kita kena tentukan lot tanah termasuklah ukuran-ukuran halus tanah dan sebagainya sehingga salah satu proses untuk kita barulah kita bolah memohon dan ini juga bergantung pada kalau memerlukan pengambilan balik tanah tersebut memerlukan peruntukan dan kita perlu peruntukan permohonan kepada pihak UPEN untuk peruntukan tersebut. Jadi ianya bukan satu perkara yang boleh berlaku dalam masa yang pendek sudah tentunya beberapa proses ini perlu harus dipatuhi sebelum kita mengemukakan permohonan kepada Pejabat Tanah Daerah. Anggaran tanah untuk Surau At-Takwaniah ini adalah melibatkan dengan pengambilan sejumlah RM1.9 juta dan setakat ini peruntukan yang ada hanya RM700 ribu sahaja. Justeru itu pihak JAIS telah mengemukakan peruntukan tambahan peruntukan untuk tujuan pengambilan tanah ini daripada pihak UPEN untuk proses seterusnya. Kemudian berkaitan dengan Masjid Kampung Melayu Sungai Buluh status semasa permohonan warta tapak Kampung Melayu Sungai Buluh timbul pertikaian mengenai keluasan sebenar tapak yang diperlukan untuk diambil alih sebagai jalan masuk ke masjid Kampung Melayu Sungai Buluh. Perbincangan dengan Pejabat Tanah Daerah Gombak mempersetujui supaya pelan yang sedia ada diguna untuk tujuan itu. Oleh sebab, itu ia melibatkan kos tambahan kos, maka pihak JAIS sedang mendapatkan nilai tanah daripada Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta sebelum peruntukan tambahan di pohon daripada pihak UPEN.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Minta jelaskan sikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Andalas, Sijangkang minta.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya minta EXCO di dalam Seri Andalas pun kita minta pembinaan masjid dan masjid Datuk Dagang ini sudah lama diminta oleh penduduk dan sampai sekarang wang pendahuluan pun mereka sudah ada. Tapi rakan saya dari Seri Muda tak tahu kabel mana dia pakai dia dapat bina tiga masjid di dalam dia punya kawasan, saya punya kawasan satu

masjid pun mereka tanya sekarang lama-lama ini tak dapat. So, mereka suruh saya minta la pasal apa lama sangat untuk minta bangunan baru ini.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Seri Andalas. Saya ingat Seri Andalas tidak bangkitkan isu ini. Tapi tak apalah, jawapan secara umum. Sebenarnya kita mempunyai masalah apabila ialah keperluan ada untuk mewujudkan ataupun membaik pulih ataupun membesar lagi masjid ataupun membina masjid baru. Perkara yang paling utama adalah berkaitan dengan tapak tanah. Saya ingat inilah antara perkara yang kadang-kadang kita....

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sorry, EXCO. Tapak sudah ada. Semua sudah ada dah. Tapak sudah ada. *Everything is ready* tetapi masalahnya ialah...

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ok tak apa Seri Andalas. Saya akan semak tentang perkara ini. *Insya-Allah* kalau sebab kita mempunyai satu *list* yang cukup panjang ada lebih daripada 100 permohonan untuk kita bina masjid dan dalam untuk Rancangan Malaysia Ke Sebelas kita akan lihat tentang perkara ini.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya dapati keperluan saiz masjid di bandar ini dia kena cukup besar. Contohnya di Shah Alam sekurang-kurangnya muatannya untuk 5000 orang. Tahun 2035 semuanya 10 juta lagi besar. Sekarang ini kita luluskan surau-surau untuk Jumaat dan saya cadangkan supaya saiz masjid di bandar ini kena saiz yang cukup besar untuk menampung jumlah jemaah yang ramai. Kesian bila bulan puasa ramai jemaah atas apa ni jalan dan sebagainya.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Kota Anggerik, ya! Cukup prihatin. Saya kira buat masa ini pembinaan masjid yang kita rancangkan sekurang-kurangnya tiga ekar. Dan jumlah kapasitinya dalam 1,500 begitu. Pun begitu saya ingat kita kena lihat juga, saya kira yang melimpah terlalu besar ini ada masa-masa yang tertentu. Cuma mungkin sebahagian daripada masjid-masjid di Selangor ini memang saya lihat jemaahnya baik, lebih daripada 500 setiap, setiap hari, setiap solat Jumaat. Solat fardu ini, tetapi secara umumnya jumlah sesuatu masa itu terlalu kecil.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Penambahan. Saya dapati melimpah ramai ni zaman Pakatan Rakyat. Masa BN tak ramai. Kenapa ya.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ini hasil daripada kesedaran masyarakat, rasanya melalui proses-proses pengetahuan, penambahan ilmu yang terbuka. Saya ingat ini menyebabkan masyarakat lebih sedar dan rasa

seronok untuk ke masjid dan kita telah meletakkan di dalam misi kita untuk memperkasakan masjid ini bukan sahaja masjid perkasa tetapi masjid sebagai pusat pembangunan masyarakat atau pun pembangunan insan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mohon penjelasan sedikit.

**Y.B. DATO' AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Info dari Jabatan Agama Islam bahawa Masjid Datuk Dagang dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sijangkang, Permatang minta pertanyaan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nak minta penjelasan. Bukan fasal Kota Anggerik tu. Saya tak hendak libatkan dialah. Saya nak tanya dalam isu mengenai tapak masjid. Saya bukan hendak masjid di Permatang. Kita nak Tanya tapak masjid. Kita pernah bangkitkan dalam sidang yang lepas mengenai tapak masjid Kampung Permatang. Masjid pun dah uzur. Tapi tak masalah masih boleh digunakan tetapi isunya tapak masjid yang sudah di masukan di pelan pembangunan tapi mempunyai pertikaian di antara pemaju yang ada di kawasan berkenaan dengan penduduk kampung. Jadi penduduk kampung kata itu kawasan masjid. Pemaju kata itu kawasan dia. Jadi saya masih belum mendapat jawapan, kalau boleh dalam bentuk bertulis pun saya boleh terima sekurang-kurangnya untuk kita perjelaskan kepada penduduk di kawasan berkenaan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekejap Sijangkang, saya hendak pergi beri perhatian oleh Yang Berhormat sekalian kalau semua bangun untuk beri tahu tanya masjid masing-masing. Jadi kita tumpu kepada soalan yang dikemukakan di dalam dewan dulu. Sila.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ini yang terakhirlah untuk Permatang. Di dalam berkaitan dengan tapak masjid yang Permatang maksudkan itu, itu dalam proses untuk kita menyelesaikannya. Sekiranya kita dah selesaikannya itu kita akan maklumkan kepada Permatang. Saya maklum dan saya ingat Permatang juga maklum tentang perkara tersebut. Seterusnya saya hendak sentuh berkaitan dengan pertanyaan Adun Paya Jaras berkaitan dengan tanah perkuburan Islam Bukit Lagong. Sebenarnya di Bukit , di Paya Jaras ini atau pun tapak perkuburan Islam di Bukit Lagong ini ada tiga tempat yang mana ia juga berlaku pencerobohan yang seperti yang dimaksudkan. Satu adalah berhampiran Hospital Sungai Buluh. Pencerobohan tapak semaihan pertanian dan apa yang telah kita lakukan adalah kita sedang ambil tindakan secara bersama dengan Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah Gombak dan Pejabat Agama Islam Daerah Gombak untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi. Yang keduaberikaitan dengan tapak tanah perkuburan yang berhampiran ibu pejabat Daerah Polis yang mana dijadikan Polis Daerah yang mana sedang dijadikan tempat pembuangan sampah dan pembangunan kuil haram di situ dan masalah pembuangan sampah ini,sampah haram ini telah selesai manakala

masalah pembinaan kuil tanpa kebenaran sedang dibincangkan secara bersama dengan Pejabat Daerah Tanah Gombak dan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Berkaitan dengan tapak perkuburan Islam Bukit Lagong berhampiran dengan FRIM, saya kira itu tidak ada apa-apa permasalahannya. Kemudian berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Adun Kota Anggerik keperluan Sekolah Rendah Agama di Dun Kota Anggerik. Hanya terdapat satu sekolah rendah agama sahaja di Shah Alam sedangkan permintaan di sekolah jenis tersebut adalah tinggi mohon tambahan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Sebenarnya pada masa ini terdapat hanya dia buah sekolah Rendah Agama di Shah Alam iaitu SRA di Seksyen 3 yang boleh menampung seramai 2,386 murid dan SRA Seksyen 16 yang boleh menampung sejumlah 459 murid. Bagi menampung keperluan semasa JAIS telah mencadangkan supaya peruntukan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk tujuan penambahan kelas-kelas di sekolah-sekolah tersebut. Walau bagai mana pun sebenarnya terdapat dua buah sekolah JAIS lagi yang boleh menampung permintaan masyarakat setempat di situ iaitu satu Sekolah Rendah Agama Integrasi Seksyen 7 yang menampung seramai 733 murid. Sekolah Rendah Agama Integrasi Seksyen 19 yang boleh menampung sejumlah 1,228 murid. Selain daripada itu terdapat juga sejumlah sekolah rendah kelolaan swasta yang beroperasi di sekitar Shah Alam iaitu KAFA Integrasi.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Untuk makluman EXCO syarat kemasukan ke Sekolah Integrasi sangat ketat dan kawasan-kawasan perumahan apa ni *low cost flat*, anak-anak mereka tidak mampu, tidak layak masuk ke Sekolah Rendah Integrasi dan daripada Seksyen 7 untuk menghantar ke Seksyen 3 sangat jauh. Jadi mereka tidak mampu untuk menghantar ke Seksyen 7. Saya cadangkan tapak yang ada di sebelah SRA itu dimasukkan dalam bajet Am 11 sebagai sebuah sekolah baru dibina dan tempat 19 itu sudah penuh. Untuk ke Seksyen 19 sangat jauh.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Insyah-Allah* terima kasih Kota Anggerik Di atas pandangan itu, dan ini juga sebenarnya yang telah kita fikirkan untuk kita masukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, ya. Cuma sebagai maklumat tambahan terdapat lagi 9 sekolah swasta yang beroperasi di sekitar Shah Alam sebenarnya. Jadi, perkara seterusnya adalah berkaitan dengan sekolah bina insan yang dibawa oleh Adun Sri Serdang, ya, yang mana Sekolah Bina Insan ini adalah sekolah yang mana perwujudannya difikirkan oleh pentadbiran KUIS yang, yang lama dan dibiayai oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan setakat ini sesi persekolahan bagi pelajar yang sedia ada sahaja diteruskan sehingga habis kohor dan saya dimaklumkan bahawa pelajar yang terakhir ini sekarang ini berada di tingkatan tiga. Kemudian berkaitan dengan inisiatif pembangunan Sekolah Menengah Agama yang juga dibangkitkan oleh Dun Sri Serdang yang mana untuk

makluman Sri Serdang kita JAIS telah memasukan di dalam perancangan permohonan akan datang untuk menambahkan bilangan kelas di sekolah-sekolah Menengah Agama yang sedia ada dan juga kita dalam perancangan membina dua buah Maahad Tahfiz Selangor yang baru dan *insya-Allah* pada tahun 2016 Maahad Tahfiz Integrasi Bagan Lalang akan dimulakan. Berkaitan dengan isu yang dibawa oleh Adun Dusun Tua perpindahan masjid untuk diperbesarkan jalan, Masjid Batu 14 ke Desa Nanding, ya, JAIS mengambil maklum perkara permasalahan ini dan telah memasukan masjid itu dalam senarai perancangan pembangunannya akan datang .Ah! Adun Sri Serdang juga menyentuh berkaitan saya ingat ini Adun Sg. Air Tawar juga menyentuh berkaitan dengan kenaikan gaji guru KAFA seperti yang mana kerajaan negeri pernah, pernah sebutkan dan ini saya maklumkan dahulu bahawa kajian telah dilakukan untuk menjustifikasi apakah penambah-penambahan nilai yang perlu kita tambah nilaikan kepada guru-guru KAFA ini supaya sekiranya kita memutuskan untuk menaikkan elau kepada RM1,500.00 bermakna dia ada tambah nilai kebaikan kepada guru dan juga kepada pelajar-pelajar, pada anak-anak yang dididik di sekolah-sekolah yang tenaganya adalah guru-guru KAFA dan kajian ini telah selesai dan *Insya-Allah* kita akan bawa di dalam perbincangan peringkat kerajaan negeri dan cuma untuk makluman bahawa dia tidak dibajetkan untuk tahun ini dan *Insya-Allah* kita akan berikan keputusan-keputusan yang terbaik untuk diberikan kepada guru-guru KAFA yang disebutkan tadi. Ah! Saya ingat itu antara beberapa perkara yang saya hendak sebutkan. Satu lagi adalah berkaitan dengan isu pembangunan desa atau pun kampung yang disebutkan oleh Adun Sabak dan juga Tanjung Sepat dan Kuala Kubu Bharu juga menyebutkan berkaitan dengan pembesaran kampung. Antara cadangannya adalah pembinaan rumah-rumah teres yang lebih sesuai kepada masyarakat luar bandar, desa atau pun masyarakat kampung dan juga pemberian tanah-tanah lot yang bersesuaian untuk kita memberikan peluang kepada masyarakat desa untuk mendapatkan tapak-tapak rumah didalam program pembangunan, pembesaran kampung. Walaupun sebenarnya didalam sesi yang lepas saya tidak ada dasar pembesaran kampung tetapi kita akan cuba lihat bagai mana di peringkat pihak kerajaan negeri kita boleh memikirkan manfaatnya kepada masyarakat terutama kepada masyarakat luar bandar dan juga masyarakat desa. Yang lebih penting daripada itu juga kita hendak melihat bahawa tanah-tanah rizab Melayu atau pun kawasan-kawasan kampung ini kita dapat bangunkan senilai dengan pembangunan yang berlaku di persekitaran dan kadang-kadang kita melihat seolah-olah kampung-kampung tradisi atau pun desa ini terpinggir dengan pembangunan yang pesat kawasan-kawasan perumahan yang, yang mewah berada di sekelilingnya, tetapi daripada segi nilai pembangunan di kawasan itu juga perlu difikirkan. Saya rasa di peringkat kerajaan negeri akan memikirkan bahawa bagaimana keseimbangan pembangunan ini boleh dibawa atau pun diraikan juga kepada masyarakat luar bandar atau pun desa. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:**Saya persilakan wakil kerajaan dan yang lain. Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan isu tentang PBT Pihak Berkusa Tempatan dan saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Sungai Panjang, Bukit Gasing, Taman Medan yang mengenai penjaja. Penjaja yang tidak berlesen atau pun di tepi jalan dan sebaginya. Dan saya setuju cadangan daripada Yang Berhormat sekalian bahawa kita perlu membantu ya, membantu penjaja ini supaya menyediakan satu tempat atau pun ruangan untuk mereka terus menjaja, tapi kita perlu ada, kita kena ada satu syarat untuk mereka supaya tidak menghalang trafik dan juga keselamatan dan sebagainya. Ini perlu di bincang di peringkat PBT, dan saya juga akan memberi arahan kepada mereka supaya mereka mengadakan satu pendekatan yang baru untuk menyelesaikan banyak penjaja-penjaja di tepi jalan dan sebagainya. Dan saya juga ingin menjawab isu tentang pembersihan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Bukit Gasing, Kota Anggerik, Sri Andalas, Hulu Kelang, Kinrara dan beberapa Ahli Dewan Negeri yang menyentuh perkara ini dan saya tidak menafikan bahawa memang terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan sampah dan juga pembersihan awam dan kerajaan negeri memang mengambil sikap yang serius, ya!, MB, saya juga sendiri terjah melawat tapak-tapak pembuangan sampah yang haram dan mengarah PBT untuk menutupkan tapak tersebut. Tapi ini isu tidak dapat diselesaikan segera kerana kita dapati memang banyak tempat dan kawasan di negeri Selangor sudah menjadi satu tapak pembuangan sampah yang haram. Dan ada beberapa langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri dan juga PBT seperti apa yang saya jawab dalam sesi soal jawab soalan pada pagi tadi dan beberapa lagi langkah yang saya ingin memaklumkan kepada Dewan iaitu satu Kerajaan Negeri telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Audit dan Pemantauan Luar ya, tentang pengurusan sampah dan kebersihan awam. Dan jawatankuasa akan ini dianggotai oleh Adun yang di kawasan tersebut dan kerajaan negeri akan memaklumkan ahli-ahli jawatankuasa tersebut dan jawatankuasa ini akan ditubuhkan di setiap PBT dan saya berharap jawatankuasa ini dapat membantu kerajaan untuk menjalankan audit dan juga siasatan ke atas isu-isu berkenaan dengan pembersihan awam.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Kembangan diminta duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah menunjukkan 4.30 petang, maka dewan ditangguhkan sehingga ke Isnin, 6 April 2015 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang )